

**LAGU SEWANG MASYARAKAT ORANG ASLI SEBAGAI  
SUMBER KURIKULUM PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN PRABACAAN KANAK-KANAK  
PRASEKOLAH**

**SITI NOR KHALIS BINTI HARUN NARASID**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2021**

**LAGU SEWANG MASYARAKAT ORANG ASLI SEBAGAI  
SUMBER KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
PRABACAAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

**SITI NOR KHALIS BINTI HARUN NARASID**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2021**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Siti Nor Khalis binti Harun Narasid

No. Matrik : PGF150016

Nama Ijazah : Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak)

Tajuk kertas projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Thesis : (“Hasil Kerja Ini”) :

LAGU SEWANG MASYARAKAT ORANG ASLI SEBAGAI KURIKULUM  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PRABACAAN KANAK-KANAK  
PRASEKOLAH

Bidang penyelidikan :-

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja Ini ;
- (2) Hasil Kerja Ini adalah asli ;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja Ini ;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja Ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain ;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon :

Tarikh : 19 Oktober 2020

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi :

Tarikh :

Nama :

Jawatan :

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Lafaz syukur Alhamdulillah saya dapat menyiapkan disertasi ini seadanya dengan izin-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW semoga semua umat mendapat syafaatnya.

Pertamanya diucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Mohd Nazri bin Haji Abdul Rahman yang telah memberikan bimbingan dan nasihat berguna serta komen-komen agar saya terus berjuang hingga ke akhirnya. Penyeliaan yang diberikan membolehkan kajian dan penulisan disertasi ini berjaya disempurnakan. Tanpa galakan dan sokongan beliau, mungkin disertasi ini tidak mampu disempurnakan.

Sekalung penghargaan yang teristimewa buat keluarga tercinta anakanda Wan Khadeeja El Zahraa, bonda saya Nor Hayati binti Che Mat, ayahanda saya Harun Narasid bin Mamat serta adik beradik dan keluarga saya yang sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan semangat di samping mendoakan kejayaan saya ini. Terima kasih juga kepada semua rakan sekerja di Kolej Vokasional ERT Setapak dan rakan-rakan di Universiti Malaya kerana memberikan dorongan dan doa buat saya. Kesabaran dan keprihatinan daripada mereka amat bermakna buat diri ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan kajian ini dan terima kasih kepada para pensyarah di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya terutamanya kepada pembaca (*reader*) bagi disertasi saya semasa seminar 1 dan seminar 2 saya iaitu Dr. Fonny Dameaty Hutagalung dan Prof Dr. Saedah Siraj kerana sudi meluangkan masa membaca, menyemak dan memberikan komen, cadangan serta ulasan yang berguna untuk saya memperbaiki penulisan disertasi saya.

Seuntai ungkapan penghargaan juga ditujukan khas buat panel pakar Jakoa, para pensyarah di IPG Kampus Tg Ampuan Afzan dan IPG Bahasa Melayu Malaysia dan guru-guru Prasekolah sekitar Lembah Kelang kerana menyisip masa untuk memberi maklumbalas terhadap kajian saya.

Inspirasi, sokongan, pertolongan dan persefahaman yang dipupuk melalui persahabatan mengilhamkan pelbagai agenda, ilmu pengetahuan dan pengalaman menarik sepanjang pengajian. Terima kasih buat sahabat Hanim, Laily, Fila, Kak Aznee, Farah, Jamaliah Maya serta Abu. Tidak dilupakan kepada seseorang insan yang sangat berinspirasi yang telah hadir dalam hidup ini dan mendengar luahan serta membantu menyelesaikan masalah malah turut memberikan nasihat berguna kepada saya.

Semoga sumbangan yang telah diberikan dalam membantu menyiapkan disertasi ini mendapat ganjaran daripadanya. Semoga penulisan disertasi ini memberi manfaat kepada orang lain. Semoga Allah membalas jasa kalian semua.

Wassalam.

## LAGU SEWANG MASYARAKAT ORANG ASLI SEBAGAI SUMBER KURIKULUM PRABACAAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH

### ABSTRAK

Lagu Sewang merupakan sebuah irama, nyanyian atau jenulang (bahasa suku kaum Semai) tradisional orang Asli yang dinyanyikan dalam berbagai-bagai fungsi acara seperti hiburan, buka cinta, perkahwinan, memuja semangat padi dan juga perubatan. Lagu Sewang ini menjadi hiburan utama dan identiti bagi masyarakat orang asli. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan berasaskan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli (LSMOA) bagi kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar. Oleh itu, tiga objektif utama kajian telah ditetapkan: a) mengenalpasti kesesuaian LSMOA dalam aktiviti pembelajaran Prabacaan kanak-kanak Prasekolah, b) mengenalpasti isi kandungan sumber pembelajaran berasaskan LSMOA dalam aktiviti pembelajaran Prabacaan kanak-kanak Prasekolah, dan c) mengenalpasti strategi pengajaran berasaskan LSMOA dalam aktiviti pembelajaran Prabacaan kanak-kanak Prasekolah. Kajian ini menggunakan kaedah Teknik Fuzzy Delphi (TFD) bagi menentukan elemen sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan berasaskan LSMOA bagi kanak-kanak Prasekolah. 20 orang pakar dari bidang prasekolah, bahasa dan lagu tradisi Orang Asli dipilih sebagai panel bagi menentukan elemen-elemen yang bersesuaian kepada sumber kurikulum ini. Pada fasa awal, sorotan literatur dan temubual bersama lima orang pakar digunakan untuk mendapatkan tema dan elemen utama sumber kurikulum bagi soal selidik TFD. Instrumen ini mengandungi 30 sub item berdasarkan tiga tema utama kajian dan digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan persetujuan pakar melalui TFD untuk menentukan sumber kurikulum yang relevan. Ringkasnya, dapatan TFD bersama 20 pakar menunjukkan keseluruhan pakar bersetuju dengan keseluruhan elemen-elemen yang dicadangkan dalam kajian ini. Bagi elemen kesesuaian LSMOA dalam aktiviti pembelajaran, konstruk ini mencapai nilai persetujuan pakar yang tinggi iaitu 92.88% (>75%). Seterusnya, bagi elemen isi kandungan sumber pembelajaran, nilai persetujuan pakar juga adalah tinggi iaitu 96.0% (>75%). Akhir sekali, bagi elemen strategi pengajaran dan pembelajaran, konstruk ini mencapai nilai persetujuan pakar yang tinggi iaitu 94.16% (>75%). Kesimpulannya, dapatan kajian ini telah menggariskan elemen-elemen yang bersesuaian untuk pembangunan sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran prabacaan kanak-kanak prasekolah berdasarkan LSMOA. Sebagai implikasi, dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan untuk pembangunan sumber kurikulum bagi pelaksanaan dalam konteks sebenar di prasekolah Orang Asli di Malaysia bagi meningkatkan penguasaan kemahiran prabacaan kanak-kanak.

# SEWANG SONG OF ORANG ASLI COMMUNITY AS PREREADING CURRICULUM RESOURCE FOR TEACHING AND LEARNING OF PRESCHOOL CHILDREN

## ABSTRACT

Sewang song is a traditional Orang Asli melody, known as ‘jenulang’ in Semai language. This song is performed in numerous celebrations and events – casual entertainment, ‘buka cinta’, wedding, ritual to summon the spirit of rice and traditional medication ritual. This song is the main source of entertainment and identity for this community. The current study is aimed at identifying the elements (based on experts’ opinions) for the prereading curriculum resources for teaching and learning of preschool children based on the Sewang Song of Orang Asli Community (SSOAC). Therefore, the research objectives are: a) identify the suitability of SSOAC for teaching and learning of prereading for preschool children, b) identify the content of learning for the curriculum resources based on the SSOAC for learning, and c) identify teaching strategy based on the SSOAC for teaching and learning of prereading for preschool children. This study employed a Fuzzy Delphi Technique (FDT) in determining the elements of curriculum resources based on the SSOAC for teaching and learning of prereading for preschool children. A total of 20 experts from the preschool, language and traditional Orang Asli song field were selected as the panel. In the initial phase, an extensive review of literature on this area along with the experts’ opinions (five experts) were used to map the relevant themes and elements of the curriculum resources for the FDT instrument. The instrument consists of 30 sub items across all three main themes of the study was used in the FDT- to reach consensus on the relevant elements of the curriculum resources. The FDT findings with 20 experts suggested that they agreed on all suggested elements for this study. The suitability of the SSOAC for teaching and learning construct achieved a high percentage of agreement, 92.88% (>75%). Similarly, the content of learning for the curriculum resources construct achieved a high percentage of agreement, 96.0% (>75%). Lastly, the teaching strategy construct also achieved a high percentage of agreement, 94.16% (>75%). In short, the findings outline the relevant elements for the prereading curriculum resources for teaching and learning of preschool children based on the SSOAC. As an implication, the findings can be served as a point of reference for curriculum resources development and implementation in the context of Orang Asli preschools in Malaysia.

## SENARAI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan.....	i
Penghargaan.....	ii
Abstrak.....	iii
<i>Abstrac</i> .....	iv
Senarai Kandungan.....	v
Senarai Jadual.....	ix
Senarai Rajah.....	xii
Senarai Singkatan.....	xiii
Senarai Lampiran.....	xiv

### **Bab 1 : Pengenalan**

1.1 Latar belakang kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	9
1.3 Tujuan Kajian.....	16
1.4 Objektif Kajian.....	17
1.5 Soalan Kajian.....	17
1.6 Rasional Kajian.....	18
1.7 Signifikan Kajian.....	19
1.8 Limitasi Kajian.....	21
1.9 Delimitasi Kajian.....	22
1.10 Definisi Istilah.....	23
1.11 Kesimpulan.....	36

## **Bab 2 : Sorotan Kajian**

2.1	Pengenalan.....	28
2.2	Latar belakang Masyarakat Orang Asli di Malaysia.....	29
2.3	Latar belakang Pendidikan Orang Asli di Malaysia.....	30
2.4	Masalah Pendidikan Orang Asli.....	31
2.5	Cabaran Pendidikan Masyarakat Orang Asli.....	36
2.6	Budaya dan Tradisi Masyarakat Orang Asli.....	39
2.7	Muzik dan Lagu Masyarakat Orang Asli.....	43
2.8	Lagu dan Tarian Sewang Masyarakat Orang Asli.....	46
2.9	Prabacaan Awal Kanak-kanak.....	49
2.10	Kepentingan Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.....	53
2.11	Isu Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak.....	56
2.12	Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan.....	58
2.13	Aspek kemahiran Prabacaan Kanak-kanak.....	63
2.14	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran guru.....	66
2.15	Teori Psikologi Skema.....	74
2.16	Kerangka konsep kajian.....	78
2.17	Kajian berkaitan di luar Negara.....	88
2.18	Kajian berkaitan Lagu Sewang Orang Asli dalam negara.....	91
2.19	Kesimpulan.....	93

## **Bab 3 : Metodologi Kajian**

3.1	Pengenalan.....	94
3.2	Metodologi kajian.....	94
3.3	Fuzzy Delphi Method.....	95



3.4	Interpretasi Data Kaedah Fuzzy Delphi.....	98
3.5	Persampelan.....	102
3.6	Prosedur Pengumpulan Data.....	104
3.7	Instrument kajian.....	113
3.8	Kesahan dan kebolehpercayaan instrument kajian.....	117
	Kajian rintis.....	118
3.9	Prosedur penganalisan Data.....	121
3.10	Kesimpulan.....	125

#### **Bab 4 : Dapatan Kajian Dan Analisis**

4.1	Pengenalan.....	126
4.2	Analisis : Temubual Pakar.....	130
	Demografi Temubual Pakar.....	131
	Isi Kandungan Sumber Kurikulum Pengajaran.....	132
4.3	Analisis Data : Fuzzy Delphi.....	138
	Deskriptif Demografi Pakar.....	138
	Lagu Sewang sebagai Sumber Pengajaran.....	143
	Aktiviti Pembelajaran berasaskan Lagu Sewang.....	152
	Kemahiran Prabacaan.....	156
	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	161
4.4	Kesimpulan.....	165

#### **Bab 5 : Perbincangan Dan Cadangan**

5.1	Pengenalan.....	166
-----	-----------------	-----

5.2	Ringkasan Kajian.....	166
5.3	Dapatan Kajian.....	168
5.4	Implikasi dan Cadangan.....	177
	Implikasi dan cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia....	177
	Implikasi dan cadangan kepada Pendidikan Awal Kanak- kanak.....	179
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	181
5.6	Kesimpulan.....	183
	Rujukan.....	184
	Lampiran.....	193

#### **Rujukan :**

Guideline for the Preparation of Research Project, Dissertation and Theses (2017), AASC, University of Malays

APA Formatting and Style Guide (6th Edition). University og Malaya Library (UM).  
Publication Manual of the American Psychological Association ( 6th Edition), (2013)  
Purdue Online Writing Lab (OWL) : APA Formatting and Style Guide.

## SENARAI JADUAL

		halaman
Jadual 2.1	Standard Kandungan dan Standard pembelajaran	60
Jadual 2.2	Standard Kandungan dan Standard pembelajaran	62
Jadual 3.1	Kriteria pemilihan panel pakar soal selidik Fuzzy Delphi	94
Jadual 3.2	Skala Linguistik 5 point	96
Jadual 3.3	Pembahagian Konstruk	99
Jadual 3.4	Analisis Kebolehpercayaan kajian rintis	102
Jadual 3.5	Skala Linguistik kala 5 point	96
Jadual 3.6	Penggunaan Teknik Fuzzy Delphi dalam kajian	99
Jadual 4.1	Maklumat Demografi Pakar : Status	114
Jadual 4.2	Maklumat Demografi Pakar : Kaum	114
Jadual 4.3	Maklumat Demografi Pakar : Taraf Pendidikan	114
Jadual 4.4	Maklumat Demografi Pakar : Bidang kepakaran	114
Jadual 4.5	Maklumat Demografi Pakar :Pengalaman bekerja	115
Jadual 4.6	Maklumat Demografi Pakar : Penggunaan bahan bantu dalam pengajaran dan pembelajaran	116
Jadual 4.7	Maklumat Demografi Pakar : kekerapan penggunaan lagu dalam pengajaran Tunjang Komunikasi Bahasa	116
Jadual 4.8	Maklumat Demografi Pakar : kekerapan penggunaan lagu dalam pengajaran Tunjang Komunikasi Bahasa	117
Jadual 4.9	Jadual skala linguistik 5 point	118
Jadual 4.10	Nilai Threshold ‘d’ untuk item soal selidik Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai kurikulum Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah	120
Jadual 4.11	Nilai Threshold ‘d’ untuk item soal selidik Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai kurikulum Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah	121
Jadual 4.12	Nilai Threshold ‘d’ untuk item soal selidik Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah	123
Jadual 4.13	<i>Kesepakatan pakar terhadap Aktiviti Pembelajaran yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada kreativiti nyanyian.</i>	125

Jadual 4.14	<i>Kesepakatan pakar terhadap Aktiviti Pembelajaran yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek persekitaran.</i>	126
Jadual 4.15	<i>Kesepakatan pakar terhadap Aktiviti Pembelajaran yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek penglibatan murid.</i>	127
Jadual 4.16	<i>Kesepakatan pakar terhadap keseluruhan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Prabacaan bagi kanak-kanak Prasekolah bagi item Aktiviti Pembelajaran.</i>	128
Jadual 4.17	<i>Kesepakatan pakar terhadap Aktiviti Pembelajaran yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek penglibatan murid.</i>	129
Jadual 4.18	<i>Kesepakatan pakar terhadap Kemahiran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek mengenal huruf abjad.</i>	130
Jadual 4.19	<i>Kesepakatan pakar terhadap Kemahiran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek membaca perkataan dengan suku kata terbuka.</i>	131
Jadual 4.20	<i>Kesepakatan pakar terhadap Kemahiran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek membaca perkataan dengan suku kata tertutup.</i>	132
Jadual 4.21	<i>Kesepakatan pakar terhadap keseluruhan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Prabacaan an bagi kanak-kanak Prasekolah bagi item kemahiran Prabacaan</i>	133
Jadual 4.22	<i>Kesepakatan pakar terhadap Stram tegi Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu</i>	134

	<i>Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek Budaya Masyarakat Setempat.</i>	
Jadual 4.23	<i>Kesepakatan pakar terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek pembelajaran berpusatkan murid, kontekstual, dan kecerdasan pelbagai.</i>	135
Jadual 4.24	<i>Kesepakatan pakar terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek integrasi antara disiplin</i>	135
Jadual 4.25	<i>Kesepakatan pakar terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada pengajaran multigrade</i>	136
Jadual 4.26	<i>Kesepakatan pakar terhadap keseluruhan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Prabacaan bagi kanak-kanak Prasekolah bagi item Strategi pengajaran dan pembelajaran</i>	137

## SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 2.1	Teori Psikologi Skema	66
Rajah 2.2	Kerangka konsep kajian melalui Teori Psikologi Skema dan Model Pedagogi Pribumi	77
Rajah 3.1	Graf segitiga min melawan nilai triangulasi	88
Rajah 3.2	Rumusan mengira nilai threshold	88
Rajah 3.3	Kedudukan nilai <i>a-cut</i> di dalam penomboran Fuzzy	89
Rajah 3.4	Langkah teknik Fuzzy Delphi	92
Rajah 4.1	Rumus mengira nilai Threshold	119

## SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
DKSPK	Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
LINUS	Literasi dan Numerasi
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
FDM	Fuzzy Delphi Method

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Persetujuan Menganggotai Panel Pakar rujuk
Lampiran B	Maklumbalas Menganggotai Panel pakar rujuk
Lampiran C	Protokol temubual
Lampiran D	Soal selidik
Lampiran E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
Lampiran F	Surat Kelulusan Menjalankan kajian di JPN Selangor
Lampiran G	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian JAKOA
Lampiran H	Surat Kelulusan Menjalankan kajian KPM
Lampiran I	Surat Sumbangan Lagu dari Asyik.fm
Lampiran J	Surat Kelulusan Kebenaran Mengikuti Program Pendidikan Jarak Jauh di IPTA
Lampiran K	Surat menterjemah Lagu-lagu Sewang (Bahasa Semai)
Lampiran L	Surat Pengesahan Pelajar UM
Lampiran M	Surat Memohon Kebenaran menjalankan kajian di sekolah



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latarbelakang Belakang Kajian

Dasawarsa ini sistem Pendidikan di Malaysia telah mengalami transformasi dari zaman dahulu sehingga sekarang sama ada dari aspek kurikulum, pentaksiran dan penilaian mahupun struktur persekolahan, ke arah kesaksamaan peluang pendidikan dan mobiliti antara generasi. Namun, ada segolongan masyarakat terutamanya etnik minoriti Orang Asli yang terpinggir dan terdicir walaupun dunia sibuk dengan isu peluang pendidikan yang berkualiti dan sama rata untuk semua. Era globalisasi meletakkan Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran. Untuk menjadi sebuah negara membangun, rakyat Malaysia perlu meningkatkan daya saing dan meningkatkan kualiti pendidikan negara bertaraf dunia.

Kanak-kanak Prasekolah amat sinonim sekali dengan masalah menguasai kemahiran membaca pada peringkat awal. Kanak-kanak di pedalaman juga khususnya masyarakat Orang Asli mengalami masalah yang sama dalam menguasai kemahiran membaca. Dalam akhbar Utusan Malaysia 2015, kualiti pendidikan masyarakat orang asli yang masih ketinggalan dan serba serbi kekurangan itu perlu dipertingkatkan (Resdi, 2015). Menurut Norwaliza, A, Ramlee, & Jasmi, A, (2016), pelbagai usaha telah dilakukan untuk pendidikan masyarakat Orang Asli oleh pihak kerajaan namun usaha mendidik pelajar Orang Asli perlu diberi penekanan sejak mereka kanak-kanak lagi agar pendedahan awal kepada proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Perkara ini jelas sebagaimana pendapat Nor, Sukimi, & Nor, (2018) dalam kajiannya, program *UNESCO's Division of Basic Education Early Childhood* yang telah memperkenalkan pendidikan awal untuk kanak-kanak Orang Asli tanpa menghilangkanan identiti mereka.

Kewujudan sistem pendidikan Prasekolah di dalam sistem Pendidikan Kebangsaan di Malaysia bermula pada tahun 1992, (*Akta Pendidikan 1996*, 2013) yang bermatlamat untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah. Pendidikan Prasekolah menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum masuk ke Tahun Satu di sekolah formal tidak terkecuali golongan orang asli (Pembangunan, Kementerian, & Malaysia, 2017).

Dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini menunjukkan bahawa sistem Pendidikan di Malaysia berhasrat untuk membentuk individu yang seimbang dan harmonis bermula sejak peringkat awal Prasekolah lagi. Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia pendidikan. Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan dapat membekalkan murid dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif untuk pembelajaran yang seterusnya.

Justeru itu, fokus utama dalam kajian ini ialah apabila dilihat dengan lebih terperinci dalam Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan 2017 (DKSPK) Pendidikan Prasekolah merupakan pengalaman awal yang paling penting di dunia pendidikan. KSPK digubal berdasarkan prinsip amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak tidak terkecuali bagi kanak-kanak orang asli di Malaysia. Kandungan yang dipelajari di peringkat prasekolah pada asasnya merupakan pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan murid sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan di peringkat sekolah rendah kelak. Dalam Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia menekankan kepada kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi. Tunjang ini mengandungi disiplin ilmu bahasa yang wajib dipelajari oleh semua murid prasekolah iaitu Bahasa Melayu. Tunjang

Bahasa Melayu pula terdapat Standard Pembelajaran daripada Prabacaan sehingga kemahiran menguasai ayat. (Pembangunan et al., 2017).

Pengalaman Prasekolah dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan dapat membekalkan murid dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif untuk pembelajaran yang seterusnya. (KPSK, 2017) KSPK digubal berdasarkan prinsip amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. Kandungan KSPK di beri penekanan dalam pengubalan KSPK ialah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dinyatakan secara eksplisit dalam penulisan Standard Pembelajaran. Guru perlu menterjemah Standard Pembelajaran dalam PdP di bilik darjah dengan penekanan KBAT. Menerusi Standard Pentaksiran pula, murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu ilmu, kemahiran dan nilai, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

Kurikulum Prasekolah tersebut berfokus untuk melahirkan murid yang mempunyai kebolehan berkomunikasi dan bersosialisasi dengan yakin. Di samping itu, kurikulum ini menghasratkan murid yang mampu menghadapi cabaran, menyelesaikan masalah, berkeinginan untuk belajar dan bersedia untuk pembelajaran seterusnya.

Hal ini disokong lagi dengan beberapa fakta yang lain. Berdasarkan kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM (BPPDP, 2011) menyatakan program LINUS, iaitu salah satu subNKRA Pendidikan dalam agenda transformasi negara, program saringan 5 peratus adalah murid yang tidak mampu menguasai dua kemahiran paling asas dalam membaca iaitu mengenal huruf vokal dan konsonan, serta membaca suku kata terbuka. Dua kemahiran asas tersebut adalah akses utama kepada kebolehan membaca. Di dalam buku Kemahiran Bacaan Awal Prasekolah, menurut Naimah, Nor Hashimah, & Hashim, (2014), secara umumnya didapati kanak-

kanak yang dapat membaca suku kata terbuka akan dapat membaca suku kata tertutup dan seterusnya menunjukkan penguasaan kemahiran bacaan dan kefasihan yang baik (Naimah et al., 2014).

Hal ini ini telah disokong oleh Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM, 2010) dalam kajian (Khosro & Yew, 2015) sebanyak 2746 orang kanak-kanak Orang Asli yang tercicir dan tidak bersekolah langsung adalah disebabkan oleh faktor yang sama. Ini amat bertepatan dengan kajian penyelidik dalam kajian mengenai penguasaan bahasa dalam kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak d Prasekolah.

Transformasi pendidikan negara kini telah memasuki gelombang ke-2 (2016-2020) ke arah melaksanakan perubahan struktur pendidikan bagi melonjak perubahan pendidikan bagi merealisasikan pencapaian kualiti pengajaran dan pembelajaran. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat terutamanya etnik minoriti Orang Asli yang terpinggir dan tercicir walaupun dunia sibuk dengan isu peluang pendidikan yang berkualiti dan kesaksamaan pendidikan. Justeru, dalam menangani isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli, pendekatan dari perspektif yang berbeza seharusnya diterokai oleh pendidik di negara kita.

Justeru itu, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia) yang berhasrat merapatkan separuh jurang sosioekonomi, antara bandar dengan luar bandar, dan gender dalam pencapaian murid menjelang 2020. Lima pelan utama iaitu : akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan selari dengan Aspirasi Murid yang mengandungi enam tonggak termasuk pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Hasrat ke -3 ialah ekuiti. Ini selari dengan matlamat pengkaji dalam pendidikan masyarakat orang asli. Sistem pendidikan yang terbaik menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira etnik, tempat, atau

latar belakang sosioekonomi. Sistem pendidikan yang direncanakan bagi Malaysia ialah semua kanak-kanak warganegara, tanpa mengira siapa ibu bapa mereka, atau tempat mereka belajar, akan dilengkapi keperluan untuk membuka segala peluang bagi masa depan mereka.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PPPM 2013-2025) menghuraikan tentang prestasi sistem pendidikan di Malaysia. Sejak merdeka lagi peluang bagi semua kanak-kanak di Malaysia mendapat akses kepada pendidikan merupakan objektif utama dalam sistem pendidikan negara. Akses pertama memastikan semua murid bersekolah, akses kedua pula memastikan murid kekal bersekolah dalam tempoh yang ditetapkan bagi mencapai tahap minimum persekolahan. Enrolmen murid di peringkat Prasekolah mencapai tahap yang agak tinggi iaitu 77% (*sumber daripada PPPM 2013-2025, muka surat 76*).

Jika disoroti kembali kajian oleh Marzuki, Mapjabil, & Zainol, (2014); Ali, Samah, Hamsan, & Khir (2020) masyarakat Pribumi dan minoriti pula menunjukkan statistik mengenai keberhasilan murid kumpulan peribumi dan minoriti lain, selain murid Orang Asli, di SK agak terhad. Kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan murid Orang Asli menyebabkan pencapaian pendidikan dalam kalangan mereka agak rendah berbanding purata kebangsaan. Kadar kemiskinan yang tinggi dan kecenderungan tinggal di kawasan pedalaman selain bahasa Malaysia bukanlah bahasa ibunda kebanyakan mereka, yang turut menjadi penghalang kepada pembelajaran. Kedua, pemimpin sekolah dan guru menghadapi kesukaran membantu murid Orang Asli dalam pelbagai aspek daripada membantu mereka berinteraksi dengan rakan sebaya yang bukan Orang Asli hinggalah kepada meyakinkan mereka dan keluarga tentang pentingnya menerima pendidikan asas dan lanjutan.

Dapatan kajian-kajian lampau telah memperlihatkan isu masyarakat Orang Asli ini merangkumi isu akademik, sahsiah, penguasaan bahasa, psikologi dan sosiobudaya malah isu ekonomi. Namun pendidikan merupakan asas yang kukuh menjadi nadi kepada sesebuah pembangunan masyarakat. Segalanya bertitik tolak daripada permasalahan penyertaan kanak-kanak Orang Asli yang rendah dalam sistem pendidikan awam. ( Aniza Mohd Said et al, 2015.)

Selain itu, dalam kajian oleh Zakaria Khalid & Ariff Fadillah Khalil, (2011) menyatakan bahawa aktiviti nyanyian lagu-lagu tarian sewang dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu di sekolah orang asli dapat meningkatkan tahap penguasaan lisan, kosa kata, dan penglibatan murid di dalam bilik darjah. Dapatan kajian tersebut juga menunjukkan bahawa kanak-kanak orang asli tertarik dan berminat dengan proses pengajaran yang dikendalikan kerana elemen muzik etnik mereka sendiri diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. kanak-kanak begitu aktif dan responsif terhadap aktiviti yang dijalankan. Justeru itu pengkaji telah membuat kajian yang berkait rapat dengan kajian sebelum ini berkaitan lagu-lagu sewang dan dikaji dari aspek kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

Pada hujah yang lain Md Nasir Masran, Ramlah Jantan, Suppiah Nachiappan, abd Aziz Shukor, & Roslinda Mustapha, dan Ramlah Jantan (2016), masalah kegagalan membaca menjadi semakin serius jika tiada langkah sistematik dilakukan kerana masalah menguasai kemahiran membaca memang akan timbul dalam kalangan murid yang lemah. Namun, elemen muzik yang diterapkan dalam nyanyian akan menjadikan kanak-kanak aktif dan berminat untuk membaca. Seterusnya, Zulkifli Yaakob (2017) menyatakan muzik adalah sebahagian daripada alam kehidupan pelajar yang tidak dapat dipisahkan. Pelajar sentiasa memberi respon kepada muzik dan akan merasa senang hati apabila dapat melakukan ekspresi diri apabila mendengar muzik.

Siti Aminah binti Mohd Sam (2015) berpendapat bahawa langkah pengkalan perlu dilakukan dalam membantu usaha-usaha melestarikan amalan budaya masyarakat orang asli termasuklah dari segi peralatan, makanan, kraf tangan, nyanyian, tarian dan tempat tinggal. Bagi memahami dan mengetahui kepentingan komponen alam sekitar seperti ekosistem hutan amat sinonim dengan kehidupan Orang Asli. hutan merupakan nadi bagi orang asli selain sumber untuk memperoleh makanan, hutan juga menjadi sumber pendapatan bagi mereka (Aminuddin Mohamed, 2019). Oleh sebab itu, pegkaji menggunakan lagu-lagu sewang ini sebagai sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak masyarakat Orang Asli bagi mengekalkan tradisi masyarakat mereka.

Tarian kebiasaannya diamalkan oleh masyarakat orang Asli iaitu tarian Sewang. (Mohammad Aslam & Abdullah, 2014); Razali, Mohamad, & Ahmad (2020) Tarian sewang bagi masyarakat orang Asli ialah satu bentuk persembahan tarian tradisional masyarakat orang Asli yang masih kekal diamalkan dan dipertahankan hingga sekarang dipersembahkan untuk beberapa upacara tertentu, iaitu untuk kesyukuran selepas menuai atau membuka tanah baru, menandakan tamat tempoh berkabung dan ketiga bagi tujuan mengiringi pengubatan tradisional, hiburan, buka cinta, perkahwinan, memuja semangat padi dan juga perubatan. Tarian ini diketuai oleh Tok Halak dan lima hingga sepuluh orang penari yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Selain itu, terdapat enam orang pemuzik iaitu lima orang pemukul centung (buluh yang berukuran berbeza) dan seorang pemukul gong. Sambil bersahut-sahutan beramai-ramai, penari perempuan mengetuk buluh centung ke atas buluh panjang atau kayu keras yang padat bagi mengeluarkan bunyi nyaring. Tambahan lagi, menurut kajian oleh (Nur Bahiyah A.Wahab, 2013) menghujahkan bahawa budaya ialah sesuatu perkara yang dapat mencorakkan kehidupan sesebuah masyarakat melalui proses pembelajaran. kanak-kanak orang asli akan lebih

berminat untuk melalui proses pembelajaran jika berkait rapat dengan budaya masyarakat mereka.

Justeru, dalam menangani isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli dari perspektif yang berbeza seharusnya diterokai. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dilakukan bagi meninjau budaya dan kreativiti masyarakat orang asli itu sendiri iaitu penggunaan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli Sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah adalah sangat relevan untuk panduan menanamkan minat kanak-kanak Orang Asli dalam kemahiran Prabacaan di peringkat Prasekolah. Mendidik anak Orang Asli mengikut pendekatan yang sesuai dengan cara dan gaya hidup serta persekitaran sosiobudaya mereka adalah satu anjakan baharu dalam sistem pendidikan negara khususnya untuk golongan minoriti ini pada masa depan. (Sipon et al., 2017).

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Penguasaan pendidikan dan peluang pendidikan dalam kalangan anak-anak Orang Asli adalah faktor penting untuk meningkatkan keupayaan diri dan taraf hidup yang lebih baik (SUHAKAM, 2010). Pendidikan untuk masyarakat Orang Asli turut diberi perhatian supaya mereka diberi peluang untuk mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti dan relevan berasaskan persekitaran mereka pada peringkat awal pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2012).

Menurut kajian oleh Marzuki et al. (2014); Ali et al., (2020), masyarakat Orang Asli yang cenderung mempunyai kadar keciciran yang tinggi dalam setiap peringkat pendidikan termasuk prasekolah. Bagi Afizi, Hanafi, Ahmad, & Ali, (2014) fenomena keciciran ini menyebabkan mereka terus berada dan tinggal di kawasan pedalaman kerana ketinggalan dari segi ekonomi, politik mahupun sosial. Satu faktor yang mempengaruhi keciciran pelajar Orang Asli daripada sistem pendidikan negara (Hamzah, 2016).



Mengikuti Mengikuti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), segelintir masyarakat Orang Asli menganggap pendidikan adalah tidak penting dan tidak ada masa depan dan hanya lebih menekankan cara hidup sedia ada.

Selain itu, kanak-kanak yang sudah terbiasa dengan proses sosialisasi secara tradisional akan menyebabkan mereka sukar untuk menyesuaikan diri dengan sistem persekolahan (M. M. M. Nor et al., 2018) tambahan pula dalam kajian Aniza Mohd Said (2015) isu yang dikenal pasti wujud dalam pendidikan masyarakat Orang Asli ialah masyarakat Orang Asli yang menolak kurikulum yang tidak relevan dengan budaya kehidupan mereka. Dalam hal ini, perbezaan antara pedagogi pendidikan kebangsaan dengan budaya masyarakat Orang Asli itu sendiri menyebabkan murid Orang Asli tidak berminat untuk mengikuti proses pembelajaran di dalam bilik darjah.

Isu tahap literasi dan numerasi yang rendah dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli serta kadar keciciran kanak-kanak Orang Asli dari persekolahan arus perdana masih terlalu tinggi berbanding purata kebangsaan. Dapatan kajian Abdull Sukor Shaari Nuraini Yusoff & Mohd Izam Ghazali Mohd Hasani Dali (2015) menjelaskan penguasaan kemahiran membaca dikalangan kanak-kanak harus tekankan. Menurut Naimah dan Hashim (2014) menyatakan kemahiran bacaan awal dalam kalangan kanak-kanak prasekolah merupakan kemahiran asas sebelum mereka menjejakkan kaki ke sekolah rendah. Kelemahan kanak-kanak dalam kemahiran Prabacaan pada peringkat awal ini membimbangkan dan akan mempengaruhi keseluruhan proses pembelajaran.

Perkara ini diujahkan dalam kajian oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (2018) menurut Dolores Durkin (1960) persekitaran membantu kanak-kanak menimba pengalaman belajar membaca sebelum ke tadika. Guru perlu menyediakan persekitaran yang kaya dengan pendedahan literasi kepada kanak-kanak. Selain itu dalam kajian oleh Yunus (2015) penerapan model pembelajaran sebagai sumber kurikulum dapat membantu pelajar dalam memahami penguasaan membaca dan dirangsang dengan

menggunakan cerita dalam kehidupan. Mutakhir ini, menurut kajian oleh Pratomo (2017) hasil kajian menunjukkan lagu kanak-kanak sebagai sumber pembelajaran pendidikan karakter dalam kurikulum sekolah adalah sesuai selain motivasi dan kaedah guru mempelbagaikan sumber pembelajaran.

Justeru itu, kajian oleh Zakaria Khalid & Ariff Fadillah Khalil (2011) meneliti aktiviti nyanyian dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepada 16 buah lagu Tarian Sewang yang berfokuskan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah Orang Asli. Kajian pembelajaran Lagu Sewang untuk Prabacaan kanak-kanak prasekolah belum pernah di kaji lagi. Setakat ini, kajian dalam Pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli berkaitan lagu dan budaya masyarakat Orang Asli masih amat kurang dalam negara kita, justeru inisiatif ini amat bertepatan sekali dengan prabacaan kanak-kanak Orang Asli yang boleh menggunakan Lagu Sewang sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan.

Meskipun terdapat banyak kajian ilmiah yang dijalankan terhadap pendidikan awal kanak-kanak dan pendidikan Orang Asli, namun masih terdapat lompang dalam kajian lalu mengenai prabacaan bagi kanak-kanak Prasekolah orang asli yang perlu diisi melalui kajian ini dan kajian yang akan datang. Dalam kajian di Kanada, (Gordon & White, 2014) keadaan ini sama seperti masyarakat Orang Asli di sana, iaitu, mereka tidak mementingkan pendidikan anak-anak kerana dipengaruhi faktor sosioekonomi keluarga dan pencapaian pendidikan ibu bapa yang rendah.

Justeru itu, kajian-kajian lebih tertumpu kepada murid sekolah rendah seperti (Yusni Mohamad Yusop, Melati Sumari, Mohd Ibrahim K. Azeez, & Shahriza Said, 2015) berkenaan dengan Aktiviti Konsep Kendiri bagi murid sekolah rendah berdasarkan pandangan pakar dan kajian Md Nasir Masran et al., (2010) penguasaan membaca di kalangan kanak-kanak ini sangat penting kerana apabila mereka sudah menguasai

kemahiran membaca, maka mereka boleh memahami dan membaca setiap ayat dan pemindahan maklumat ke dalam otak akan menjadi lebih cepat.

Justeru kajian mengenai sumber kurikulum pengajaran Prabacaan bagi kanak-kanak Prasekolah amat perlu dilakukan di negara kita kerana dapat meningkatkan penguasaan bahasa serta memupuk kesedaran membaca sejak dari awal persekolahan sebelum melangkah ke tahun 1. Maka pengkaji menjalankan kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

Muzik adalah sebahagian daripada budaya masyarakat dan kehidupan pelajar yang tidak boleh dipisahkan. Tanpa muzik beerti dunia pelajar adalah kosong (Zulkifli bin Yaakob, 2017). Elemen muzik yang diterapkan dalam nyanyian akan menjadikan mereka aktif dan memberikan penglibatan yang sepenuhnya. Murid-murid dapat menyebut dan mengingati perkataan melalui aktiviti nyanyian (Ramlah bt Jantan, Afni Bt Resad, & Siti Nor Fathimah Az-Zahra Bt Mohd Fauzi, 2016).

Muzik dapat meningkatkan kemahiran membaca dan menulis. Dalam kajian Hansen & Bernstrof, (2012);(Abdul et al., 2019) menunjukkan bahawa skor pencapaian murid meningkat dengan menggunakan muzik dalam program membaca. Butzlaff (2002) dan Lamb & Gregory (1993) mendapati wujudnya hubungan antara pencapaian membaca dan muzik (Tiong Leh Ling & Zaidatun, 2010).

Dalam Kajian Muzik Tradisi Melayu : Suatu Pendekatan Etnomuzikologi dapat dijadikan sebagai bahan pengajaran dan rujukan bagi mereka yang berminat dan berkecimpung dalam seni muzik serta satu usaha pemeliharaan budaya muzik dengan memelihara khazanah kesenian ini daripada lupus dek zaman. Oleh itu penyelidikan perlu terus dijalankan dan peluang-peluang perlu disediakan untuk para pelajar dan pengkaji meneruskan hasrat murni tersebut.

Menurut (Mohd Azam, 2014) tarian botah yang mirip tarian sewang di negeri perak bertujuan memuja semangat padi merupakan satu khazanah negara dilestarikan dalam bentuk kesenian yang tinggi nilainya, sewang juga harus di martabatkan dengan dibangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang mengotimunkan penggunaan sumber alam dan persekitaran masyarakat Orang Asli. (M. N. bin A. Rahman, 2018).

Kajian lain yang mengkaji makna yang terkandung dalam penggunaan lagu-lagu Melayu melalui lirik-lirik lagu dapat mendidik para pendengar dengan pelbagai nilai murni serta memberi pandangan tentang perunggu minda melayu, (Daud, Hamid, Sudirman, & Zakaria, 2017). Selain lagu sewang, Lagu Melayu asli melambangkan identiti persembahan muzik Melayu. Kenyataan ini disokong dalam kajian (Ismail Ahmed & Ab Samad Kechot, 2015) menyatakan bahawa Lagu Melayu asli ini sangat dekat dengan jiwa dan hati budi melayu jika dilihat dari segi penciptaan pantunnya yang sering di kaitkan dengan kesantunan budi (Daud et al., 2017).

Sebagai salah satu cabang kesenian, muzik merupakan satu fenomena global dan alunan bahasanya dapat difahami dan dirasai kesannya oleh semua etnik di seluruh dunia. Hurwitz (1975), dalam kajian Zakaria et al. (2011), dalam kajian terhadap pelajar gred rendah terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan muzik dan tanpa menggunakan muzik. Satu sistem telah digunakan iaitu "*Kodaly Muzik System*". Hasil kajian mendapati bahawa kumpulan yang mengikuti sistem muzik "*Kodaly*" lebih menunjukkan persembahan yang memberangsangkan daripada kumpulan yang tidak menggunakannya.

Dalam kajian Zakaria & Ariff Fadillah (2011) tarian sewang ialah satu bentuk persembahan tarian tradisional masyarakat orang asli yang masih kekal diamalkan hingga sekarang. Cadangan lanjutan kajian beliau menyatakan bahawa ; Lagu-lagu tarian sewang

boleh dijadikan sumber pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah orang asli. Usaha mengekalkan tarian lagu tradisional Orang Asli serta boleh diangkat sebagai satu komponen seni tarian dalam kebudayaan nasional.

Kajian oleh Chan, Clare Suet Ching (2017) ingin memartabatkan muzik tradisional sewang dengan mengintegrasikan inovasi berkesinambungan dengan (Akta Warisan Kebangsaan 2015) untuk mengekalkan warisan muzik pribumi masyarakat orang asli. Selain itu, elemen integrasi nasional diterapkan melalui informasi yang disampaikan oleh DJ/penyampai Asyik.fm dengan citrabudaya Orang Asli sambil dihiburkan dengan muzik (Hamzah, 2016). Menurut Md. Said, K. (2010), keunikan warisan budaya suku kaum orang asli dilihat boleh menyumbang dalam sektor ekonomi di negara kita. Persembahan tarian sewang antara nilai budaya yang dapat mengembangkan pelancongan. (Sam, 2015). Lagu Sewang orang asli satu bentuk intelektualisme bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecerdasan malah membentuk perwatakan dan nilai jati diri anak-anak orang asli (M. N. A. Rahman, 2019).

Saban hari lagu-lagu tarian sewang sudah bermain di bibir kanak-kanak orang asli. Justeru, tidak hairanlah jika lagu-lagu ini dibawa masuk ke bilik darjah sebagai bahan sumber pengajaran dimana seni kata lagu sewang diadun daripada pelbagai variasi. Keunikannya telah menarik minat para pengkaji seni, budaya dan bahasa untuk mengkajinya. kajian Zakaria et al. (2011) ini ialah untuk melihat aktiviti nyanyian lagu tarian sewang dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah orang asli kaum Semai. Kajian ini meneliti aktiviti nyanyian dalam Didik Hibur melalui lirik-lirik lagu dalam tarian sewang untuk kegembiraan yang dipersembahkan oleh masyarakat orang Asli kaum Semai (Ramlah bt Jantan et al., 2016).

Berdasarkan isu-isu di atas, kajian ini perlu bagi menjelaskan fenomena pendidikan kanak-kanak Prasekolah Orang Asli di negara kita. Justeru kajian ini

dijalankan untuk mengkaji dan mendapat persetujuan pakar mengenai Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Secara umumnya, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan persepsi, persetujuan dan kesepakatan pakar mengenai Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah dari aspek-aspek yang telah ditemakan oleh pakar-pakar yang terlibat.

Berdasarkan sorotan kajian yang lalu, kajian berkenaan pembelajaran bacaan awal ataupun Prabacaan kanak-kanak berkaitan lagu sewang orang asli ini belum di bangunkan oleh mana-mana pihak lagi. Oleh itu dengan wujudnya kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah dapat memberi nafas baru ke dalam sistem pendidikan Orang Asli di negara kita dan ini amat berguna bagi memberi pertimbangan kepada pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan keperluan masyarakat Orang Asli pada masa depan.

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Menenalpasti kesesuaian lagu Sewang Masyarakat Orang Asli dalam aktiviti pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar.
2. Menenalpasti isi kandungan iaitu aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah yang berpotensi dijadikan sumber pembelajaran daripada Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli berdasarkan pandangan pakar.

3. Mengenalpasti strategi pengajaran berasaskan lagu sewang masyarakat Orang Asli yang sesuai digunakan oleh guru sebagai sumber Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar.

### **1.5 Soalan Kajian**

Kajian ini telah dilaksanakan dengan menjawab beberapa persoalan kajian berikut :

1. Apakah kesesuaian lagu Sewang Masyarakat Orang Asli dalam aktiviti pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar?
2. Apakah aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah sebagai sumber pembelajaran daripada Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli berdasarkan pandangan pakar ?
3. Apakah strategi pengajaran yang sesuai digunakan oleh guru di dalam bilik darjah untuk menjadikan Lagu Sewang masyarakat Orang Asli sebagai sumber Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar?

### **1.6 Rasional Kajian**

Kajian ini adalah berkenaan dengan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan kepada beberapa rasional yang difikirkan perlu untuk dilaksanakan kajian. Sorotan daripada kajian yang lepas menunjukkan bahawa aktiviti nyanyian dapat menarik minat kanak-kanak prasekolah untuk belajar membaca. Sehingga kini, sumber kurikulum menggunakan budaya seperti lagu dan muzik sewang orang asli belum pernah diketengahkan lagi ke dalam kurikulum sedia ada didalam pendidikan di negara kita

malahan lagu-lagu seperti *nursery rhymes*, lagu tradisional melayu digunakan dalam beberapa pendekatan pengajaran Pendidikan Prasekolah telah sedia ada.

Maka, rasional bagi kajian ini adalah yang pertama ialah kajian ini dilakukan untuk mendapatkan pandangan pakar berkenaan kesesuaian aspek-aspek dan tema utama yang ditentukan dalam kajian ini mengenai Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. Kajian ini merupakan salah satu kaedah kajian untuk mendapatkan konsensus pakar berkenaan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. Kaedah ini juga pernah digunakan dalam beberapa kajian iaitu Perancangan Aktiviti Konsep Kendiri bagi murid sekolah rendah mengikut pandangan pakar (Yusni Mohamad Yusop et al., 2015) dan kajian oleh Fuziah Rosman (2013) Aplikasi Pendekatan Fuzzy Delphi dalam Pembangunan Kurikulum Permainan Video Bahasa Melayu.

Rasional yang kedua, dalam kajian Zakaria&Ariff Fadillah (2011) kepentingan kajian ini juga untuk melihat sejauh mana kelangsungan strategi pengajaran guru dan aspek kemahiran Prabacaan yang sesuai digunakan untuk dijadikan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. (Saad, 2014) ; Nur, Nik, Simin, Abdullah, & Sa, (2020) mendapati aktiviti nyanyian berjaya menambahkan minat kanak-kanak untuk membaca serta meningkatkan kemahiran kanak-kanak prasekolah dalam membaca.

Rasional yang ketiga ialah kajian ini dapat menerapkan nilai-nilai kesedaran dan minat yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak Prasekolah orang asli melalui penggunaan lagu-lagu sewang dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini akan memberi input baru dan tambahan ilmu juga kepada kanak-kanak lain serta guru-guru prasekolah



dalam mempelajari kepelbagaian budaya serta mengekalkan seni warisan lagu sewang orang asli di negara kita.

### **1.7 Signifikan Kajian**

Kajian ini diharap dapat mengambil manfaat terhadap jalinan kepakaran bagi semua bidang yang terlibat dalam menilai dan memilih aspek dan tema yang sesuai dengan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah pada masa hadapan.

Menyedari kekurangan segelintir masyarakat yang keciciran dalam pendidikan, maka satu pelan tindakan dalam menentukan dan memilih tema dalam Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli amat penting agar pemilihan lagu ini relevan dengan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah Orang Asli pada masa akan datang. Melalui kajian ini, diharap para penggubal kurikulum dengan kolaborasi antara pakar orang asli, guru, pensyarah dapat membuat anjakan, menyusun dan mereka bentuk model kurikulum baharu iaitu model pengajaran yang sesuai dengan konteks pembelajaran masa ini yang berasaskan lagu etnik masyarakat orang asli. Pada peringkat yang lebih tinggi kajian kesepakatan pakar ini berpotensi memberi input kepada penggubal polisi di Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) untuk merangka kurikulum berasaskan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli. Dapatan ini dapat menyediakan elemen-elemen kandungan boleh ditambahbaik dan dimurnikan mengikut keperluan terkini.

Kajian ini juga dapat memberi pendedahan kepada guru-guru, pensyarah-pensyarah dan pakar-pakar orang asli yang terlibat untuk mempelajari dan menguasai kaedah pengajaran yang baru melalui nyanyian dan tarian Lagu Sewang untuk mengajar kemahiran Prabacaan kepada kanak-kanak. Lagu Sewang masyarakat Orang Asli ini menjadi salah satu alat bantu mengajar yang efektif dan membawa kepada perubahan

peranan guru sebagai fasilitator selaras dengan matmamat pendidikan Abad ke-21(PAK-21) yang mengurangkan beban dan masa guru dan proses mereka bentuk pengajaran. Kanak-kanak prasekolah juga akan didedahkan dengan persekitaran pembelajaran berpusatkan pelajar (*learner-centered learning*) yang interaktif dan kolaboratif sama ada di dalam kelas mahupun di luar kelas.

Kajian ini turut memberi penekanan kepada usaha untuk mengurangkan kadar buta huruf dan menarik minat di kalangan anak-anak etnik Orang Asli bertepatan dengan hasrat Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Masyarakat (PPPM) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) Orang Asli di pinggir Bandar yang mana salah satu tujuannya adalah untuk menyediakan asas kukuh bagi pendidikan Prasekolah dalam kemahiran 4M. Di samping itu, kanak-kanak dapat mengembangkan domain kognif dan afektif selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ini juga Tunjang utama dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan KSPK Semakan 2017 Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia melalui pembelajaran menggunakan sumber Lagu Sewang yang lebih menaraik dan efektif dalam pembelajaran mereka.

Memang banyak kajian tentang pendidikan Orang Asli. Antaranya ialah kajian yang berkisar di sekitar bacaan Orang Asli oleh Abdull Sukor Shaari Nuraini Yusoff & Mohd Izam Ghazali Mohd Hasani Dali (2011); Ramlan Mustapha et al., (2019). Namun kajian untuk Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah masih kurang dilaksanakan, Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesesuaian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

Selain itu, lagu Sewang masyarakat Orang Asli dapat dijadikan sumber pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah di negara kita. Justeru, kajian ini amat signifikan kerana dapat memberi sumber rujukan yang mempunyai

matlamat untuk memenuhi pendidikan pembangunan lestari, kepelbagaian budaya dalam lagu sesebuah suku etnik masyarakat agar meningkatkan prestasi Kemahiran Membaca seterusnya menarik minat lebih ramai murid Orang Asli untuk ke sekolah.

## **1.8 Limitasi Kajian**

Kajian ini hanya mengkaji Lagu Sewang masyarakat Orang Asli yang difokuskan kepada pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah sahaja. Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan bagi mendapatkan pandangan pakar berkenaan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah pada masa akan datang.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih lima orang pakar bagi sesi temubual untuk pembinaan elemen-elemen dan item tema soal selidik Fuzzy Delphi. Manakala bagi menjawab soal selidik Fuzzy Delphi pengkaji memilih 20 orang pakar. Hal ini kerana pakar yang dipilih akan mewakili bidang tertentu antaranya guru-guru Prasekolah, Pensyarah Bahasa Melayu, pengajar bahasa Melayu dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, pakar dalam bidang lagu dan Muzik Orang Asli dan Iubapa serta guru Orang Asli dan pihak Jakoa.

Elemen-elemen dalam kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah adalah terbatas kepada konsensus pakar. Kajian ini hanya digenerelasasikan untuk mewakili konteks persekitaran pembelajaran Prasekolah dalam etnik masyarakat Orang Asli di Malaysia. Kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada organisasi dalam mengenal pasti Prabaca kanak-kanak Orang Asli.

## **1.9 Delimitasi Kajian**

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen yang digunakan dalam kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah sahaja. Pelaksanaan kajian ini terhadap pakar kajian yang terlibat hanyalah pakar yang dipilih mewakili bidang tertentu sahaja. Pakar –pakar terlibat terdiri daripada Guru Prasekolah, pensyarah Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pensyarah Bahasa Melayu, pegawai Jakoa, pakar dalam bidang lagu dan Muzik Orang Asli guru Prasekolah Orang Asli.

Selain itu, kajian ini dijalankan mengikut kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2017) yang mendasari kajian ini dan juga penggunaan Teori Psikologi Skema (Frederic Barlett, 1932) dan Model Pedagogi Pribumi (Battiste, 2002).

## **1.10 Definisi Istilah**

Bahagian ini menjelaskan beberapa istilah yang telah diguna pakai dalam kajian ini dan akan diterangkan dari segi definisi operasinya. Untuk itu makna istilah dalam penyelidikan yang dijalankan kajian ini dijelaskan seperti berikut :

### **Lagu Sewang**

Lagu merujuk kepada irama, nada, rentak, langgam, bersinonim dengan nyanyian: senandung, dodoi, pengulit, qasidah, lala, halwa telinga. (Kamus Dewan, 2015). Sewang sinonim sebagai satu upacara berbentuk ritual perubatan yang bertujuan mengubati penyakit (Kamus Dewan, 2015). Lagu Sewang ditakrifkan sebagai jenulang (bahasa suku kaum Semai) adalah salah satu tarian tradisional orang Asli dipersembahkan untuk berbagai-bagai fungsi seperti hiburan, buka cinta, perkahwinan, memuja semangat padi dan juga perubatan (Razali et al., 2020). Tarian ini biasanya diketuai oleh Tok Halak dan lima hingga sepuluh orang penari yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Tarian

sewang untuk tujuan kegembiraan kebiasaannya diadakan setelah upacara menuai padi, menyambut kepulangan anak yang bekerja di perantauan, menyambut kedatangan tahun baru, perkahwinan atau apa sahaja yang difikirkan dapat memberi kegembiraan di dalam kampung (Z. bin K. M. R. bin S. H. R. bt. A. Rahman & Moideen, 2011).

Justeru, istilah lagu sewang dalam kajian ini bermaksud, koleksi lagu-lagu sewang masyarakat orang asli yang diperoleh daripada sumber daripada Pusat Pedagogi Pribumi Kebangsaan, Kuala Lipis, Radio Asyik.fm di Angkasapuri, RTM dan dari JAKOA Gombak. Hanya lagu-lagu sewang bertemakan kegembiraan dan hiburan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

### **Masyarakat Orang Asli**

Orang Asli merujuk kepada pribumi di Semenanjung Malaysia manakala Anak Negeri di Sabah dan Orang Ulu Dayak di Sarawak (SUHAKAM, 2009).

Menurut Hood Salleh (1978), dalam kajian Mohd Nazri (2014); (Aishah & Mohd Nazri (2020) menyatakan bahawa orang asli merangkumi komuniti yang terdiri daripada peribumi yang mendiami Semenanjung Malaysia selama beberapa ribu tahun dahulu. Orang Asli terbahagi kepada 18 suku kaum yang terbahagi kepada 3 kumpulan besar termasuklah Negrito, Senoi dan Melayu-Proto dan mereka menggunakan 12 bahasa yang berbeza.

Dalam kajian ini, suku kaum orang Asli yang dipilih terdiri daripada suku Kaum Semai. Suku kaum ini atau Senoi Semai merupakan kumpulan masyarakat Orang Asli terbesar di Semenanjung Malaysia dengan jumlah kira-kira 42,383 orang atau 30% daripada jumlah keseluruhan Orang Asli di negara ini (JAKOA, 2016).

### **Sumber Kurikulum**

Sumber dimaksudkan sebagai asal, punca, mula, punat, benih. Manakala Kurikulum pula ialah skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah, senarai

kesemua mata pelajaran (kursus pengajian) di sekolah dan lain-lain (Kamus Dewan, 2015). Dalam kajian ini sumber kurikulum merujuk kepada punca panduan kepada guru dan murid berdasarkan lagu-lagu sewang yang telah digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bagi kemahiran Prabaca dalam Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK 2017).

Kurikulum ini juga merujuk kepada satu rujukan bagi guru Prasekolah orang Asli agar dapat melaksanakan aktiviti prabacaan menggunakan bahan pengajaran berasaskan Lagu Sewang sehingga mencapai matlamat tahap kebolehbacaan. Satu dokumen bertulis yang telah dipersetujui dan di susun oleh kebijaksanaan pakar-pakar yang terlibat dalam kajian ini.

### **Pengajaran dan Pembelajaran**

Pengajaran ditakrifkan sebagai perihal mengajar segala sesuatu yang berkaitan mengajar atau cara perbuatan yang diajarkan manakala pembelajaran bermaksud perihal atau proses belajar (Kamus Dewan, 2015) .

Maka, dalam kajian ini pengajaran dan pembelajaran bermaksud penyampaian pengajaran yang disampaikan oleh guru prasekolah dan pembelajaran yang dilalui berbentuk proses belajar oleh kanak-kanak Prasekolah orang asli.

### **Prabacaan**

Setiap proses membaca kanak-kanak bermula daripada peringkat Prabacaan dan kanak-kanak terlebih dahulu didedahkan dengan aktiviti Prabacaan. (P. Lee, Wah, & Amzah, 2018) Prabacaan ialah tahap persediaan kanak-kanak untuk membaca dimana guru berperanan menyediakan pengalaman bahasa iaitu mengenal dan mengecam huruf dan mendedahkan dengan aktiviti yang mendorong kanak-kanak untuk membentuk kelaziman membaca (Darmiyati Zuchdi, 2014);(Pelet, 2020).

Dalam kajian ini, Prabacaan merupakan kemahiran membaca pada peringkat awal yang dikuasai oleh kanak-kanak Prasekolah berumur 4-6 tahun selepas melalui fasa kemahiran mendengar dan bertutur. Pengkaji menggunakan kemahiran-kemahiran yang terkandung didalam Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia untuk Kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

### **Kanak-kanak Prasekolah**

Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak Prasekolah merujuk kepada kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun yang melalui pengalaman Pendidikan Prasekolah khusus di Kementerian Pelajaran Malaysia termasuklah kanak-kanak orang asli.

#### **1.11 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan pendahuluan, latar belakang kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. Di samping itu, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah turut dibincangkan dalam bab ini sebagai pengenalan dalam kajian ini. Dalam bab yang seterusnya, pengkaji akan menghuraikan berkenaan sorotan kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan lagu sewang, aktiviti Prabacaan kanak-kanak dan teori serta model yang akan digunakan.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini akan dikategorikan kepada 3 bahagian utama iaitu Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli, Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah, Teknik Fuzzy Delphi dan juga beberapa model teori lain yang berkaitan.

Bahagian pertama membincangkan mengenai sejarah latar belakang masyarakat Orang Asli, masalah Pendidikan kanak-kanak Orang Asli, cabaran Pendidikan Orang Asli, budaya dan tradisi Orang Asli, pengenalan Lagu Sewang Orang Asli, dan perkaitan Lagu Sewang Orang Asli dengan sebagai sumber kurikulum pengajaran Prabacaan kanak-kanak.

Bahagian kedua akan di bahagikan kepada beberapa subtopik utama iaitu pengenalan kepada Prabacaan Kanak-kanak, objektif dan matlamat Prabacaan Kanak-kanak, Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (DKSPK), Pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak, isu dan masalah dalam Prabacaan Kanak-kanak Orang Asli di Malaysia, dan kesedaran terhadap Prabacaan Kanak-kanak serta di sentuh juga kajian-kajian lepas yang berkaitan yang di jalankan di dalam dan luar negara.

Manakala bahagian ketiga pula menyentuh model pembelajaran, teori yang berkaitan dan sesuai diguna pakai dalam kajian ini termasuklah kerangka teori dan konsep, penggunaan Fuzzy Delphi Method dan kajian lepas yang berkaitan.

#### 2.2 Latar Belakang Masyarakat Orang Asli Di Malaysia

Jika disoroti kajian lampau oleh Ramli, Mustafa, & Salleh (2018), orang asli merupakan orang asal di Semenanjung Malaysia. Bilangan Orang Asli Semenanjung Malaysia adalah mewakili 0.63% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia Syuhana Khalid



(2014) Aishah & Mohd Nazr (2020). Tiga kumpulan terbesar bangsa Orang Asli, iaitu, Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Orang Asli suku kaum Jakun berasal daripada bangsa Melayu-Proto atau lebih dikenali sebagai suku kaum Melayu Asli, yang kebanyakannya tinggal di sekitar kawasan selatan Semenanjung Malaysia (Hamzah, 2016) (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016).

Masyarakat Orang Asli ialah penduduk asal negara dan mereka tidak pernah dipinggirkan oleh kerajaan dalam rencana merealisasikan wawasan negara (H. R. binti A. Rahman, 2018). Pelbagai usaha untuk meningkatkan tahap pendidikan dan meningkatkan pengetahuan kanak-kanak orang asli (Zainal Abidin Hj. Ali, 2018).

Kedudukan komuniti Orang Asli dari segi masyarakat arus perdana Malaysia sekarang telah dibincangkan oleh Afizi et al., (2014); Ramlan Mustapha et al., (2019) komuniti Orang Asli yang dipersepsi sebagai masyarakat minoriti terpinggir dan mundur berada dalam kedudukannya identiti dan 'keaslian' Orang Asli pada masa sekarang ini tetapi dalam kes tertentu terdapat Orang Asli yang positif dengan perubahan dan integrasi dan berjaya.

### **2.3 Latarbelakang Pendidikan Orang Asli di Malaysia**

Matlamat pendidikan ialah supaya anak-anak Orang Asli ini supaya dapat membaca, menulis dan mengira. Dalam Rancangan Lima Tahun Kedua Malaya (1961-1965) sebanyak 70 buah sekolah telah didirikan di pedalaman untuk anak-anak Orang Asli sebelumnya telah terdapat sebanyak 51 buah sekolah. Selepas pelaksanaan Rancangan Malaya kedua, seramai 4000 orang kanak-kanak Orang Asli telah mendapat pendidikan formal. Guru-guru terdiri daripada pembantu luar. Maka perkembangan pendidikan anak-anak Orang Asli terletak di bawah tanggungjawab JHEOA.

Pembangunan pendidikan Orang Asli berfokus kepada membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, kerajaan telah memperuntukkan pelbagai inisiatif

mempertingkatkan kualiti hidup Orang Asli melalui kemudahan pendidikan selain pembangunan dalam sektor pertanian dan kesihatan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Masalah keciciran pelajar, peratus tinggi pelajar Orang Asli yang tidak menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira), kurang bermotivasi untuk belajar, persekitaran sekolah yang kurang kondusif, sikap ibu bapa yang tidak mementingkan pendidikan, kehadiran murid ke sekolah yang tidak konsisten dan infrastruktur asas yang kurang menjadi faktor yang mempengaruhi sikap Orang Asli terhadap pendidikan. Hubungan Orang Asli dengan alam persekitaran masih kuat malah ikatan kekeluargaan juga mempengaruhi rutin harian bagi sesetengah kumpulan pelajar yang tinggal jauh di pedalaman (Jawatankuasa Menangani Isu-isu Pendidikan Anak Orang Asli, 2016).

#### **2.4 Masalah Pendidikan Orang Asli**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meninjau semula punca dan pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak Orang Asli memandangkan mereka datang dari latar belakang, budaya dan cara hidup yang agak berlainan dari kanak-kanak arus perdana. Selain itu, keberkesanan Kurikulum Baru Masyarakat Orang Asli (KAP) ditingkatkan dari segi pengisian kurikulum, latihan guru dan kesesuaian bahan bantu mengajar. KPM boleh menyelitkan pengetahuan kemahiran hidup yang sesuai dengan keperluan seharian Orang Asli bagi murid lemah dan tidak menguasai kemahiran asas 3M serta berkemungkinan tidak akan menamatkan pelajaran.

Wan Afizi et al., (2014); Rezeki & Mohd Nazri (2020) menyatakan isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli termasuklah kekangan yang dihadapi oleh murid dalam proses pembelajaran ialah masalah komunikasi kerana tidak dapat memahami bahasa dan isi kandungan pengajaran guru. Selain itu, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, latar belakang, kebolehan dan keperluan murid khususnya di sekolah pedalaman kurang sesuai.

Murid Orang Asli didapati mempunyai minat dalam aktiviti luar dan alam sekitar (aspek psikomotor) tetapi mempunyai masalah dalam penguasaan kemahiran 3M yang membawa kepada kesukaran menguasai mata pelajaran yang memerlukan penyelesaian masalah, mudah bosan dan tiada kemahiran belajar (H. R. binti A. Rahman, 2018). Faktor lain turut menyumbang kepada berlakunya pencapaian akademik yang rendah iaitu faktor sikap ibu bapa yang ini tidak mementingkan pendidikan terhadap anak-anak. Hal ini kerana mentaliti mereka masih lagi berada di takuk yang lama dan tidak mengutamakan aspek pendidikan dalam memajukan diri dan keluarga (Norwaliza, A et al., 2016).

Melalui pendidikan, ianya boleh membawa manusia mengecapi tamadun hidup yang lebih tinggi dan menikmati proses kehidupan yang lebih bersistematik Norazri (2015). Hal ini bermakna, semua individu termasuk masyarakat dan pelajar Orang Asli di negara ini berhak menerima pendidikan yang berkualiti serta berjaya seperti orang lain kerana setiap individu mempunyai potensi untuk berjaya (Muizzuddin Mohd Nor, 2018).

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Mohamad Johdi Bin Salleh & Abdul Razak Ahmad, (2019) di Australia, negara tersebut telah berjaya meletakkan dirinya antara pusat kecemerlangan akademik yang terunggul di dunia, tetapi yang menyedihkan tahap pendidikan kaum aslinya sendiri masih terabai. Suhaimi Sulaiman(2015); Ahamad Rahim, Suzana Haron (2020) dalam kajiannya mendapati tahap pencapaian akademik mereka masih rendah dan peluang mendapat pekerjaan masih kecil dan jumlah pelajar di *University of New South Wales, di Sydney Australia* adalah seramai 28,000 orang. Pelajar keturunan orang asli hanya seramai 110 orang, iaitu 0.4 peratus daripada jumlah masyarakat kampus masa depan dalam pasaran pekerjaan tidak begitu cerah bagi kaum *aborigines* dalam era IT ini. Purata orang asli di Australia yang berjaya menamatkan pelajaran di kampus ialah 12.8 peratus. Jika diperhatikan situasi di Australia adalah lebih kurang sama dengan situasi di Malaysia di mana peratusan pelajar yang berjaya

melanjutkan pelajaran ke tahap yang tinggi adalah rendah iaitu tidak sampai kepada 15 peratus.

Penempatan serta kedudukan geografi jauh di pedalaman telah mengukuhkan pemikiran di kebanyakan masyarakat orang asli bahawa tiada faedah untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Kehidupan mereka terikat dengan persekitaran hutan yang merupakan sumber rezeki yang utama. Antara faktor persekitaran dan budaya yang dikenali pasti termasuklah faktor sosioekonomi, tiada tokoh berjaya dan tiada persaingan positif (Afizi et al., 2014); Ahamad Rahim, Suzana Haron (2020).

Dalam kajian (Fizer, 2015) menyatakan ibubapa orang asli tidak memberikan galakan, dorongan dan semangat kepada pelajaran anak-anak malah mereka langsung tidak mendapat pendidikan formal malah mengikut mereka ke hutan untuk mengumpul hasil hutan serta menyerahkan 100 peratus pendidikan anak-anak mereka kepada pihak sekolah. Dalam keadaan sedemikian ini, maka tidak berlaku proses pembelajaran di rumah. Ahamad Rahim, Suzana Haron (2020) Faktor-faktor kelemahan akademik yang telah dikenal pasti dalam kalangan pelajar orang Asli di sekolah ini ialah tiada galakan dan kesedaran ibu bapa, kurangnya motivasi dalam diri pelajar dan pelajar datang ke sekolah hanya untuk menerima bantuan yang disediakan.

Felix & Mohd Nazri (2020) menyatakan bagi guru pula, pendekatan pendidikan melalui buku teks dan bilik darjah dengan menggunakan kaedah '*chalk and talk*' tidak bersesuaian dengan kehidupan pelajar Orang Asli yang terdedah kepada alam sekitar menyebabkan hilang minat untuk mengikuti pelajaran lantas mereka ketinggalan di sekolah. Ibu bapa dalam masyarakat Orang Asli rata-rata tidak menguasai 3M, menunjukkan bahawa ibu bapa tidak memberi penekanan terhadap kepentingan perkembangan pendidikan anak mereka di rumah.

Perkara ini diujahkan oleh Nurhidayah Abdullah et al, (2015); Ismail, Mustaffa, Yusof, & Jantan, (2020) dalam kajian mereka menyatakan keciciran dalam kalangan murid Orang Asli adalah dikatakan masih tinggi mereka boleh hidup dengan bergantung kepada alam semula jadi, sistem kepercayaan dan pantang larang yang masih diamalkan oleh Orang maka proses integrasi dalam kalangan pelajar Orang Asli sukar dilaksanakan kerana mereka berpegang kuat kepada fahaman etnik masing-masing.

Adalah penting bagi guru-guru untuk mengetahui kaedah terbaik untuk diorientasikan ke dalam kurikulum pelajar daripada masyarakat Orang Asli supaya mereka tidak berasa tertekan dan berasa seronok untuk belajar. Masih ramai dalam kalangan masyarakat kita yang belum memahami latarbelakang masyarakat Orang Asli.

Kajian oleh Marzuki, Mapjabil, & Zainol, (2014); Ismail et al., (2020) faktor persekitaran serta sosial budaya juga menyebabkan murid-murid Orang Asli kurang mengambil berat tentang kepentingan pelajaran selain tahap pemakanan di rumah, tidak dapat menguasai pelajaran yang diajar oleh guru kerana mereka mudah lupa disebabkan daya ingatan mereka yang lemah dan daya penaakulan yang lemah kalangan murid- murid Orang Asli.

## **2.5 Cabaran Pendidikan Masyarakat Orang Asli**

Masyarakat Orang Asli berhak mendapat pendidikan selaras dengan matlamat Dasar Pendidikan Negara yang bertujuan melaksanakan pendemokrasian dalam pendidikan, memberi penekanan kepada sains dan teknologi, pembudayaan ilmu dan mewujudkan pembelajaran sepanjang hayat. Berdasarkan Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] (semakan 1974) Orang Asli tidak boleh dilarang masuk ke mana-mana sekolah. Seksyen 17(1) memperuntukkan bahawa tiada kanak-kanak Orang Asli boleh dihalang daripada pergi ke mana-mana sekolah semata-mata sebab dia Orang Asli.

Ketika kaum lain sudah bergerak maju ke hadapan dan meneroka bidang-bidang lain dalam pendidikan, masyarakat Orang Asli masih lagi terbeban dengan masalah seperti keciciran dalam pelajaran. Menurut Doris et al. (2012) dan Mazdi et al., (2014); Omar, Abdullah, Azizi, Radzy, & Razak, (2020), masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman mempunyai kadar keciciran yang tinggi dalam setiap peringkat pendidikan, bermula daripada prasekolah hinggalah ke institusi pengajian tinggi. Bagi Wan Afizi et al., (2014); Omar et al., (2020), fenomena keciciran ini menyebabkan mereka terus berada dan tinggal di kawasan pedalaman kerana ketinggalan dari segi ekonomi, politik mahupun sosial. Kanak-kanak yang sudah terbiasa dengan proses sosialisasi secara tradisional akan menyebabkan mereka sukar untuk menyesuaikan diri dengan sistem persekolahan. Masyarakat Orang Asli kurang memberi penekanan terhadap pendidikan anak-anak kerana menganggap sekolah adalah tempat untuk bermain dan juga makan (Mohamad Johdi et al., 2009); (Ali, Samah, Hamsan, & Khir 2020).

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menggariskan beberapa syor untuk mengatasi isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli ini, antaranya ialah Kementerian Pendidikan Malaysia meninjau semula pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak Orang Asli memandangkan mereka datang dari latar belakang, budaya dan cara hidup yang agak berlainan dari kanak-kanak arus perdana.

Cabaran guru yang mengajar orang asli memainkan peranan yang besar. Dalam kajian Wan Afizi Wan Hanafi (2014) dan Aishah Abd Malek, Mohd Nazri (2020) mendapati bahawa faktor-faktor cabaran guru yang mempengaruhi prestasi akademik orang asli termasuklah masalah perhubungan, pengangkutan, masalah komunikasi, Alat Bantu Mengajar (ABM) yang terhad, orang asli berpegang kepada adat, kurang

penglibatan ibubapa, menyesuaikan sukatan pelajaran, memaksimumkan kehadiran murid, dan mengoptimumkan kemudahan asas yang terhad.

Penguasaan Bahasa Melayu oleh anak-anak Orang Asli adalah agak lemah kerana hanya semasa berada di sekolah khususnya untuk berhubung dengan guru dan terpaksa mengulangi penerangan sesuatu perkara berulang-kali dan guru terpaksa mempelajari dialek bahasa tempatan atau Bahasa Orang Asli bagi memastikan pelajar faham perkara yang diajar. Keadaan menjadi serius kerana kebanyakan mereka tidak aktif di dalam kelas dan menyebabkan guru tidak dapat menilai sama ada pelajar berkenaan faham apa yang diajar atau sebaliknya (Wan Afizi Wan Hanafi, 2014) dan (Aishah Abd Malek, Mohd Nazri, 2020).

Masyarakat Orang Asli di luar negara, iaitu, mereka tidak mementingkan pendidikan anak-anak kerana dipengaruhi faktor sosioekonomi keluarga dan pencapaian pendidikan ibu bapa yang rendah (Gordon & White, 2014) dan (H. Z. Lee et al., 2018). Ini menyebabkan generasi muda Orang Asli gagal memajukan diri dalam bidang pendidikan yang seterusnya menyebabkan mereka sukar untuk berubah, berdaya maju dan gagal memperoleh pekerjaan yang baik.

Dalam kajian oleh Aniza Mohd Said (2015) dan Ahamad Rahim, Suzana Haron, (2020) Projek Kurikulum Asli dan Penan (KAP) memfokuskan penguasaan kemahiran 3M oleh pelajar; pelajar berminat ke sekolah; pelajar mempraktikkan amalan kebersihan, kesihatan dan keselamatan; pelajar boleh berinteraksi dengan masyarakat setempat dan sejagat; pelajar yang bersikap positif; mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian dan memahami sosiobudaya setempat dan sejagat. Dalam kajian Ramlan Mustapha, Syamrul Nizam Abd Malek, Badariah Mohamed, (2019), Fatan Hamamah juga melaporkan bahawa tidak mahir berbahasa Melayu adalah satu lagi sebab untuk tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan Orang Asli. Oleh itu, ia mencadangkan

bahawa kurikulum dibina berdasarkan tradisi sendiri dan pengalaman masyarakat. Pendidikan formal yang berjaya harus merangkumi faktor-faktor seperti bahasa ibunda, budaya, sistem kekeluargaan dan proses sosialisasi masyarakat Orang Asli (A.Aziz, 2015).

Kajian Wan Afizi Wan Hanafi (2014); Pelet (2020) mendapati kegiatan ekonomi Orang asli masih lagi tertumpu kepada aktiviti tradisional seperti mencari hasil hutan dan pertanian saradiri sebagai satu sumber kewangan kepada mereka untuk perbelanjaan harian mahu pun persekolahan. Oleh kerana terlalu kerap tidak hadir ke sekolah, mereka banyak ketinggalan dalam pembelajaran. Oleh sebab itu, ibu bapa kurang mementingkan pendidikan untuk anak-anak mereka.

## **2.6 Budaya dan tradisi Masyarakat Orang Asli**

Dalam kajian oleh Faaizah, Adam, Yusop, Saadah, & Salleh (2020) budaya ialah sesuatu perkara yang dapat mencorakkan kehidupan sesebuah masyarakat melalui proses pembelajaran (Yusof, R., 2010). Selain itu, budaya dilihat sebagai lambang identiti sesebuah masyarakat, tidak kurang juga dengan masyarakat orang Asli sendiri terdapat banyak budaya yang dimiliki oleh mereka.

Manakala dalam kajian Aishah Abd Malek, Mohd Nazri (2020) Nilai sosiobudaya dan tradisi masyarakat Orang Asli terkandung dalam kesenian artifak, seni kraf tangan, amalan perubatan, bahasa dan budaya, cara pakaian, amalan adat resam dan kepercayaan serta nilai budaya di sebalik sambutan festival dan perayaan. Kelangsungan nilai-nilai tradisi ini mengiktiraf pengetahuan tradisi dan harta intelek Orang Asli sebagai sumber pengetahuan yang perlu dikekalkan dalam konteks pendidikan masa kini (JAKOA, 2011).

Segala kemahiran, amalan tradisi serta pegangan hidup yang ingin diwariskan kepada anak-anak orang asli akan terus kekal dengan menerapkan penggunaan Lagu Sewang ini ke dalam pembelajaran. Mitos dipercayai oleh masyarakat terdahulu dan



dikatakan sejarah. Hal ini juga dikatakan sesuatu yang pelik dan sebuah penceritaan yang diwarisi sejak nenek moyang kita apabila mitos digunakan untuk menerangkan bagaimana segala sesuatu kejadian melalui usaha makhluk ghaib (J. K. and M. Mohamed, 2011);(Jaja, 2015). Mitos juga menerangkan tentang asal usul fenomena semula jadi, kepercayaan budaya, atau tradisi. Mitos melibatkan sistem sosial dan menyumbang kepada adat istiadat manusia termasuk kosmologi, ketuhanan, sifat-sifat kebudayaan, kepercayaan serta keagamaan (J. K. and M. Mohamed, 2011);(Prischmann, 2014).

Mitos juga memberi pengajaran dan pembelajaran awal dalam kehidupan secara tersirat. Misalnya pada zaman dahulu terdapat sesetengah masyarakat yang belum dapat mengembangkan sesuatu dengan pemikiran secara logik serta rasional. Apabila mitos diperkembangkan, ternyata disebalik mitos terdapat penyampaian berkaitan pengajaran dan pembelajaran mengenai suatu hal. Seterusnya adakah mitos itu benar ataupun sebaliknya, mitos tetap menjadi satu nilai yang cukup kuat untuk menjaga sopan santun, menjaga diri, kepentingan dan juga keselamatan masyarakat. Namun pada masa kini, penceritaan mitos mengalami kekurangan dalam kehidupan masyarakat kerana pola pemikiran manusia ingin tahu telah berkembang sehingga mengubah mitos menjadi lebih logik dan terbentuk dalam ilmiah serta mengubah prilaku manusia itu sendiri (Jai Kemalok, 2018). Dalam masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun mitos kemunculan pepatung yang banyak di kawasan luar rumah menunjukkan membawa musim penyakit, iaitu musim demam, selsema, batuk-batuk serta sakit kepala yang menjadi permainan bagi kanak-kanak. Petanda mitos ini juga menghalang kanak-kanak untuk keluar rumah untuk mengelakkan hal tidak baik terjadi dan seterusnya mereka tidak dapat ke sekolah. (Susanti 1998, Jai Kemalok, 2018).

Menurut Siti Fatiemah dan Jama'yah (2014); Razali et al., (2020) , Orang Asli mempunyai budaya yang tersendiri, yang boleh melambangkan identiti dan jati diri mereka. Apabila berlaku hari hujan, kanak-kanak tidak boleh keluar rumah kerana

bimbang sesuatu yang buruk akan terjadi. Kepercayaan dan mitos ini menyebabkan mereka semakin jauh untuk mengikuti pembelajaran di sekolah. Hal ini demikian kerana pedagogi yang memupuk perasaan *sense of ownership* terhadap ilmu yang dipelajari mampu menarik minat pembelajaran dalam kalangan pelajar Orang Asli (Battiste,M,2002).

Alias A.Ghani, (2015) kebijaksanaan ini diterjemahkan melalui penghasilan artifak ukiran kayu, seni anyaman dan tenunan, ubatan tradisi, penghasilan pewarna berasaskan alam sekeliling dan alat-alat muzik Orang Asli. Malahan, intelektualisme masyarakat ini juga dapat dilihat menerusi penghasilan bahasa kiasan dan perbidalan, lukisan, tulisan, pakaian, adat resam, nutrisi pemakanan, cerita-cerita dongeng rakyat, lagu-lagu rakyat dan gerak tari masyarakat Orang Asli. Ia bertujuan menyampaikan mesej serta panduan untuk pembinaan identiti dan jati diri generasi muda.

Kajian oleh Zakaria Khalid et al., (2011) pula mendapati lagu-lagu tarian Sewang bukan sahaja mengandungi keunikan dari segi unsur bunyi (*Poetic devices*), unsur bahasa (*Phonotylastic devices*) dan unsur fizikal sebaliknya mengandungi falsafah serta nilai kemasyarakatan yang tersendiri. Keunikan lagu-lagu tarian Sewang ini sewajarnya dipertahankan daripada percampuran budaya luar. Lagu-lagu tarian Sewang amat penting dalam masyarakat Orang Asli bagi tujuan kegembiraan, upacara kesyukuran, menandakan tamatnya tempoh berkabung atau mengiringi pengubatan tradisional.

Dalam seni tarian ini terkandung lirik, muzik serta hentakan kaki ketika menari yang digarapkan dengan nilai kehidupan masyarakat menjadikannya seni seni tarian sewang amat berharga dan unik untuk dikekalkan dan diangkat sebagai satu komponen seni tarian dalam kebudayaan nasional (Juli Edo, 1990; Mazarul Hasan Mohammad Hanapi, 2002; Mohd Rizal Yaakub, 1994; Mohamed Ghouse Nasaruddin, 1994; Zakaria

Khalid, Mohd. Rasdi Samaah, Ramlah Abd. Rahman, Mazlan Zaharuddin Mat Arof, & Mohd Hanifah Moideen, 2003).

Maka, usaha menghidupkan budaya tradisi masyarakat Orang Asli menerusi pengiktirafan seni kerja tangan, seni tari serta artifak masyarakat Orang Asli memberi impak yang besar dalam mempertahankan nilai, identiti dan jati diri Orang Asli ini supaya nilai tradisi kehidupan masyarakat Orang Asli di negara ini tidak terjadi seperti masyarakat peribumi Tasmania, Australia yang telah hilang di mata dunia kesan kehilangan intelektualisme masyarakat peribumi kajian Ramlan Mustapha et al. (2019) dalam kajian Suhaila Abdul Latiff.

## **2.7 Muzik Dan Lagu Masyarakat Orang Asli**

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2015) mendefinisikan lagu sebagai irama suara atau gubahan muzik biasanya dengan senikata atau nyanyian.

Dalam konteks Malaysia, penyelidik melihat ilmu Orang Asli boleh dilihat dari aspek berikut iaitu ilmu mereka dalam bidang herba dan ubat-ubatan, ukiran, perhiasan, kepercayaan, tarian, muzik, anyaman dan alat-alat keperluan. Kemahiran, kebijaksanaan dan banyak khazanah yang tersembunyi yang ada pada masyarakat Orang Asli ini perlu didokumenkan untuk generasi akan datang. (Aniza Mat Said, 2015).

Kehidupan masyarakat Orang Asli turut mempunyai hubungan yang erat dengan muzik dan lagu. Kebijaksanaan mereka diperlihatkan melalui penggunaan alat muzik yang digunakan. Alat-alat muzik Orang Asli diperbuat daripada sumber-sumber dari hutan seperti kulit binatang dan batang kayu. Gendang contohnya diperbuat daripada batang kayu dan kulit binatang manakala seruling diperbuat daripada buluh. Mereka juga menyanyikan lagu dengan irama yang dihasilkan melalui hentakan kaki. Muzik seiring dengan aktiviti masyarakat iaitu ketika menuai hasil tanaman mahupun majlis perkahwinan. Sewang merupakan tarian tradisional atau tarian ritual masyarakat Orang Asli di Malaysia. Tarian ini biasanya diketuai oleh Tok Halak dan lima hingga sepuluh

orang penari yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Selain itu, terdapat enam orang pemuzik iaitu lima orang pemukul centung (buluh yang berukuran berbeza) dan seorang pemukul gong. Sambil bersahut-sahutan beramai-ramai, penari perempuan mengetuk buluh centung ke atas buluh panjang atau kayu keras yang padat bagi mengeluarkan bunyi nyaring (Zakaria bin Khalid, 2011).

Jika disorot kembali kajian oleh Zakaria bin Khalid (2011) dalam kajiannya menyatakan bahawa lagu-lagu tarian sewang ini sangat istimewa dan unik. Lirik lagu yang dicipta oleh orang-orang tertentu sahaja yang boleh mencipta lagu-lagu yang antara lainnya ialah tok halak. Tetapi setelah pengkaji sendiri melibatkan diri dalam tarian ini baharulah dapat dirasakan bahawa melalui lirik, muziknya dan hentakkan kaki ketika menari mempunyai nilai seni yang amat berharga, unik dan harus dikekalkan.

Kehidupan Orang Asli tidak dapat dipisahkan daripada alam semula jadi (Hood Salleh et al, 2009; Itam Wali Nawan, 1993; Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007 Ramlee Abdullah, 2008). Mereka amat menghormati alam sekitar dan hubungan erat yang terjalin ini membolehkan Orang Asli terus hidup dalam keadaan harmoni. Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia secara khususnya mendiami kawasan-kawasan pedalaman, pinggir-pinggir hutan dan sebahagiannya di pinggir perkampungan Melayu (Jabatan Muzium Malaysia, 2010).

Disamping itu, intelektualisme masyarakat ini juga dapat dilihat menerusi penghasilan bahasa kiasan dan perbidalan, lukisan, tulisan, pakaian, adat resam, nutrisi pemakanan, cerita-cerita dongeng rakyat, lagu-lagu rakyat dan gerak tari masyarakat Orang Asli. Setiap hasil intelektualisme masyarakat ini menjelmakan nilai-nilai masyarakat yang digarap secara tidak langsung. Ia bertujuan menyampaikan mesej serta panduan untuk pembinaan identiti dan jati diri generasi muda. (Nazri Abdul Rahman, 2014); Aishah & Mohd Nazri (2020).

## 2.8 Lagu dan Tarian Sewang Masyarakat Orang Asli

Faaizah et al., (2020) menyatakan sewang adalah upacara perubatan perubatan, sewang tahunan dan sewang meraikan tetamu yang menggunakan jampi dan bacaan tertentu pada sebelah malam sahaja. Manakala sewang tahunan dilakukan untuk musim-musim tertentu seperti musim buah, musim bunga dan lain- lain lagi. Sewang meraikan tetamu pula diadakan ketika kenduri kahwin dan semasa mengadakan acara dan majlis tertentu.

Jika disoroti kajian lepas Zakaria & Ariff (2011) menyatakan tarian sewang ialah satu bentuk persembahan tarian tradisional masyarakat orang Asli yang masih kekal diamalkan dan dipertahankan hingga sekarang. Tarian sewang dipersembahkan untuk berbagai-bagai fungsi seperti hiburan, buka cinta, perkahwinan, memuja semangat padi dan juga perubatan. Tarian ini biasanya diketuai oleh Tok Halak dan lima hingga sepuluh orang penari yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. (Adi Taha, 2006 dan Aniza Mohd Said, 2015). Selain itu, terdapat enam orang pemuzik iaitu lima orang pemukul centung (buluh yang berukuran berbeza) dan seorang pemukul gong. Sambil bersahut-sahutan beramai-ramai, penari perempuan mengetuk buluh centung ke atas buluh panjang atau kayu keras yang padat bagi mengeluarkan bunyi nyaring.

Berdasarkan kajian lepas Razali, Mohamad, & Ahmad (2020) mengenai Lagu etnik sesebuah masyarakat dan kajian Lagu Sewang masyarakat Orang Asli pengkaji boleh menyimpulkan bahawa tiga tujuan utama senikata lagu ini adalah untuk Tarian sewang untuk tujuan kegembiraan kebiasaannya diadakan setelah upacara menuai padi, menyambut kepulangan anak yang bekerja di perantauan, menyambut kedatangan tahun baru, perkahwinan atau apa sahaja yang difikirkan dapat memberi kegembiraan di dalam kampung. Tarian Sewang yang popular bagi masyarakat semai yang bertujuan antara lainnya sebagai cara penyembahan kepada makhluk ghaib untuk tujuan perubatan (Mohammad Aslam & Abdullah, 2014); (Razali, Mohamad, & Ahmad, 2020).

Upacara ‘bersewang’ yang menjadi tradisi masyarakat ini untuk pelbagai upacara juga boleh dipertontonkan dan disertai oleh pelancong (Awang, Fadzil, Wan Ibrahim, Zainol, & Edo, 2015). Seni kata lagu dalam tarian sewang diadun daripada pelbagai variasi. Keunikannya telah menarik minat para pengkaji seni, budaya dan bahasa untuk mengkajinya. Kajian oleh Mohd Azam, (2014); Chan, Clare Suet Ching (2017) walau bagaimanapun, banyak kajian sewang yang dijalankan hanya mengkaji dari aspek budaya dan etnomuzikalogi sahaja. Lantaran itu, fokus kajian ini ialah untuk melihat kajian ini akan meneliti lirik-lirik lagu dalam tarian sewang untuk disesuaikan dengan kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah Zakaria & Ariff (2011).

Kajian dari negara Indonesia berkaitan Lagu ialah daripada Monika Sri Yulianti (2011) telah mendapati hasil kajian bahawa penggunaan lagu-lagu dapat menghasilkan nilai-nilai cinta, kepercayaan, kesetiaan, komitmen dan saling memerlukan dan ia dapat menanamkan nilai kepada masyarakat.

Menurut Mohammad Aslam & Abdullah (2014); Razali et al., (2020) amalan mengubat penyakit tetap dibuat secara tradisi yang melibatkan jampi serapah diiringi nyanyian dan tarian digunakan sebagai perantara untuk mengubat penyakit, menghalau hantu serta mengawal keselamatan. Tarian Lilin dimainkan pada majlis perkahwinan dan selepas menuai padi kerana menganggap kekuatan lilin mampu menjadi asas kukuh dan berupaya menerangi orang lain, begitu juga dengan tarian Sewang yang popular bagi masyarakat Semai bertujuan antara lainnya sebagai cara penyembahan kepada makhluk ghaib (Chan, Clare Suet Ching, 2017).

Lagu-lagu tarian sewang ini sangat istimewa dan unik. Lirik lagu yang dicipta bukanlah dengan sewenang-wenangnya boleh dicipta oleh sebarang orang. Hanya orang-orang tertentu sahaja yang boleh mencipta lagu-lagu yang antara lainnya ialah *Tok Halak*. Jikalau dilihat dari aspek luarannya, lagu ini tidak menampakkan apa-apa makna kecuali pada mereka yang terlibat secara langsung dalam tarian tersebut. Zakaria Khalid, 2011

menjelaskan bahawa bagi kanak-kanak orang asli, lagu-lagu tarian sewang sudah bermain di bibir mereka. Saban hari jikalau kita berada di perkampungan mereka, sering kedengaran lagu-lagu ini dinyanyikan. Justeru, tidak hairanlah jika lagu-lagu ini dibawa masuk ke bilik darjah sebagai bahan kurikulum pengajaran.

Untuk menguasai sesuatu bahasa, seseorang kanak-kanak biasanya menghafal perkataan dan nyanyian adalah antara cara yang paling sesuai untuk mengulang dan mengukuh perkataan tersebut serta sesuai dengan keupayaan kana-kanak. Nyanyian atau lagu yang lebih panjang mengandungi lebih banyak perbendaharaan kata serta perlbagai tatabahasa. Dan ianya adalah sesuai untuk pembentukan kemahiran membaca dan mendengar secara amnya. (Nor Hani binti Jaludin<sup>1</sup>, Noraizan binti Mohsin<sup>2</sup>, 2018) dalam kajiannya menyatakan nyanyian dapat membantu murid menguasai kemahiran bertutur, peningkatan dalam skor kefahaman setelah mengikuti pengajaran menggunakan kaedah nyanyian selain seronok dan gembira.

## **2.9 Prabacaan Awal Kanak-kanak Prasekolah**

Kemahiran literasi awal merujuk pada pengetahuan, kemahiran, dan pelakuan murid tentang kemahiran membaca dan menulis sebelum mereka boleh membaca dan menulis secara standard. (Paper, Bacotang, Pendidikan, Idris, & Bacotang, 2016) Kesemua kemahiran literasi ini merupakan kemahiran yang penting bagi seseorang kanak-kanak agar bersedia dan dapat menjalani alam persekolahan formal dengan lebih berkesan. Justeru kemahiran asas ini perlu diterapkan dan dibentuk secara terancang dan bersepadu pada peringkat awal pendidikan mereka. (Fadzillah & Hashim, 2019) kanak-kanak yang mendapat pendedahan kepada pendidikan literasi yang terancang akan dapat mengembangkan serta menggunakan potensi literasi sepenuhnya. Sebagai contoh, kanak-kanak orang asli yang terdedah pada aktiviti literasi lebih awal menggunakan sumber Lagu Sewang akan lebih kaya pengalaman literasinya berbanding kanak-kanak yang tidak mendapat pendedahan yang luas dalam kegiatan literasi.

Kanak-kanak memasuki tahap literasi awal sejak lahir melalui interaksi dengan cetakan, lagu, rima, dan perbualan (Strickland & Morrow, 1989). Sebelum kanak-kanak berumur lima atau enam tahun, mereka telah dapat menguasai bunyi, makna, dan struktur bahasa mereka (Strickland & Ayers, 2007). Perkembangan bahasa dan literasi yang pesat membangun ini memerlukan sokongan dan bimbingan yang bersesuaian dari guru dan juga ibu bapa. Ini kerana penguasaan yang baik dalam bahasa dan literasi adalah asas penentu kejayaan akademik kanak-kanak di sekolah pada masa akan datang. (Aishah & Mohd Nazri (2020).

Teori literasi ini mendapat perhatian apabila kajian mendapati kanak-kanak yang datang ke tadika sudah boleh membaca (Durkin, 1966), kerana mereka telah didedahkan dengan buku ketika masih kecil lagi. Pengalaman melalui persekitaran rumah memainkan peranan penting dalam kemahiran awal membaca bagi kanak-kanak. Peranan persekitaran ini turut disokong peranan keluarga. Kajian oleh Morrow (2009) menunjukkan keluarga yang menyediakan persekitaran yang kaya dengan cetakan dan pengalaman literasi di rumah akan dapat membantu kanak-kanak memperoleh kemahiran literasi ini dengan cepat.

Kanak-kanak Prasekolah perlu menguasai kemahiran membaca kajian oleh Kamisah, dan keupayaan membaca membantu murid Prasekolah meningkatkan kemahiran bahasa dengan lebih efektif dalam kajian (Yahya & Ghazali, 2012); (Murti, 2019). Kemahiran membaca pada peringkat prasekolah ini mengagaskan bahawa objektif KSPK (bilangan ke-14) adalah untuk melengkapkan kanak-kanak dengan kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dan bahasa pengantar dalam kehidupan harian (KSPK, 2017). Bagi memastikan objektif ini tercapai, pengajaran membaca Bahasa Melayu harus disampaikan dengan kandungan, bahan dan kaedah yang bersesuaian dengan minat, tahap kebolehan, pengalaman dan pengetahuan kanak-kanak (NAEYC, 2010). Kaedah pengajaran membaca yang memberi manfaat kepada kanak-



kanak harus disampaikan melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna (KSPK, 2017).

Membaca merupakan proses kompleks yang melibatkan minda, persepsi, linguistik dan psikologi. Pengalaman awal literasi membaca memerlukan pendekatan yang bermakna, konkrit dan melibatkan kanak-kanak secara aktif (Morrow, 1993). Oleh itu, peringkat terawal dalam proses kemahiran membaca kanak-kanak ialah peringkat kemahiran Prabacaan. Kemahiran dalam Prabacaan merangkumi bacaan awal, bacaan mekanis dan baca-faham. (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2018). Kemahiran membaca ialah satu proses mengubah simbol-simbol tulisan (grafik) kepada konsep-konsep intelektual yang melibatkan pemahaman dan interpretasi idea-idea yang disimbolkan melalui penulisan. (Khairudin Mohamad, Maridah Alias, Faizah Haji Samsudin, 2013); (Pelet, 2020). Menurut Kamus Dewan Edisi keempat membaca sebagai memerhati isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dan memahamkan makna kandungannya dan satu proses mengucapkan apa sahaja yang tertulis secara lisan (Husin Fateh Din, Nazariyah Sani, 2013). Membaca sebagai proses memperoleh tafsiran yang bermakna ke atas lambang-lambang bercetak dan bertulis keupayaan seseorang itu mengecam bentuk visual dan menghubungkan bentuk itu dengan bunyi ataupun makna (Harris dan Sipay, 1980). Smith dan Johnson (1980), membaca berteraskan keinginan mewujudkan interaksi antara penyampaian idea penulis dengan tanggapan yang dibuat oleh pembaca.

Pada peringkat prasekolah, kanak-kanak perlu didedahkan dengan aktiviti prabacaan terlebih dahulu sebelum mengajar mereka membaca. Pada tahap awal ini, kanak-kanak akan didedahkan dengan aktiviti untuk meningkatkan ketajaman penglihatan dan pendengaran mereka sebagai persediaan kanak-kanak tersebut untuk proses membaca yang sebenar (Satriana, 2017). Tahap kedua ialah tahap bacaan mekanis, iaitu mengajar kanak-kanak untuk membunyikan huruf, suku kata dan perkataan. Terdapat pelbagai kaedah, pendekatan serta bahan bantu mengajar yang boleh digunakan

guru untuk mengajarkan kemahiran membaca tahap awal ini. Tahap berikutnya melibatkan proses membaca dan kefahaman iaitu kanak-kanak sudah boleh membaca dan memahami kandungan bahan bacaan tersebut. Aspek kefahaman merupakan pelengkap kepada proses bacaan. Pada tahap bacaan dan kefahaman ini, guru prasekolah berperanan menambahkan aspek perbendaharaan kata pelajar. Perbendaharaan kata yang luas kelak dapat membantu pelajar mengaitkan bacaannya dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada mereka. (Fadzillah & Hashim, 2019).

Antara aktiviti prabacaan yang boleh digunakan oleh guru kepada kanak-kanak prasekolah ialah kemahiran awal bacaan merupakan penguasaan awal kanak-kanak terhadap aktiviti membaca (Satriana, 2017). Kanak-kanak akan diperkenalkan dengan nombor, huruf, warna, bentuk dan persekitaran dengan cara yang menarik melalui buku yang dibaca. (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2018) Seterusnya pada peringkat mekanis, kanak-kanak sudah boleh membunyikan huruf, suku kata, perkataan, frasa dan ayat mudah. Mereka juga boleh membatangkan perkataan yang mengandungi suku kata terbuka dan tertutup. (Pembangunan et al., 2017). Dalam subtopik aspek kemahiran prabacaan akan diuraikan dengan lebih lanjut berkenaan aspek-aspek dalam kategori kandungan Prabacaan yang menjadi fokus utama dalam konteks kajian ini.

## **2.10 Kepentingan Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah**

Pada peringkat kanak-kanak, penguasaan tentang sesuatu konsep perlu melibatkan interaksi kanak-kanak dengan bahan (Wortham 2010) dan bahan seperti memadankan huruf dengan objek atau gambar adalah permainan yang efektif (Johnson 2015). Membaca merupakan aktiviti penting dalam kehidupan manusia. Maklumat yang diperolehi melalui pembacaan dapat digunakan sebagai panduan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka (Tamam, Zamri, Nik Mohd Rahimi dan Jamaludin, 2010). Manakala Yahya, Aisah, Azmey, Dk. Siti Ardiah dan Maszuraimah (2012), menegaskan kemahiran membaca yang dikuasai di sekolah membantu kanak-kanak membaca dengan berkesan.

Nurzuliana & Ahmad (2019) menghujahkan bahawa kemahiran membaca adalah penting untuk dikuasai oleh setiap pelajar di peringkat awal lagi. Peringkat prasekolah merupakan peringkat yang sesuai untuk membina asas membaca. Pada peringkat ini, kemahiran asas ini perlu diberi penekanan supaya tidak timbul masalah kelemahan membaca apabila kanak-kanak ini memasuki alam persekolahan secara formal.

Membaca adalah salah satu kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak supaya mereka dapat mencapai kemajuan dalam pelajaran dan juga kehidupan mereka. Pelbagai kaedah diguna pakai oleh para pendidik dalam mengajar kanak-kanak menguasai kemahiran membaca. Menurut Naimah Yusoff (2014); Satriana (2017) menegaskan kanak-kanak pada peringkat asas belajar membaca, perlu diajar dengan kaedah yang menyeronokkan, mengikut kesesuaian dan minat mereka bukannya secara paksaan.

Peringkat Prasekolah merupakan peringkat yang sesuai untuk membina asas membaca. Pada peringkat ini, kemahiran asas ini perlu diberi penekanan supaya tidak timbul masalah kelemahan membaca apabila kanak-kanak ini memasuki alam persekolahan secara formal. Kemahiran membaca adalah penting untuk dikuasai oleh setiap pelajar di peringkat awal lagi. Oleh itu minat membaca perlu dipupuk sejak dari awal lagi supaya terbina asas yang kukuh.

Tambahan pula, Prabacaan adalah perkara maujud yang memerlukan pendekatan, teknik, dan kaedah yang bersesuaian untuk direalisasikan oleh para guru. Tanpa kaedah dan teknik yang betul, objektif untuk melahirkan masyarakat berilmu melalui pembacaan akan tinggal impian. Staiger, Ralph C., Andresen, (1968) menekankan pentingnya membaca sebagai:

*“Reading is a key to communication and contributes to the solution of world problems of poverty and animosity. Reading is the key to continuing education, employment and enjoyment.”*

(muka surat 22 : *Reading : A Human Right and A Human Problem*)

Menurut Sharipah Amalhayaty (2015), berpendapat kemahiran membaca menjadi titik tolak terpenting dalam kehidupan kanak-kanak kerana membaca adalah asas kepada penguasaan kognitif dan persekitaran kehidupan manusia. Kemahiran membaca merupakan antara salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah sebelum melangkah ke alam pendidikan yang lebih tinggi.

Aukerman, (1971) telah mengenalpasti enam program yang spesifik untuk menggalakkan kesediaan membaca iaitu mengenal nama huruf, belajar bunyi huruf dan membaca seluruh perkataan, mendapatkan pengalaman membaca, kemahiran berkomunikasi dan mendengar puisi. Ingin belajar sambil bermain. Fedrich Froebel (1782 – 1852) mewujudkan tadika di Jerman untuk kanak-kanak berumur 4-5 tahun dengan konsep bermain sambil belajar. Beliau mempercayai proses pembelajaran yang paling berkesan adalah aktiviti yang menggembirakan. Salah satu aktiviti yang menggembirakan ialah bermain yang secara tidak langsung meningkatkan kemahiran kanak-kanak.

Kaedah pengajaran kemahiran bacaan awal ini telah pun diperkenalkan dan diguna pakai di pusat prasekolah di Semenanjung Malaysia (Naimah et al., 2014); (S. A. B. S. Ahmad, 2015). Tujuannya adalah untuk membantu meningkatkan kemahiran bacaan awal dan mengurangkan kadar belum celik huruf dalam kalangan murid sekolah di Malaysia amnya.

Justeru itu, perkembangan dan penggunaan Bahasa yang meliputi kemahiran membaca adalah antara bidang perkembangan utama dalam proses perkembangan kanak-kanak yang tidak boleh di abaikan. Greenberg (1990);Md Nasir Masran et al., (2010);

Pelet, (2020) menyarankan bahawa kanak-kanak perlu di dedahkan kepada kesusasteraan dan bahasa pada peringkat awal pendidikan Prasekolah perlu diberikan perhatian oleh guru mahupun ibubapa. Pendedahan kemahiran membaca pada peringkat pendidikan awal adalah sangat penting kerana aktiviti ini dapat membantu untuk merangsang rasa ingin tahu, menimbulkan rasa seronok, membentuk sikap positif terhadap aktiviti membaca dan melatih daya ingatan kanak-kanak.

Aktiviti seperti mendengar, membaca dan menulis merupakan proses yang membantu perkembangan awal literasi kanak-kanak. Ibu bapa, orang dewasa dan persekitaran dapat membantu kanak-kanak mempercepatkan penguasaan kemahiran membaca. Membaca merupakan proses kompleks yang melibatkan minda, persepsi, linguistik dan psikologi. Pengalaman awal literasi membaca memerlukan pendekatan yang bermakna, konkrit dan melibatkan kanak-kanak secara aktif (*Morrow, 1993*). Oleh itu, peringkat awal dalam proses kemahiran membaca kanak-kanak ialah peringkat kemahiran bacaan awal.

## **2.11 Isu kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah Orang Asli**

Pendidikan anak-anak Orang Asli berhadapan dengan masalah literasi. Menurut Laporan JHEOA (2000) kadar buta huruf dalam kalangan Orang Asli di Malaysia sebanyak 49.2% berbanding dengan kadar buta huruf nasional iaitu sebanyak 6.4%. Kajian-kajian yang dijalankan dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli juga menunjukkan tahap penguasaan literasi dan numerasi berada di tahap yang sangat rendah (Abdull Shukor et al., 2011); (Nurzuliana & Ahmad, 2019).

Selain itu, masalah literasi di negara kita masih tidak dapat diselesaikan saban tahun. Situasi ini dibuktikan berdasarkan data Laporan Tahunan 2015 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) menunjukkan berlakunya peratus penurunan murid yang menguasai kemahiran literasi bahasa Melayu dalam Ujian Saringan LINUS pada tahun 2013 hingga 2015 ( Nurul Haniza, 2017).

Kajian oleh Aliza Ali, dan Zamri Mahamod (2015) hanya menfokuskan kepada kanak-kanak Prasekolah secara umum tidak melibatkan kanak-kanak orang asli. Jadi kajian melibatkan kemahiran Bahasa khusus bagi kanak-kanak Prasekolah orang asli wajar dijalankan.

Menurut kajian oleh Jumiya Ahmad (2014); Satriana (2017) menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu murid orang asli sangat lemah dan murid didapati sukar memahami sebutan bahasa Melayu guru dan mereka masih tidak mengenal huruf.

Selain itu, kaedah pengajaran kemahiran Prabacaan telah diperkenalkan dan diguna pakai di pusat Prasekolah bertujuan adalah untuk membantu meningkatkan kemahiran Prabacaan di kalangan kanak-kanak dan mengurangkan kadar belum celik huruf dalam kalangan murid sekolah di Malaysia, amnya. (Naimah et al., 2014); (Nurzuliana & Ahmad, 2019).

Ketidakupayaan kanak-kanak menguasai kemahiran membaca akan menyumbang kepada masalah keciciran (Unit Rendah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2011)(Ali et al., 2020). Asasnya adalah kelemahan dalam mengeja perkataan dan membaca ayat mudah pada peringkat awal membaca berlarutan kepada kelemahan menguasai aspek membaca untuk tahap seterusnya. Dengan itu, terdapat dua isu utama berkaitan dengan penguasaan kemahiran membaca peringkat awal dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang merupakan pernyataan masalah kepada kajian ini, iaitu kelemahan dalam mengeja perkataan dan membaca ayat mudah bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah.

## **2.12 Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (DKSPK) 2017**

Menyedari kepentingan pendidikan prasekolah dalam konteks keperluan untuk negara kita, maka pendidikan prasekolah tersenarai sebagai salah satu fokus utama Bidang Keberhasilan Utama Negara (KPM, 2010). Menelusuri arus globalisasi dan sejajar dengan perkembangan dunia pendidikan pada masa kini, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan telah diguna pakai di semua prasekolah kerajaan dan swasta. Modul KSPK yang terbaharu adalah terbitan tahun 2017, KSPK digubal berdasarkan reka bentuk kurikulum berasaskan standard, berbentuk modular, dan berkisar kepada enam Tunjang Pembelajaran yang mempunyai kesinambungan dengan peringkat rendah dan menengah.

Kurikulum berasaskan standard yang diterjemahkan dalam KSPK 2017 mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran. Dokumen kurikulum ini dinamakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). DKSPK yang dihasilkan telah menyepadukan enam tunjang dalam kerangka KSPK 2017 iaitu Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains dan Teknologi; dan Keterampilan Diri. KSPK 2017 mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 termasuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KSPK digubal berdasarkan prinsip amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. Objektif yang paling utama dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan ialah menyediakan peluang kepada murid untuk mencapai objektif menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan. Tunjang Komunikasi menekankan kepada kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi. Tunjang ini mengandungi disiplin ilmu bahasa yang wajib dipelajari oleh semua murid prasekolah iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Penekanan terhadap komponen pengalaman Bahasa dan Prabacaan telah di gariskan dalam kurikulum yang terbaharu ialah DKSPK (2017). Di samping itu, aspek seni bahasa juga diterapkan dalam Tunjang ini. Aspek seni bahasa merujuk kepada keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur melalui pelbagai aktiviti dan permainan bahasa seperti nyanyian, bercerita, berlakon dan berpuisi. Dalam KSPK(2017) muka surat 32-34, mengandungi Standard Kandungan iaitu daripada menguasai kemahiran Prabacaan, mengenal huruf abjad, membina dan membaca suku kata dan perkataan, membaca dan memahami frasa dan ayat, membaca dan memahami bahan bacaan, memupuk bacaan luas. Kegagalan menguasai kemahiran membaca pada peringkat asas akan menjejaskan prestasi pencapaian murid dalam semua mata pelajaran. Jadual di bawah menunjukkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam Kemahiran Membaca.



Jadual 2.1

*Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran*

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
<b>BM 2.0 KEMAHIRAN MEMBACA</b>		
BM2.1 Menguasai kemahiran prabacaan	Murid boleh :	
	BM 2.1.1 Menyatakan lambang dan cetakan yang membawa makna tertentu.	
	BM 2.1.2 Mengenalpasti ciri-ciri fizikal buku :	
	i) Judul	
	ii) Gambar/ilustrasi	
BM 2.2 Mengenal huruf abjad	iii) Pengarang	
	BM 2.1.3 Mengamalkan cara membaca yang betul :	
	i) Dari kiri ke kanan	
	ii) Dari atas ke bawah	
	iii) Jarak antara mata dengan buku	
	iv) Teknik memegang buku	
	BM 2.1.4 Mengamalkan penjagaan buku dengan cara yang betul	
	BM 2.1.5 Membaca secara olok-olok	
	Murid boleh :	Murid boleh :
	BM 2.2.1 Mengenalpasti abjad	BM 2.2.3 Mengenalpasti dan menyebut huruf kecil dan besar.
	BM2.2.2 Menyebut dan membunyikan vokal	

*(BM 2.0) yang perlu di capai oleh semua kanak-kanak Prasekolah sebelum melangkah ke tahun 1. Sumber ; KSPK Semakan 2017*

## Jadual 2.2

### Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
	4+	5+
BM 2.3 Membina dan membaca suku kata dan perkataan	Murid boleh :	Murid boleh :
	BM 2.3.1 Membunyikan kuku kata terbuka	BM 2.3.3 Membaca perkataan dengan suku kata terbuka :
	BM 2.3.2 Membunyikan suku kata tertutup	i) KV+KV ii) KV+KV+KV
	BM 2.1.3 Mengamalkan cara membaca yang betul :	BM 2.3.4 Membaca perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup.
	v) Dari kiri ke kanan	i) KVK
	vi) Dari atas ke bawah	ii) V+KV
	vii) Jarak antara mata dengan buku	iii) V+KVK
	viii) Teknik memegang buku	iv) KV+KVK
	BM 2.1.4 Mengamalkan penjagaan buku dengan cara yang betul	v) KVK+KV
	BM 2.1.5 Membaca secara olok-olok	vi) KVK+KVK
BM 2.4 Membaca dan memahami frasa dan ayat	Murid boleh :	Murid boleh :
	BM 2.4.1 Membaca frasa yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka	BM 2.4.3 Membaca dan memahami frasa yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup.
	BM 2.4.2 Membaca ayat mudah yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka	BM 2.4.4 Membaca dan memahami ayat mudah dengan sebutan yang betul.

Selaras dengan keperluan dan kehendak semasa serta bagi memenuhi aspirasi dan agenda transformasi negara NKRA dan KSPK wajarlah kemahiran prabacaan diberi fokus utama dalam memacu potensi diri kanak-kanak prasekolah. Penekanan kepada penguasaan kemahiran membaca akan memberi impak kepada pembentukan modal insan yang akan membesar menjadi generasi pewaris negara pada masa hadapan. Khairuddin Mohamad (2017), menegaskan kemampuan kanak-kanak membaca dan memahami sesuatu bahan sangat berkait dengan kejayaan dan keberkesanan sistem pendidikan kita

masa kini. (Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2016), berpendapat isu membaca tidak pernah lapuk untuk diperkatakan biarpun masyarakat kita mengalami arus perubahan dalam dunia globalisasi, serta bergelung dengan dunia teknologi maklumat dan perkomputeran, namun hakikat kepentingan membaca tidak boleh dipertikaikan.

Kaedah mengajar yang sesuai perlu dilaksanakan oleh guru agar kemahiran Prabacaan yang bakal dikuasai oleh kanak-kanak berlaku dengan mudah dan berkesan. Masalah ketidaksesuaian pembelajaran juga dikatakan berpunca daripada kurikulum yang kurang sesuai dengan perkembangan kognitif kanak-kanak, strategi dan kaedah yang kurang sesuai, dan bahan pelajaran yang disediakan kurang menarik minat murid-murid (Mok 1990, p.9) dalam kajian (Nurul Haniza Samsudin, 2017). Jadi penggunaan bahan pengajaran dan kaedah yang bersesuaian memainkan peranan penting dalam keberkesanan pengajaran guru.

### **2.13 Aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah**

Elemen utama yang mendasari kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah ialah kemahiran-kemahiran Prabacaan dalam Tunjang Komunikasi Bahasa Melayu yang terkandung didalam Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan tahun 2017. (DKSPK, 2017). Antara aspek-aspek utama bagi kemahiran Prabacaan bagi murid 5 dan 6 tahun ialah seperti :-

1. BM 2.1.1 Menyatakan lambang dan cetakan yang membawa makna tertentu.
2. BM 2.1.2 Mengenalpasti ciri-ciri fizikal buku :
  - iv) Judul
  - v) Gambar/ilustrasi
  - vi) Pengarang
3. BM 2.1.3 Mengamalkan cara membaca yang betul :
  - ix) Dari kiri ke kanan
  - x) Dari atas ke bawah
  - xi) Jarak antara mata dengan buku
  - xii) Teknik memegang buku
4. BM 2.1.4 Mengamalkan penjagaan buku dengan cara yang betul

5. BM 2.1.5 Membaca secara olok-olok

Manakala bagi kemahiran Membina dan membaca suku kata dan perkataan pula termasuklah : -

1. BM 2.2.1 -Mengenal pasti abjad
2. BM 2.2.2 - Menyebut dan membunyikan huruf vokal
3. BM 2.2.3 - Mengenal pasti dan menyebut huruf kecil dan besar
4. BM 2.3.1 - Membunyikan suku kata terbuka
5. BM 2.3.2 - Membunyikan suku kata tertutup
6. BM 2.3.3 - Membaca perkataan dengan suku kata terbuka: (i) KV+KV (ii) KV+KV+KV
7. BM 2.3.4 - Membaca perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup: (i) KVK (ii) V+KV (iii) V+KVK (iv) KV+KVK (v) KVK+KV (vi) KVK+KVK

Oleh itu, aspek-aspek kemahiran Prabacaan dalam kurikulum ini sesuai digunakan bagi kanak-kanak prasekolah orang asli. Aspek-aspek ini disesuaikan dan diterapkan ke dalam Lagu Sewang dalam konteks kajian ini.

Manakala, dalam kajian (Fadzillah & Hashim, 2019) berpendapat bagi memastikan kemahiran Prabacaan ini dapat dikuasai dengan baik semasa di peringkat Prasekolah, guru perlu dapat mengenal pasti masalah membaca yang timbul dalam kalangan pelajarnya agar tindakan susulan dapat dirancang. Terdapat beberapa kriteria awal untuk mengenal pasti kesukaran membaca dalam kalangan kanak-kanak, iaitu:

- a) kesukaran mengenal bentuk huruf
- b) kesukaran menyebut bunyi huruf dengan tepat
- c) keliru dengan huruf besar dan huruf kecil
- d) tidak dapat membatang suku kata
- e) tidak dapat menyebut perkataan dengan betul dan lancar.

Justeru, aspek-aspek kemahiran Prabacaan ini boleh digunakan serta disesuaikan dalam konteks kajian ini menggunakan Lagu Sewang Masyarakat orang asli sebagai sumber kurikulum bagi pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

Kajian oleh Noor Aini dan Nur Liyana (2015) ini mendapati penggunaan bahan seperti doh berupaya membantu murid menguasai konsep huruf dengan baik dan kemahiran mengenal huruf, mampu menguasai konsep huruf dan bunyi huruf dengan baik. Melalui bahan permainan yang dilabelkan dengan huruf, pemerolehan bahasa daripada aspek fonologi berlaku secara tidak langsung. Wood (2013);(Satriana, 2017) mengatakan kanak-kanak bukan sahaja bermain dengan bahan, mereka juga bermain dengan perasaan, maksud, idea dan hubungan, kemudian mengubah aspek-aspek ini melalui pemikiran dalam bentuk lukisan.

Secara amnya kajian (Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2016) mendapati kemahiran Prabacaan meningkat apabila kanak-kanak:

1. Mengecam huruf.
2. Mengecam bentuk huruf dan mengaitkan bentuk huruf dengan objek di persekitaran
3. Memahami bentuk perkataan atau kumpulan simbol melalui penerokaan
4. Mengetahui bahawa huruf yang digunakan dalam permainan adalah simbol yang mewakili maksud (print awareness).
5. Membunyikan huruf
6. Menyusun bahan permainan yang dilabelkan dengan huruf mengikut urutan.
7. Meneroka bentuk huruf melalui permainan yang menyeronokkan.
8. Memadankan huruf yang dilabelkan pada bahan permainan dengan gambar.
9. Mengaitkan bunyi huruf vokal
10. Menggabungkan huruf melalui penerokaan bahan permainan berlabel

## 2.14 Strategi pengajaran dan pembelajaran guru berasaskan Lagu Sewang

Dalam kajian Norhidani Buyong & Norasmah Othman (2018) penyampaian pengajaran berkualiti menekankan pengajaran yang koheren dan bahan yang berurutan, peluang mencukupi bagi penglibatan murid dalam latihan bersepadu, penggunaan pengukuran yang kerap dan berkala serta maklum balas konstruktif kepada murid (Muhamad Suhaimi, 2012). Selain itu guru perlu sabar dan berlemah lembut dalam menyampaikan sesuatu isi pengajaran kerana medan utama dalam keberkesanan penyampaian pengajaran adalah kefahaman yang diterima oleh murid (Nurhanani et al. 2013); (Mamat, Rami, Abdullah, Simin, & Azizah, 2020). Pendapat oleh Hasnalee dan Zulkifley (2011) dan Noraini Othman (2012) mendapati strategi pengajaran secara didik hibur berjaya menambahkan minat kanak-kanak untuk membaca (Nur et al., 2020). Oleh sebab kajian mengenai pelaksanaan dan kesan didik hibur ke atas literasi masih kurang, jadi pengkaji mengkaji dengan lebih mendalam tentang pelaksanaan penggunaan lagu-lagu sewang ini sebagai satu sumber pengajaran yang berunsurkan didik hibur kepada kanak-kanak prasekolah orang asli khususnya.

Strategi pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan (DKSPK,2017) yang mendasari kajian ini menyatakan bahawa dalam proses PdP, tidak ada satu kaedah dan strategi yang khusus dan terbaik untuk diaplikasikan di dalam kelas yang mempunyai kepelbagaian murid. Guru perlu bijak menggunakan pelbagai strategi PdP yang sesuai dengan tahap perkembangan, keperluan, kebolehan, bakat dan minat murid supaya pembelajaran berkesan dan lebih bermakna. Dalam konteks kajian ini, penyesuaian strategi pengajaran guru dengan latarbelakang kanak-kanak Prasekolah Orang Asli amat dititikberatkan. Maka, gabungan strategi pengajaran guru daripada DKSPK dan juga pengajaran prinsip Pribumi dan budaya masyarakat orang asli.

Terdapat pelbagai strategi PdP yang boleh digunakan oleh guru antaranya ialah:

#### a) Pembelajaran Berpusatkan Murid Pembelajaran

Pembelajaran berpusatkan murid bermaksud penglibatan murid secara aktif dalam sesuatu aktiviti pembelajaran dan mereka diberi tanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri. Di bawah pembelajaran berpusatkan murid ini, murid memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran kerana pembelajaran digerakkan atas minat, dorongan dan keperluan murid. Murid juga diberi kebebasan untuk memilih jenis aktiviti, bahan dan masa semasa pembelajaran. Guru merupakan pemudahcara atau pembimbing yang memandu murid menjalankan aktiviti pembelajaran.

#### b) Belajar Melalui Bermain

Belajar melalui bermain adalah satu pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid untuk belajar dalam suasana yang bebas, selamat, mengembirakan dan bermakna. Pendekatan ini diberi penekanan dalam pendidikan prasekolah kerana bermain merupakan fitrah atau tingkahlaku semulajadi kanak-kanak. Melalui proses bermain mereka akan membuat penerokaan, penemuan dan pembinaan pengalaman secara langsung dan semulajadi. Melalui pendekatan ini, aspek perkembangan fizikal, sosial emosi, kognitif dan bahasa serta potensi kanak-kanak dapat ditingkatkan ke tahap yang maksimum.

#### c) Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

PdP berasaskan Inkuiri merupakan satu pendekatan di mana murid membina pengetahuan dan kefahaman sendiri melalui penyiasatan dan penerokaan berasaskan pengetahuan sedia ada. Pelaksanaan pendekatan ini adalah melalui pelbagai pendekatan seperti pembelajaran berasaskan projek, penyiasatan saintifik, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran kolaboratif bagi melahirkan murid yang berilmu dan berkemahiran berfikir aras tinggi. Proses PdP Inkuiri berfokus kepada *learning by doing* yang melibatkan murid melaksanakan aktiviti penerokaan, penyiasatan, penyoalan, berfikir secara reflektif dan penemuan ilmu baharu. Secara umumnya, Inkuiri mementingkan

‘mengapa’ dan ‘bagaimana’ berbanding dengan ‘apa’ terhadap sesuatu perkara atau kejadian. Selain daripada itu, Inkuiri dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif serta menggalakkan pembelajaran sendiri. Inkuiri juga dapat menimbulkan rasa ingin tahu dan menggalakkan murid untuk bertanya. Dalam masa yang sama murid akan membuat refleksi sepanjang proses pembelajaran.

#### d) Pendekatan Bersepadu

Pendekatanbersepadu adalah pendekatan yang menggabungkan dua atau lebih kemahiran yang perlu dikuasai murid dalam satu masa. Pendekatan ini akan dapat membantu murid untuk memahami hakikat kehidupan sebenar. Dalam kehidupan sebenar sesuatu itu saling berkaitan antara satu sama lain dan bukannya sesuatu yang terpisah-pisah. Selain daripada itu, guru hendaklah menggunakan pengalaman seharian murid dalam proses PdP. Pembelajaran dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu dan tidak memisahkan pembelajaran kepada disiplin ilmu yang berbeza-beza. Selain daripada kesepaduan antara disiplin ilmu, pendekatan ini juga melibatkan kesepaduan antara beberapa kemahiran, kemahiran dan nilai, kesepaduan antara tunjang, kesepaduan antara aktiviti serta pelbagai kaedah dan teknik. Pembelajaran melalui pendekatan bersepadu dapat memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza dari segi perkembangan, minat dan kebolehan serta perbezaan dari segi latar belakang.

#### e) Pendekatan Pendekatan Bertema

Pendekatan bertema adalah pengurusan kurikulum dan pembelajaran melalui satu tema atau topik yang dipilih bersesuaian dengan masa, tempat, minat, latar belakang dan tahap perkembangan murid. Pendekatan pengajaran bertema melibatkan perkara-perkara berikut:

-Penggunaan satu tema umum merentasi bidang pembelajaran.

-Pemilihan tema berdasarkan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.



-Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik  
Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran. -  
Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih spesifik

-Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran.

-Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih spesifik.

#### f) Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek adalah proses pembelajaran yang berfokuskan tugas amali secara terancang dalam jangka masa yang tertentu. Kaedah pengajaran ini menekankan kajian dalam bentuk projek sebagai cara murid memperoleh ilmu. Proses pembelajaran ini juga biasanya melibatkan kutipan serta analisis data dan persediaan satu laporan yang betul. Antara ciri-ciri pembelajaran berasaskan projek ialah:

- Kaedah ini boleh dijalankan secara individu atau secara berkumpulan.

-Penilaiannya dijalankan pada setiap tahap proses sehinggalah ke tahap hasil yang siap.

-Interaksi guru dengan murid adalah berbentuk bimbingan dan perundingan pada setiap tahap proses (guru sebagai fasilitator)

-Proses ini melibatkan pengumpulan bahan, maklumat, data, memproses maklumat dan data, dan pelaporan hasil serta refleksi sendiri.

-Kaedah pembelajaran ini berasaskan kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan kebolehan murid.

-Berorientasikan dunia sebenar.

#### g) Pembelajaran Masteri

Pembelajaran Masteri merupakan satu pendekatan untuk memastikan semua murid menguasai objektif pembelajaran yang dihasratkan dalam suatu pembelajaran sebelum

berpindah ke pembelajaran seterusnya. Dengan kata lain, pendekatan ini berfokus kepada penguasaan murid dalam sesuatu perkara yang dipelajari.

Melalui Pembelajaran Masteri, murid diberi peluang untuk maju mengikut kebolehan dan kadar pembelajaran mereka sendiri serta dapat mempertingkatkan tahap penguasaan pembelajaran. Pendekatan ini berpegang kepada prinsip bahawa setiap murid mampu belajar jika diberi peluang. Peluang perlu diberi kepada murid untuk belajar mengikut keupayaannya, tindakan pengayaan dan pemulihan perlu dijadikan sebahagian daripada proses PdP. Pendekatan ini memerlukan peruntukan masa yang mencukupi serta proses PdP yang berkualiti.

#### h) Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan *aktiviti hands-on* dan *minds-on*. Pembelajaran hanya akan berlaku apabila murid dapat memproses maklumat atau pengetahuan baharu dengan cara yang bermakna dalam rangka minda mereka. Pembelajaran akan menjadi lebih berkesan jika maklumat disampaikan dalam konteks yang pelbagai dan bermakna kepada murid. Penekanan perlu diberi kepada kepelbagaian persekitaran pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Guru digalakkan memilih atau mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangkumi pelbagai pengalaman sama ada dalam konteks sosial, budaya, fizikal atau psikologi untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

#### i) Pembelajaran Berdasarkan Kepelbagaian Kecerdasan

Teori Kecerdasan Pelbagai merupakan satu teori yang penting kerana teori ini mempunyai hubungkait yang rapat dengan bidang pendidikan. Setiap murid mempunyai pelbagai kecerdasan dan cara murid berfikir, bertindak dan belajar adalah berlainan

berbanding dengan murid yang lain. Terdapat sekurang-kurangnya lapan jenis kecerdasan pelbagai antaranya ialah:

-kecerdasan verbal-linguistik: kebolehan menggunakan kata-kata secara berkesan dalam bentuk lisan dan penulisan.

-kecerdasan logikal-matematik: kebolehan menggunakan nombor secara berkesan, mempunyai keupayaan logik, menaakul dan bijak berhujah

-kecerdasan visual-ruang: kebolehan mengesan dan menggambarkan bentuk, ruang, warna dan garisan

-kecerdasan kinestetik: kebolehan menggunakan badan untuk menyatakan idea, perasaan dan menyelesaikan masalah

-kecerdasan muzik: kebolehan mengesan irama dan lagu

- kecerdasan interpersonal: kebolehan memahami perasaan, motivasi, tabiat serta hasrat orang lain

-kecerdasan intrapersonal: kebolehan memahami diri sendiri dari segi kekuatan, kelemahan, hasrat dan kehendak

-kecerdasan naturalis: kebolehan mengenali dan mengklasifikasikan tumbuh-tumbuhan, galian dan binatang termasuk rumput dan batu-batuan serta pelbagai flora dan fauna.

Setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza, dengan adanya galakan, pengayaan dan pengajaran yang sesuai, potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid dapat dikembangkan ke tahap optimum.

Selain daripada kaedah dan strategi didalam DKSPK, 2017 itu terdapat juga pandangan-pandangan daripada pengkaji-pengkaji yang lalu berkenaan strategi pengajaran iaitu penggunaan kaedah bunyi suku kata untuk membaca di peringkat awal (Howard P. Parette et. al. 2009). Kaedah ini memudahkan kanak-kanak mengenal huruf dan suku kata. Dalam kaedah ini, kanak-kanak diperkenalkan kepada abjad sebelum diajar kepada bunyi. Kemudian mereka diajar kepada mengeja dan membunyikan setiap

suku kata yang boleh dibentuk daripada abjad tersebut. Apabila kanak-kanak telah menguasai ejaan dan bunyi suku kata, baharulah mereka di perkenalkan dengan perkataan hasil daripada gabungan suku kata tersebut.

Muzik dan gerakan dianggap sebagai media pengajaran yang menarik dan mampu membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kanak-kanak lebih mudah mengingat topik pelajaran yang disampaikan oleh guru dengan adanya lagu yang boleh dinyanyikan oleh kanak-kanak secara berulang kali tanpa perlu dipaksa. Cadangan guru menyatakan bahawa kaedah muzik dan gerakan dalam pengajaran fonik Bahasa Melayu perlu digiatkan dalam kalangan guru prasekolah. Latihan atau bimbingan yang bersesuaian harus diberikan kepada para guru untuk memastikan keberkesanan pengajaran fonik dalam Bahasa Melayu. Dapatan kajian mendapati bahawa semua kanak-kanak lebih tertarik akan pembelajaran yang melibatkan aktiviti menyanyi dan bergerak. (Mahzan Bin Arshad1, 2017). Menurut Bolling (2008), masalah kegagalan membaca menjadi semakin serius jika tiada langkah sistematik dilakukan kerana masalah menguasai kemahiran membaca memang akan timbul dalam kalangan murid yang lemah. Namun, elemen muzik yang diterapkan dalam nyanyian akan menjadikan mereka aktif dan berminat untuk membaca (Ramlah bt Jantan et al., 2016).


Kejayaan seseorang pelajar untuk mendapatkan ilmu yang diajar adalah bergantung sepenuhnya kepada kaedah pengajaran yang disampaikan oleh guru sewaktu proses latihan. Ketidaksepadanan gaya pengajaran guru boleh mengurangkan minat pelajar terhadap aktiviti yang diajar di dalam kelas. Oleh itu, guru harus mempelbagaikan strategi pengajaran agar dapat meningkatkan pencapaian dan minat pelajar (Noraini Idris Shuki Osman, 2009). Ini akan memberikan tindakan yang positif terhadap emosi kanak-kanak di mana mereka akan berpeluang untuk bertanya, tersenyum, ketawa, membuat

aksi, membuat memek muka, lakonan, simpati, empati dan sebagainya. (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2018).

### **2.15 Teori Psikologi Skema**

Dalam kajian ini teori bagi kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah adalah berdasarkan Teori Psikologi Skema dan Model Pedagogi Pribumi bagi masyarakat orang asli. Perbincangan dimulakan dengan Teori Psikologi Skema diikuti oleh Model Pedagogi Pribumi.

Dalam kajian Arbib, (2015) penggunaan skema sebagai konsep asas pertama kali digunakan oleh ahli psikologi British yang bernama *Frederic Bartlett* pada tahun 1932 sebagai sebahagian dari teori pembelajarannya. Teori Bartlett mencadangkan bahawa pemahaman kita tentang dunia dibentuk oleh rangkaian gambaran struktur mental atau kognitif abstrak. Jean Piaget memperkenalkan skema istilah, dan penggunaannya dipopularkan melalui karyanya. Menurut teorinya perkembangan kognitif, kanak-kanak meneruskan beberapa peringkat pertumbuhan intelektual. Dalam teori Piaget, skema adalah kedua-dua kategori pengetahuan serta proses memperoleh pengetahuan itu. Beliau percaya bahawa orang sentiasa beradaptasi dengan alam sekitar kerana mereka mengambil maklumat baru dan mempelajari perkara-perkara baru. Apabila pengalaman berlaku dan maklumat baru dibentangkan, skema baru dibangunkan dan skema lama diubah atau diubah suai.



Rajah 2.1 Teori Psikologi Skema

Piaget memberi tumpuan kepada perkembangan zaman kanak-kanak, skema adalah sesuatu yang dimiliki dan dimiliki oleh semua orang dan berubah sepanjang hayat. Skema objek hanya satu jenis skema yang memberi tumpuan kepada objek yang tidak bernyawa dan bagaimana ia berfungsi. Sebagai contoh, kebanyakan orang di negara perindustrian memiliki skema untuk apa kereta. Skema keseluruhan anda untuk kereta mungkin termasuk subkategori untuk pelbagai jenis kereta seperti kereta kompak, sedan, atau kereta sukan. Skema jenis lain yang sering dimiliki oleh orang ramai termasuklah :-

1. Skema orang memberi tumpuan kepada individu tertentu. Sebagai contoh, skema anda untuk rakan anda mungkin termasuk maklumat tentang penampilannya, tingkah laku, keperibadiannya, dan keutamaannya.
2. Skema sosial termasuk pengetahuan umum tentang bagaimana orang berkelakuan dalam situasi sosial tertentu.
3. Skema sendiri memberi tumpuan kepada pengetahuan anda mengenai diri anda sendiri. Ini boleh merangkumi kedua-dua perkara yang anda ketahui mengenai diri anda sekarang serta idea mengenai diri anda yang ideal atau masa depan.
4. Skema acara memberi tumpuan kepada corak tingkah laku yang perlu diikuti untuk acara tertentu. Ini bertindak seperti skrip yang memaklumkan kepada anda

tentang apa yang harus anda lakukan, bagaimana anda harus bertindak, dan apa yang harus anda katakan dalam situasi tertentu.

### **Proses Perubahan Teori Skema**

Proses di mana skema diselaraskan atau ditukar dikenali sebagai asimilasi dan akomodasi.

1. Dalam asimilasi, maklumat baru dimasukkan ke dalam skema yang sedia ada.
2. Di dalam akomodasi, skema sedia ada mungkin diubah atau skema baru mungkin terbentuk apabila orang mempelajari maklumat baru dan mempunyai pengalaman baru.

Proses ini berkait rapat dengan kajian dimana skema beraubah dalam bentuk proses akomodasi kerana kanak-kanak orang asli belajar lagu dan tarian sewang dalam perubahan yang baharu iaitu Lagu Sewang sebagai skema sedia ada mereka diubah kepada pengalaman yang baharu iaitu sebagai kurikulum pengajaran Prabacaan.

Skema ini cenderung menjadi lebih mudah untuk berubah semasa zaman kanak-kanak tetapi boleh menjadi semakin sukar diubah suai apabila orang semakin tua. Skema sering akan berterusan walaupun orang dibentangkan dengan bukti yang bertentangan dengan kepercayaan mereka. Dalam banyak kes, orang hanya akan mula perlahan-lahan menukar skema mereka apabila dibanjiri dengan rentetan bukti berterusan yang menunjukkan keperluan untuk mengubahnya.

### **Pengaruh Teori Skema terhadap proses Pembelajaran**

1. Skema mempengaruhi apa yang diperhatikan. Orang lebih cenderung untuk memperhatikan perkara-perkara yang sesuai dengan skema semasa mereka. Skema juga memberi impak bagaimana proses pembelajaran. Belajar maklumat lebih mudah apabila ia sesuai dengan skema sedia ada.
2. Skema membantu memudahkan dunia. Skema sering boleh memudahkan orang untuk mengetahui tentang dunia di sekeliling mereka. Maklumat baru boleh

diklasifikasikan dan dikategorikan dengan membandingkan pengalaman baru dengan skema sedia ada.

3. Skema membolehkan kita berfikir dengan cepat. Walaupun di bawah keadaan apabila sesuatu yang cepat berubah maklumat baru kami datang dengan cepat, orang biasanya tidak perlu menghabiskan banyak masa menafsirkannya. Kerana skema sedia ada, orang dapat mengasimilasikan maklumat baru ini dengan cepat dan secara automatik.
4. Skema juga boleh mengubah cara kita menafsirkan maklumat masuk. Apabila mempelajari maklumat baru yang tidak sesuai dengan skema sedia ada, orang kadang-kadang memutarbelitkan atau mengubah maklumat baru untuk menjadikannya sesuai dengan apa yang sudah mereka ketahui.
5. Skema juga boleh menjadi sangat sukar untuk diubah. Orang sering berpaut kepada skema sedia ada walaupun dalam menghadapi maklumat yang bercanggah.

### **Model Pedagogi Pribumi**

(Ramussen et al, 2004) telah menunjukkan bahawa kebanyakan orang asli mempunyai kelebihan visual- ruang kerana cara hidup, latar belakang dan persekitaran di tempat mereka berada. Di samping itu kanak-kanak orang asli lebih cenderung terhadap pembelajaran interaktif dan kinestetik dalam modaliti visual, kerja kumpulan dan suka kerjasama. Masyarakat pedalaman atau masyarakat indigenous serta masyarakat orang asli tinggal di kawasan pedalaman dan mereka harus mengingat maklumat visual –ruang untuk meninjau persekitaran. (Pelet, 2020).

Berdasarkan Institut Pendidikan Guru Malaysia, (2018) di Pusat Kecemerlangan Pedagogi Kebangsaan, Pedagogi Pribumi merujuk kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi penduduk pribumi termasuklah masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, dan etnik pribumi di Sarawak dan suku-suku minoriti di Sabah perlu di lihat daripada aspek sosio-budaya dan sistem nilai masyarakat berkenaan. Perkara



ini perlu di ambil kira agar ilmu dan kemahiran yang di sampaikan akan mudah diterima dan memberi makna kepada kanak-kanak orang asli dan pribumi. Kefahaman para guru mengenai sosio-budaya masyarakat Orang Asli menjadi faktor penting dalam usaha mengatasi isu buta huruf dan keciciran dalam kalangan murid orang asli. Pendekatan Pedagogi Pribumi adalah berasaskan kepada Strategi Amalan Pedagogi Peka budaya. Prinsip-prinsip amalan pedagogi peka budaya yang di tekankan ialah :

- i. Berasaskan budaya masyarakat setempat “*inside out*”
- ii. Berpusatkan murid – konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pengajaran melalui pengalaman dan kecerdasan pelbagai.
- iii. Integrasi antara disiplin
- iv. Pengajaran multigrad

Kajian dan penyelidikan khusus seperti ini wajar di jalankan oleh pengkaji mengenai pendidikan kaum pribumi ini supaya teori dan amalan pedagogi yang dikemukakan relevan dan menepati dengan keperluan mereka.

Pendidikan bagi Orang Asli dilihat sebagai satu proses pembelajaran sepanjang hayat yang menggalakkan dan menyokong kemapanan hidup mereka (Battise, Bell & Findlay, 2002); (Norwaliza, A et al., 2016). Oleh itu matlamat pendidikan Orang Asli meliputi pengetahuan dan pembangunan sendiri yang menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat. Dari sudut pandangan Orang Asli, proses pembelajaran berlaku secara *trans-generasi* iaitu pengalaman, penyerapan dan perkongsian. Pendidikan tradisional sebahagian besarnya berlaku secara tidak formal di mana kemahiran diajar sebagai sebahagian kehidupan seharian (Mohd Nazri, 2014); (Mohd Nazri, 2019).

Justeru pengenalan pendidikan formal kepada anak-anak pribumi berhadapan dengan cabaran apabila kurikulum pendidikan kebangsaan tidak mengambil kira nilai budaya, perspektif, sejarah dan pengetahuan masyarakat pribumi. Usaha integrasi murid pribumi ke sekolah arus perdana, tidak menjadi salah satu integrasi sebenar di mana

budaya yang berbeza diiktiraf, sebaliknya ia menjadi program asimilasi di mana murid peribumi akan diserap ke dalam masyarakat dominan” (Kirkness, 1992, hlm. 14).

Bagi Pelet (2020) kurikulum melibatkan beberapa aspek seperti keperluan, pengalaman dan persekitaran yang relevan dengan sosiobudaya masyarakat Orang Asli. yang menekankan tiga kemahiran utama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu iaitu kemahiran lisan, membaca dan menulis. Oleh yang demikian proses pendidikan seharusnya membuka dimensi baru ke arah silang budaya terutamanya hubungan dalam bilik darjah dan masyarakat. Williams (2005) menyarankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi anak-anak peribumi perlu meliputi:

- i. mentor-mentee dan pembelajaran secara latihan (*mentorship and apprenticeship learning*);
- ii. pembelajaran melalui membuat (*learning by doing*);
- iii. Pembelajaran melalui pemerhatian (*learning by deeply observing*);
- iv. Pembelajaran melalui mendengar (*learning through listening*);
- v. Bercerita dan nyanyian (*telling stories and singing songs*);
- vi. Pembelajaran di dalam masyarakat (*learning in a community*) dan;
- vii. Pembelajaran melalui perkongsian khidmat masyarakat (*learning by sharing and providing services to the community*)

Selain itu, Robinson dan Nichols (1998, 2009) pula menyatakan bahawa pedagogi peribumi perlu mempunyai elemen holistik, imaginatif, kinestatik, koperatif, kontekstual dan berorientasikan murid. Ini diperjelaskan lagi oleh Robinson dan Nichols (2009) melalui *Incorporating Indigenous Pedagogy* yang menyarankan enam elemen pedagogi peribumi iaitu:

- i. Pembelajaran Holistik (Holistic Learning): mengintegrasikan kesepaduan isi kandungan, pengetahuan dan kemahiran melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kanak-kanak peribumi belajar dengan berkesan jika konsep keseluruhan dan hala tuju

pengajaran digariskan, dibincangkan dan diberi contoh yang bersesuaian sebelum aktiviti pembelajaran khusus diperkenalkan.

ii. Imaginasi, kreativiti dan fleksibiliti: kanak-kanak peribumi akan mula membentuk gambaran tugas dalam fikiran mereka, kemudian melaksanakannya melalui peniruan. Ini bermakna proses pembelajaran memerlukan bahan-bahan konkrit dan maujud.

iii. Pembelajaran *Hands-On* atau Pembelajaran Berpenyertaan: Kanak-kanak peribumi memperoleh pembelajaran secara sentuhan dan kinistatik.

iv. Mentor-mentee, Pembelajaran Koperatif dan Kolaboratif: Budaya masyarakat peribumi sering meletakkan keutamaan yang lebih tinggi ke atas kumpulan dan ketua sebagai mentor. Pembelajaran kanak-kanak peribumi secara amnya berlaku melalui aktiviti kumpulan dan bimbingan oleh mentor.

v. Pembelajaran melalui Konteks dan Pengalaman Kanak-kanak Peribumi: Kajian yang dijalankan ke atas kanak-kanak Orang Asli Australia dan Melanesia mendapati bahawa pembelajaran secara berkesan apabila kandungan dan pedagogi disampaikan dalam konteks budaya tradisional masyarakat Orang Asli.

vi. Pembelajaran berorientasikan Pelajar: Guru perlu membina hubungan

vii. positif dengan masyarakat peribumi melalui pembudayaan bahasa dan adat masyarakat peribumi. Pembelajaran berlaku dengan berkesan apabila adanya hubungan positif dan penerimaan guru oleh kanak-kanak peribumi dalam persekitaran pembelajarannya.

Harris (1984) pula menjelaskan bahawa ciri-ciri pedagogi peribumi perlu meliputi pembelajaran melalui pemerhatian, peniruan, percubaan dan kesilapan (*trial & error*), pengalaman hidup sebenar, pembelajaran secara holistik, penyelesaian masalah dan pembelajaran secara pengulangan. Kajian-kajian terkini pula banyak menggalakkan pedagogi peribumi berasaskan tempat (*place-based Indigenous pedagogy*) (Shajahan,

2005; Wheaton, 2000). Sebagai contoh, Wheaton (2000) dalam kajiannya ke atas Pedagogi Peribumi Woodlands Cree, Australia, menjelaskan bahawa pengalaman pembelajaran yang berasaskan tempat tinggal (*Land-Based Learning*) sesuai bagi anak-anak peribumi sejak dari kecil lagi. Menurutnya pedagogi yang berasal dari rumah Orang Asli sesuai dijadikan model pedagogi peribumi berbanding suasana sekolah seperti menggunakan pengalaman peribadi menjalankan aktiviti. Ia memperluaskan kitaran yang dinamik: pemerhatian, pengalaman, introspeksi dan penyiasatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Battiste, Marie; Bell, Lynne; Findlay, (2002) yang mengemukakan Model Pedagogi Orang Asli yang dibangunkan melalui kajian komprehensif sorotan kajian menyatakan bahawa pedagogi peribumi perlu memberi keutamaan kepada pembelajaran melalui pengalaman, pembelajaran sendiri, pemerhatian, mendengar, intervensi dan arahan yang minima, pembelajaran secara langsung melalui melihat dan membuat, introspeksi, refleksi, bercerita, pembelajaran melalui model, *individualized instruction*, perkaitan kepada nilai-nilai setempat, pembelajaran berasaskan pengalaman autentik dan keupayaan mengaplikasikan pengetahuan mengikuti situasi. Menurutnya pendidikan sebenar adalah bersifat transformatif dan berpusatkan alam persekitaran sesebuah masyarakat. Maka proses pendidikan peribumi seharusnya berusaha membentuk keharmonian di antara individu dan persekitaran budaya peribumi.

Fairbanks, Cooper, Mastersan dan Webb (dalam Israel & Duffy, 2009) pula memperkenalkan konsep pedagogi responsif sebagai pedagogi peribumi. Menurutnya pedagogi responsif memberi fokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran literasi kanak-kanak peribumi yang dibangunkan berdasarkan latar belakang dan pengalaman pelajar yang di bawa ke dalam bilik darjah. Menurutnya lagi pedagogi responsif bukan sahaja mengintegrasikan pengalaman pelajar dengan budaya, sejarah, sosial dan bahasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tetapi ia juga melibatkan kepercayaan bahawa

pelajar dari pelbagai latar belakang boleh mengambil bahagian dalam pengalaman pembelajaran yang menggalakkan pemikiran aras tinggi. Proses pengajaran dan pembelajaran kini seharusnya menggunakan kepelbagaian teknik terutama penggunaan bahan bantu yang sesuai. Bahan bantu mengajar yang sesuai dengan pelajaran akan membuatkan suasana pembelajaran akan lebih aktif dan memberikan impak positif.

Manakala Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) melalui Pusat Kecemerlangan Pendidikan Peribumi pula telah mempraktikkan Pedagogi Peribumi (*indigenous pedagogy*) yang dalam latihan guru-guru berpegangkan dua konsep berikut:

i. Pedagogi Peribumi boleh dilihat melalui permulaan spektrum yang luas dengan pedagogi yang mencerminkan budaya asli, pandangan dan kepercayaan yang menjadi pegangan atau pandangan ekstrem adalah pedagogi yang dirangka oleh bukan peribumi yang konstruksinya bersifat *Eurocentric*. Umumnya, boleh dikatakan bahawa pedagogi peribumi adalah satu strategi pengajaran yang muncul daripada amalan konteks tempatan dan lebih ketara dalam kalangan mereka yang mempunyai pengetahuan, membentuk dan menggunakannya bersesuaian dengan keperluan anak-anak peribumi (Lee Boon Hua, 2008).

ii. Pedagogi Peribumi bersifat holistik secara semula jadi yang melibatkan empat dimensi iaitu spiritual, intelek, fizikal dan emosi (Spirit, Mind, Body and Heart). Pendekatan pembelajaran ini menengahkan pelajar, guru dan komuniti saling berhubungan melalui pembelajaran kolaboratif (Hemara Wharehuia, 2000). Masyarakat yang tinggal jauh di pedalaman sememangnya sukar untuk menerima sesuatu yang baru terutama dalam bidang yang baharu didedahkan. Pendidikan bagi kaum pribumi ini harus dikaji supaya teori dan amalan yang dikemukakan relevan dan menepati dengan keperluan masyarakat tersebut.

Lagu dan tarian sewang sesuai dijadikan kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan bagi kanak-kanak jika di olah dengan cara yang menarik dan sesuai kerana ini

akan membuat mereka lebih berminat dan mampu meninggalkan kesan yang baik seterusnya membuat ingatan murid akan kekal dalam masa lebih lama.

## **2.16 Kerangka Konsep**

Pembinaan kerangka kajian ini adalah berdasarkan kerangka kajian reka bentuk dan pembangunan (*Research Development*) yang menggabungkan konsep-konsep penting dalam teori dan model berkaitan teori Skema, proses pengajaran Prabacaan, serta Model Pedagogi Peribumi. Berdasarkan kerangka ini satu kajian berkenaan Prabacaan kanak-kanak prasekolah berasaskan Lagu Sewang bagi kanak-kanak Orang Asli dikaji menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi Method. Kerangka ini berkisar pada teori Psikologi Skema dan Model Pedagogi Pribumi.


Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kesesuaian kurikulum pengajaran Prabacaan kanak-kanak berasaskan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli. Kajian ini juga diadaptasi dari Teori Psikologi Skema dan Model Pedagogi Pribumi sebagai asas teori dalam pembentukan elemen-elemen dan isi kandungan. Dalam teori Skema murid-murid orang asli mempunyai ilmu, kepercayaan sedia ada terhadap penggunaan Lagu Sewang dalam kehidupan seharian mereka. Gambaran mental mereka mengenai fungsi Lagu dan Tarian Sewang ini untuk tujuan perubatan, kesyukuran, menuai tanah dan membuka tanah baru serta untuk mengiringi perubatan tradisional mereka. Maka dalam skema terdapat proses asimilasi dan akomodasi dimana terdapat perubahan dalam skema kanak-kanak ini apabila penggunaan Lagu-lagu sewang bertukar fungsi kepada sumber kurikulum pengajaran Prabacaan untuk mereka. Maka, satu skema baru telah mereka pelajari didalam minda kanak-kanak.

Sehubungan dengan itu, Model pedagogi Pribumi ini mengetengahkan beberapa ciri iaitu pembelajaran melalui pemerhatian dan melakukan; pembelajaran melalui pengalaman autentik dan arahan secara individu dan pembelajaran melalui keseronokan. Sebahagian besar aktiviti pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak yang

dilakukan menjurus kepada pemerhatian, pengalaman dan keseronokan belajar. Maka model pedagogi peribumi ini turut dipilih untuk mendasari kerangka teori kajian ini dalam usaha menjadikan Lagu Sewang sangat sesuai untuk dijadikan sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

Universiti Malaya

Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli Sebagai Kurikulum Pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah



Rajah 2.3 Kerangka Konsep Kajian melalui Teori Psikologi Skema dan Model Pedagogi Pribumi



## **2.17 Kajian berkaitan di Luar Negara**

Dalam kajian Pelet (2020) Pencapaian akademik murid Orang Asli lemah kerana dipengaruhi faktor kurikulum yang tidak sesuai untuk digunakan dalam pengajaran (Norwaliza 2014). Senada dengan itu, Aminuddin Mohamed (2017) turut menyarankan pelaksanaan kurikulum yang lebih sesuai dari segi sosiobudaya dan persekitaran masyarakat Orang Asli untuk meningkatkan penguasaan dan pencapaian mereka. Ganal (2017) turut membicarakan isu berkaitan keperluan menyediakan kurikulum khas untuk masyarakat Orang Asli di Filipina. Abayao (2014); Pelet (2020) turut menyokong usaha untuk membuat semakan semula kurikulum yang diguna dalam pengajaran dan pembelajaran masyarakat Orang Asli dengan menerapkan latar belakang masyarakat Orang Asli dalam negara mahupun luar negara. Usaha ini dilakukan untuk meningkatkan akademik masyarakat Orang Asli dan sekali gus melahirkan masyarakat Orang Asli yang berdaya saing sebagaimana masyarakat lain di Malaysia.

Menurut Monica Sri Yulianti (2011) dalam kajiannya daripada soal selidik di kalangan Mahasiswa Jurusan Ilmu Komunikasi, menyatakan bahawa lagu-lagu yang digunakan dalam bahan kajiannya itu mengandungi pembelajaran seperti penanaman nilai-nilai yang boleh dipelajari hasil daripada faktor komunikasi (media dan interpersonal) dan bukan komunikasi (pengalaman).

Kajian oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2002) Etnik minoriti Jarai dan Bahnar di Vietnam juga mempunyai alat-alat muzik mereka sendiri. Kebanyakan alat muzik etnik minoriti Jarai dan Bahnar mempunyai pertalian rapat dengan alam semulajadi. Penciptaan alat muzik dalam ebrik minoriti itu bertujuan mempercepatkan tindakbalas dalam upacara ritual dan mengiringi dalam repertoire. Etnik minoriti Jarai dan Bahnar mempercayai semangat, makhluk halus dan roh nenek moyang yang mendiami di alam semulajadi

dapat memberi pertolongan kepada mereka. Ini kerana, bahan-bahan seperti kayu dan buluh untuk menghasilkan alat-alat muzik itu sendiri diperolehi daripada alam semulajadi.

Berdasarkan kajian yang dibuat di Australia, negara tersebut telah berjaya meletakkan dirinya antara pusat kecemerlangan akademik yang terunggul di dunia, tetapi yang menyedihkan tahap pendidikan kaum aslinya sendiri masih terabai. Wartawan Malaysia Suhaimi Sulaiman yang derada di Australia baru-baru ini mendapati tahap pencapaian akademik mereka masih rendah dan peluang mendapat pekerjaan masih kecil. Kajian menunjukkan bahawa jumlah pelajar di University of New South Wales, di Sydney Australia adalah seramai 28,000 orang. Pelajar keturunan orang asli hanya seramai 110 orang, iaitu 0.4 peratus daripada jumlah masyarakat kampus.

Suraya Tarasata dan Aisah Daud (2013) daripada Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam dalam kajian mereka yang bertajuk Kesan penggunaan perisian asas membaca terhadap pencapaian membaca murid peringkat prasekolah memberikan hujah bahawa dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan perisian asas membaca berkesan dalam membantu meningkatkan pencapaian asas membaca kanak-kanak peringkat prasekolah. Selain itu, hasil kajian ini telah memberikan implikasi kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid.

Dalam kajian Aniza Mohd Said (2015) Demmert dan Towner (2003) menyatakan pendidikan Orang Asli dan mendapati enam elemen yang penting pendidikan berasaskan CRE (*Rock Point Community School*) yang memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar Orang Asli di Amerika. Elemen-elemen tersebut adalah pengiktirafan dan penggunaan bahasa ibunda Orang Asli; pelaksanaan pedagogi yang menggunakan ciri-ciri budaya tradisional; penggunaan strategi pengajaran dan kurikulum yang bersesuaian

dengan budaya tradisional; penyertaan masyarakat asli yang bermakna dalam pendidikan; dan pengetahuan dan penggunaan kuasa dan adat istiadat masyarakat tempatan.

Jika disorot kepada kajian lampau oleh Loren M. Marulis and Susan B. Neuman University of Michigan, (2010) daripada kajiannya yang bertajuk *The Effects of Vocabulary Intervention on Young Children's Word Learning*, menunjukkan dapatan kajian bahawa penggunaan kemahiran bahasa lisan, kosa kata sudah semestinya tidak cukup untuk mendepkatkan jurang pembelajaran anak-anak di tadika mahupun di Prasekolah.

*“indicate that although they might improve oral language skills, vocabulary interventions are not sufficiently powerful to close the gap—even in the preschool and kindergarten years”.*

Dalam kajian Aniza Mohd Said (2015) kurikulum budaya inklusif dari perspektif Australia melibatkan pandangan alam (*world view*) Orang Asli itu sendiri. Pemahaman budaya dan warisan mereka dalam semua aspek aktiviti-aktiviti pembelajaran termasuk keperluan mereka untuk ruang pembelajaran yang sesuai dengan budaya Orang Asli juga diberi penekanan (Gollan, S. Steen, T & Gollan, M. (2008).

Dalam perspektif ini, Hampton (1995) menyatakan bahawa kandungan dan struktur pendidikan Barat sedia ada secara keseluruhannya adalah mengancam kedudukan Orang Asli malah merupakan suatu bentuk pembunuhan budaya (*cultural genocide*). Masyarakat Orang Asli membantah pendekatan asimilasi tersebut dan pada tahun 1972, pertubuhan National Indian Brotherhood telah menghasilkan Kertas Dasar bertajuk “Indian Control of Indian Education” yang mendesak supaya dasar pendidikan menghormati identiti dan budaya masyarakat Orang Asli berasaskan prinsip tanggung jawab ibu bapa dan kawalan pendidikan oleh Orang Asli sendiri (*Indian control*).

Pendekatan pendidikan melalui prinsip “Indian Control” ini telah berkembang menjadi “self-government” sebagai asas kawalan terhadap pendidikan melalui peruntukan undang-undang (Abele, Dittburner, & Graham, 2000).

Profesor Sir Mason Durie menyatakan bahawa kejayaan pelajar Orang Asli Maori akan lebih jelas dilihat apabila whanau dan sekolah boleh berkongsi sikap positif, aspirasi, dan harapan (Durie, 2011). Dalam konteks ini, inisiatif dasar pendidikan bagi mempertingkatkan kejayaan pelajar Orang Asli seperti “Closing the Gaps” (1999) telah disemak semula kerana cenderung kepada melihat sosio- ekonomi tanpa meneliti kepelbagaian budaya (Comer, 2008)

## **2.18 Kajian berkaitan Lagu Sewang Orang Asli di Dalam Negara**

Sementara kajian di Malaysia, dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Elemen merentas kurikulum yang baharu, iaitu Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi dikenal pasti sebagai pelengkap kepada usaha memantapkan kualiti pelaksanaan KSSR (BPK 2017) Pendidikan Muzik di ajar dan di tekankan dalam sekolah rendah dalam elemen Kreativiti di mana murid di ajar lagu-lagu moden dan tradisional mengikut sukatan pelajaran yang di sediakan beserta lirik lagu dan pergerakannya. Guru hendaklah memastikan kesemua elemen merentas kurikulum diterapkan secara efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi melahirkan insan yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Menurut Zakaria bin Khalid ( 2016) hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur intrinsik di dalam senikata lagu-lagu Sewang masyarakat Orang Asli. Dengan itu terbukti bahawa kajian lagu etnik orang asli ini mempunyai nilai yang boleh digunakan untuk membentuk modul bacaan dan model pembelajaran malah dapat

membangunkan kurikulum pendidikan di negara kita. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dibuat oleh Mohd Rizal Yaakob (1994) tentang tarian sewang kaum Semai. Terjemahan lagu-lagu tersebut kebanyakannya menggambarkan kehidupan masyarakat yang berkait rapat dengan alam persekitaran kehidupan mereka. Ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dibuat oleh Mazarul Hasan (2002) terhadap kesan muzik dan makna lirik lagu terhadap masyarakat berdasarkan situasi peperangan yang melanda pada waktu itu.

Antara cadangan kajian masa hadapan yang diutarakan oleh Zakaria & Ariff Fadillah (2011) dalam kajian Aktiviti Nyanyian Lagu-Lagu Tarian Sewang Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Orang Asli ialah pertama satu kajian fonetik bahasa Semai boleh dijalankan sebagai kajian lanjutan. Kedua, bidang perkamusan iaitu Kamus Lengkap Bahasa Melayu-Semai boleh dijadikan kajian lanjutan. Dan yang ketiga ialah Tarian Sewang boleh diangkat sebagai satu komponen seni tarian dalam kebudayaan nasional.

Dalam kajian oleh Indirawati Zahid (2010) yang bertajuk Syair Melayu : Fungsi dan Praktis. Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan, melodi syair yang lazim berlaku, melodi mendayu-dayu tetap terpakai pada rangkap syair yang beremosi marah, kekerasan, peperangan dan sebagainya. Melodi syair yang cepat, ringkas dan berprosodi yang sesuai dengan mesej sebenarnya perlu bagi makna emosi kekerasan, peperangan, marah dan sebagainya, kerana makna perkataan yang terungkap pada aras nahu tidak akan dapat memikul kesan makna emosi yang efektif tanpa melibatkan prosodi yang tepat dalam lafaz. Ini merupakan langkah susulan yang perlu diambil dengan kadar yang segera kerana syair telah dipilih sebagai salah satu subtopik dalam pengajaran KOMSAS di sekolah, maka proses pengajaran dan pembelajaran yang betul perlu dilakukan agar

warisan harta intelek bangsa ini akan lestari sepanjang masa dan diwarisi dengan apresiasi yang tinggi terhadapnya.

Muzik adalah sebahagian daripada alam kehidupan pelajar yang tidak boleh dipisahkan. Tanpa muzik beerti dunia pelajar adalah kosong (Zulkifli bin Yaakob,2007) Selain daripada itu, muzik juga merupakan satu budaya kepada masyarakat. Pelajar sentiasa memberi respon kepada muzik dan akan merasa senang hati apabila dapat melahirkan ekspresi diri apabila mendengar muzik. Asas muzik iaitu irama dan ton juga terdapat dalam amalan dan interaksi harian. Sifat cenderung kepada muzik yang sedia ada pada pelajar mempunyai peranan tertentu dalam proses perkembangan diri dari segi kualiti diri dan sahsiahnya (Zulkifli Yaakob,2007).

## **2.19 Kesimpulan**

Bab ini telah menghuraikan tinjauan literatur tentang pengenalan, objektif, matlamat dan pengajaran Prabacaan serta kaitan dengan isu permasalahan Prabacaan di kalangan kanak-kanak Prasekolah masyarakat Orang Asli. Bahagian kedua pula tentang latar belakang masyarakat Orang Asli, termasuklah masalah pendidikan masyarakat tersebut, pengenalan, tujuan dan lirik lagu masyarakat Orang asli didalam dan juga luar negara. Huraian mengenai teori yang digunakan, model dan kerangka konsep serta teknik yang akan digunakan. Disamping beberapa penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian ini disertakan sebagai maklumat awal. Dalam bab seterusnya akan mengupas berkenaan kaedah yang digunakan iaitu Fuzzy Delphi method.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan tentang kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian. Pengkaji menumpukan perhatian terhadap metodologi kajian, persampelan, instrumen kajian, kajian rintis, cara pengumpulan data dan juga prosedur penganalisan data.

#### **3.2 Metodologi kajian**

Kaedah kajian dalam kajian ini menggunakan teknik Fuzzy Delphi Method (FDM) melalui pembentukan elemen soal selidik kajian iaitu sorotan literatur dan temubual pakar-pakar. Skulmoski & Hartman & Krahn (2007) menyatakan Fuzzy Delphi turut digunakan untuk menganalisis pandangan pakar berdasarkan elemen yang telah dipilih untuk mendapatkan konsensus daripada kumpulan pakar. Fuzzy Delphi Method ini pernah dilakukan oleh pengkaji lepas dalam kajian yang bertajuk Pendekatan FDM dalam Merangka Pendidikan Homeschooling untuk Pendidikan Islam Kanak-kanak Awal Kanak-kanak oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Nor, Nadzim, Radzi, & Moktar, (2017) menggunakan teknik Fuzzy Delphi (FDM) untuk mendapatkan konsensus pakar dengan mengedarkan instrumen kepada lima belas pakar yang dipilih dari pelbagai bidang dan latar belakang.

#### **3.3 Fuzzy Delphi Method**

Kajian ini menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi Method (FDM) yang diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch (1985) dan dikaji semula oleh Arnold Kaufmann dan Gupta (1991) (Saedah Siraj et. al., 2013). Kaedah Fuzzy Delphi adalah satu kaedah dan instrumen pengukuran yang dilakukan penjenamaan semula berdasarkan daripada Teknik

Delphi tradisional. Penambahbaikan ini secara tidak langsung dapat menjadikan penggunaan FDM sebagai suatu alat pengukuran yang lebih efektif kerana ia dilihat mampu untuk menyelesaikan masalah yang mempunyai keputusan yang tidak lengkap bagi sesuatu kajian.

Teknik Fuzzy Delphi dipilih adalah kerana penyelidik merasakan bahawa teknik ini merupakan teknik yang terbaik untuk memperoleh persetujuan pakar dalam menentukan elemen-elemen yang akan dimasukkan dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan kanak-kanak Prasekolah. Pandangan ini adalah berpadanan dengan kajian oleh Muhammad Hafiz & Zawawi (2017) yang menyatakan FDM telah digunakan untuk membawa sifat kualitatif dan kuantitatif dan menilai pandangan relatif daru sudut pandangan kumpulan penilaian.

Perkara ini disokong oleh Chang, Huang, & Lin, (2000) yang menyatakan bahawa *Fuzzy Delphi Method* mampu untuk memproses kekaburan berhubung item ramalan dan kandungan maklumat responden serta ciri-ciri individu responden boleh dijelaskan.

Antara kekuatan Fuzzy Delphi ialah :

1. Pengurangan masa kajian serta dapat menjimatkan kos
2. Mengurangkan bilangan soal selidik dan meningkatkan serta menambahbaikan soal selidik
3. Memberi peluang kepada pakar untuk meluahkan pendapat dalam memastikan ianya sempurna dan konsisten.
4. Mengambil kira fuzziness tidak boleh dielak semasa proses tinjauan.
5. Tidak menyalahafsirkan pendapat asal pakar serta memberi gambaran sebenar respon mereka.



FDM merupakan kombinasi fuzzy set numbering atau *fuzzy set theory* diaplikasikan di dalam Teknik Delphi tradisional. Teknik ini bukanlah teknik baharu diperkenalkan dalam kajian masa depan tetapi teknik yang di inovasikan dalam pengukuran kajian futuristik yang efektif dan pantas bagi mendapatkan konsensus pakar tanpa melalui banyak pusingan Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh, (2014).

Menurut Mohd Ridhuan et al., (2014) menyatakan kelebihan Fuzzy Delphi ialah dibangunkan untuk menyelesaikan masalah daripada kelemahan yang wujud dalam teknik Delphi. Antaranya ialah ;


- a) Menjimatkan masa untuk mentadbir soal selidik
- b) Menjimatkan kos
- c) Mengurangkan jumlah kajian tinjauan, tetapi meningkatkan kadar pemulihan soal selidik
- d) Pakar boleh meluahkan pendapat mereka serta-merta, memastikan kesempurnaan dan keseragaman pendapat
- e) Mengambil kira kekaburan yang tidak dapat dielakkan semasa kajian. Kaedah ini tidak menggunakan sebarang ulasan dari pendapat asal pakar-pakar dan boleh memberi reaksi sebenar mereka.

Rasional aplikasi teknik Fuzzy Delphi dilakukan dalam kajian ini adalah kerana ia menjimatkan masa dan kos dalam mengendalikan soal selidik. Selain turut membolehkan para pakar memberikan sepenuhnya pandangan mereka secara konsisten Mohd. Ridhuan et al., (2013). Dalam kajian ini, setelah 5 orang pakar ditemubual untuk mendapatkan tema dan elemen dalam soal selidik, kemudian 20 orang lagi pakar yang terlibat sebagai responden akan menjawab soalan daripada soal selidik tersebut. Pakar-

pakar yang terlibat boleh memberi pandangan serta menambah baik soal selidik sehingga kesepakatan tercapai.

Secara ringkasnya, FDM ini digunakan untuk mendapatkan konsensus pakar yang bertindak sebagai responden berdasarkan penggunaan kaedah kuantitatif. Dua perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam FDM ialah Penomboran Segitiga Fuzzy (*Triangular Fuzzy Number*) dan *Defuzzification Process*. *Triangular Fuzzy Number* pula digunakan untuk menghasilkan skala linguistik yang digunakan untuk menterjemahkan kepada skala fuzzy, penterjemahan data skala fuzzy tidak berada dalam satu nilai.

Menurut (Hsieh & Lu dan Tzeng, (2004) menyatakan bahawa *Triangular Fuzzy Number* terdiri daripada 3 nilai ( $m_1, m_2, m_3$ ) iaitu nilai minimum (*smallest value*), nilai paling munasabah (*most plausible value*) dan nilai maksimum (*maximum value*). Ketiga-tiga nilai tersebut ditunjukkan dalam rajah 3.2 di bawah.



Rajah 3.1 Graf segitiga min melawan nilai triangular

Menurut Fortemps & Roubens (1996) menyatakan proses *Defuzzification* pula bertujuan untuk menentukan kedudukan (*ranking*) bagi setiap pembolehubah dan sub-pembolehubah. Ini bertujuan untuk pengkaji melihat aras keperluan, kepentingan dan

tahap bagi sesuatu pembolehubah dan subpembolehubah yang diperlukan. Dalam *defuzzification process* ini, terdapat dua proses iaitu *average fuzzy numbers* dan *Fuzzy evaluation*. Pengkaji boleh memilih salah satu diantara tiga formula dalam menentukan kedudukan iaitu:

- i.  $A_{\max} = 1/3 * (m_1 + m_2 + m_3)$
- ii.  $A_{\max} = 1/4 * (m_1 + 2m_2 + m_3)$
- iii.  $A_{\max} = 1/6 * (m_1 + 4m_2 + m_3)$

### Interpretasi Data Kaedah Fuzzy Delphi

Berbicara tentang FDM ini, tiga syarat yang boleh digunakan untuk penerimaan setiap item yang dipersetujui oleh pakar sama ada item tersebut dibuang atau diterima berdasarkan kesepakatan pakar. Syarat 1 dan syarat 2 adalah terikat di antara satu sama lain kerana ia berada di dalam bahagian penomboran segitiga fuzzy (*Triangular Fuzzy Numbers*) kerana ia berfungsi sebagai suatu proses untuk melihat kesepakatan pakar terhadap sesuatu konstruk dan item sahaja (Mohd Ridhuan et al., 2014).

Manakala bagi syarat ke 3 pula, ia terletak pada bahagian *defuzzification process* menurut Fortemps & Roubens, (1996) yang berfungsi untuk melihat nilai skor bagi menentukan kedudukan atau keutamaan (*ranking*) sesuatu konstruk atau item dan berperanan untuk melihat sama ada sesuatu konstruk diterima atau ditolak berdasarkan kesepakatan pakar dengan membandingkan nilai skor *Average of Fuzzy Number (Average respons)* dengan nilai  *$\alpha$ -cut*.

Syarat pertama ialah menggunakan nilai *threshold*,  $d$  (Hsu & Sandford, 2007) bagi pengkaji yang menggunakan nilai *threshold* ini penggunaan rumus Rajah 3.3 diperlukan.

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Rajah 3.2 Rumus mengira nilai threshold

Jika nilai *threshold* ( $d$ ) kurang atau sama dengan 0.2, maka kesemua pakar telah mencapai konsensus. Sebaliknya, jika nilai *threshold* ( $d$ ) lebih daripada 0.2 maka, item tersebut ditolak atau pusingan kedua terhadap pakar yang tidak sepakat sahaja dijalankan. Walau bagaimanapun, apa yang lebih penting ialah keseluruhan konsensus bagi setiap item. Jika disorot kembali teknik Delphi tradisional, kesepakatan data kumpulan haruslah lebih daripada 75% maka item boleh gunapakai dalam kajian. Jika kesepakatan data kumpulan kurang daripada 75% maka item tersebut ditolak dalam kajian.

Selain itu, dalam proses *defuzzification*, syarat ke 3 adalah berdasarkan  $\alpha$ -cut sebagai nilai *threshold* nilai  $\alpha$ -cut adalah nilai yang berada di tengah-tengah di antara nombor fuzzy (0-1), maka nilai  $\alpha$ -cut adalah 0.5. Sekiranya nilai skor Average of Fuzzy Number (*Average Respons*) adalah lebih daripada 0.5, ia menunjukkan bahawa konstruk atau item yang diukur diterima berdasarkan kesepakatan pakar di dalam sesuatu kajian dan sebaliknya akan di tolak. Rajah 3.5 menunjukkan kedudukan nilai  $\alpha$ -cut di dalam penomboran fuzzy.


$$\alpha\text{-cut} = 0.5$$

0.0	0.1	0.2	0.3	0.4	0.5	0.6	0.7	0.8	0.9	1.0
-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----

**Penomboran Fuzzy**

Rajah 3.3 Kedudukan nilai  $\alpha$ -cut di dalam penomboran fuzzy

Setelah difahami dan diringkaskan, dapat dihuraikan dalam bentuk carta alir terdapat 8 langkah untuk dipatuhi menjalankan sesebuah kajian Fuzzy Delphi yang emperikal. Ini ditunjukkan seperti di bawah.



Rajah 3.4 Langkah dalam Teknik Fuzzy Delphi

### **3.5 Persampelan**

Kajian ini menggunakan persampelan tujuan (*purposive sampling*). Menurut Noraini Idris (2013) menyatakan persampelan tujuan turut digelar *judgment sampling* melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidikan. Penyelidik boleh menggunakan pengetahuan mereka tentang sesuatu perkara atau membuat keputusan.

Menurut F.Hasson, S.Keeney, & McKenna (2000) kaedah yang paling sesuai dalam FDM adalah pensampelan bertujuan. Sampel ini dipilih oleh pengkaji kerana kajian ini difokuskan kepada beberapa jenis pakar yang berbeza latar belakang, terutamanya sekumpulan pakar berdasarkan bidang yang berlainan seperti guru, pensyarah dalam bidang yang berkaitan dengan kajian lagu orang asli. Pakar-pakar ini telah dipilih bagi menentukan keperluan dalam memilih elemen-elemen dalam Lagu Sewang yang bersesuaian dengan pembelajaran Prabacaan untuk kanak-kanak Prasekolah.

#### **Sampel Panel Pakar**

Menurut Alder & Ziglio (1996), bilangan pakar yang sesuai dalam kaedah Delphi tradisonal adalah di antara 10 hingga 15 sekiranya terdapat tahap keseragaman yang tinggi di kalangan pakar. Dalam Hajar Halili & Sulaiman (2016) juga menggunakan bilangan ini dalam kajiannya. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan seramai 5 orang panel pakar dipilih untuk sesi temubual untuk membina dan membangunkan item-item soal selidik. Seterusnya membuat pecahan tema bagi instrumen soal selidik dalam kajian ini.

Bagi tujuan kajian ini, individu yang dipilih sebagai pakar adalah dengan memiliki kriteria-kriteria berikut :

- a) Pensyarah yang memiliki pengalaman bekerja dalam bidang Bahasa Malaysia selama sepuluh tahun atau lebih.
- b) Prasekolah atau guru yang berpengalaman mengajar dalam bidang berkaitan selama 10 tahun ataupun lebih.
- c) Pegawai Pendidikan yang berkhidmat di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- d) Orang Asli yang terdiri daripada pegawai JAKOA, ibubapa, guru Orang Asli, Pentadbir sekolah Orang Asli, dan tok Halak.
- e) Pakar dalam lagu-lagu tradisi Sewang Masyarakat Orang Asli atau pensyarah IPG yang mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan selama 10 tahun ataupun lebih.

Justeru, seramai 20 orang pakar dilantik menjadi panel pakar bagi mendapatkan konsensus pakar dalam kajian ini. Pakar yang dipilih adalah terdiri daripada;

- a) Pakar bidang bahasa Malaysia
- b) Pakar dalam bidang Pendidikan Awal kanak-kanak atau Prasekolah
- c) Pakar dalam bidang lagu tradisi Orang Asli

Jadual 3.1

Kriteria pemilihan panel pakar bagi soal selidik Fuzzy Delphi

Responden	Kriteria pemilihan	Bilangan pakar
Guru	Pengalaman mengajar Pendidikan Prasekolah atau dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak lebih daripada 10 tahun	5
Pensyarah / Guru Bahasa Pensyarah Muzik	Pengalaman mengajar subjek Bahasa Malaysia lebih daripada 10 tahun Pengalaman bidang Muzik lagu tradisi Masyarakat Orang Asli lebih dari 10 tahun	5
Pegawai	Pegawai-pegawai daripada Kementerian/Jabatan pentadbiran seperti Bahagian Pengubalan Kurikulum/KPM/JPN/PPD	3
Masyarkat Orang Asli	i. Guru Orang Asli ii. Ibumbapa murid Orang Asli iii. Tok Halaq	4
Tokoh Sewang	Pakar muzik tradisi orang asli JAKOA	3
Jumlah pakar		20 orang

### 3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi. Dalam kajian ini terdapat 3 proses utama yang terlibat ialah berdasarkan sorotan kajian literatur yang lalu, temubual bersama 5 orang pakar bagi membina dan membangunkan item soal selidik (Ridhwan, Saedah, Zaharah, Nurul Rabihah & Ahmad Ariffin, 2014) . Kajian ini menggunakan proses pertama iaitu pembentukan elemen soal selidik kajian iaitu melalui sorotan literatur dan temu bual *in-depth interview* kemudian proses yang kedua ialah pembentukan tema-tema dan elemen-elemen soal selidik. Dalam Okoli & Pawlowski (2004) pembentukan item dan elemen



kandungan sesuatu kajian perlu dibuat melalui tinjauan literatur yang berkaitan dengan skop kajian. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan sorotan literatur dan temu bual pakar dalam memperoleh elemen-elemen dalam soal selidik kajian ini.

Bagi persoalan kajian bagaimanakah elemen-elemen yang dipilih dalam soal selidik maka pengkaji membuat rumusan dalam bentuk jadual pemetaan dibawah bagi menjawab persoalan kajian. Tinjauan Literatur dan temubual pakar telah mendedahkan item-item yang mendominasi kajian ini dijelaskan adalah seperti berikut :

### *Jadual 3.2*

#### Analisis literatur terhadap Apakah aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah

Kajian terdahulu/ penulis	Jurnal/artikel	Kemahiran prabaca yang terlibat
Naimah Yusuf, Norhashimah Hashim, Hashim Othman, 2014  Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2018 (Isahak,1979; Nooraihan. 1984; Nik Eliani, 1997; Sabrina Abdul Rahim, 2010; Sheerman et. al. 2006; Howard P. Parette et. al. 2009).	Penggunaan Kaedah Fonik Dalam Pengajaran Kemahiran Bacaan Awal Kanak-Kanak Prasekolah  Modul Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Bahasa Dan Komunikasi Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Kaedah pengajaran bacaan awal, teori pengajaran dan pembelajaran, perkembangan Bahasa, kesediaan membaca kanak-kanak diperkenalkan kepada abjad sebelum diajar kepada bunyi. Kemudian mereka diajar kepada mengeja dan membunyikan setiap suku kata yang boleh dibentuk daripada abjad tersebut. Apabila kanak-kanak telah menguasai ejaan dan bunyi suku kata, baharulah mereka diperkenalkan dengan perkataan hasil daripada gabungan suku kata tersebut.
Mahzan Bin Arshad, Chee Sook Ching, 2017	Penilaian Semula Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Pembacaan Awal	elemen-elemen pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik untuk dilaksanakan dalam kelas membaca. Strategi pengajaran, bahan bantu mengajar yang menarik dinyatakan oleh pemegang taruh sebagai salah satu unsur

Jadual 3.2(sambungan)

Kajian terdahulu/ penulis	Jurnal/artikel	Kemahiran prabaca yang terlibat
		yang penting dalam menimbulkan minat kanak-kanak untuk membaca.
		pengajaran, bahan bantu mengajar yang menarik dinyatakan oleh pemegang taruh sebagai salah satu unsur yang penting dalam menimbulkan minat kanak-kanak untuk membaca.
Ramlah Bt. Jantan, Nor Afni Bt.Resad, Siti Fathimah Az-Zahra Bt. Mohd. Fauzi, 2016	Aktiviti Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Prasekolah Di Daerah Gombak	elemen didik hiburan, aktiviti-aktiviti seperti nyanyian, bercerita, main peranan dan penggunaan bahan sebagai media pengajaran didapati dapat membantu guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas prasekolah (Mahzan Arshad, 2012). Aktiviti-aktiviti ini juga didapati dapat membantu meningkatkan penguasaan kemahiran literasi kanak-kanak.
Dr. Zainiah @ Zainiah binti Mohamed Isa, Juppri bin Bacotang, 2016	Kemahiran Literasi Awal Bagi Kanak-Kanak Taska	empat elemen utama kemahiran literasi awal iaitu pengetahuan nama huruf, kesedaran fonologikal dan fonemik, bahasa lisan termasuk perbendaharaan kata, dan kesedaran cetakan. Komponen kemahiran termasuklah : Prinsip abjad Instruksi kesedaran fonemik Instruksi fonetik Instruksi perbendaharaan kata Instruksi kefahaman teks
Aliza Ali Zamri Mahamod, 2015	Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-Kanak Prasekolah	guru memerlukan sumber dan bahan pengajaran dalam bentuk modul yang memperincikan cara pengajaran dan pembelajaran. Panduan pengajaran ini perlu mengandungi pengajaran dan pembelajaran aktiviti permainan yang menyeronokkan dan mengambil kira keupayaan bahasa murid.
Maszuraini binti Miswan, Hamed bin Mohd Adnan, 2015	Pembangunan Aplikasi Peranti Mudah Alih untuk Kemahiran Membaca Kanak-Kanak: Aplikasi Literasi LINUS (LiLIN)	murid mengenal beberapa abjad, mereka akan belajar mengeja dan membunyikan suku kata, seterusnya membaca dan menulis

*Jadual 3.2(sambungan)*

Kajian terdahulu/ penulis	Jurnal/artikel	Kemahiran prabaca yang terlibat
Sharipah Amalhayaty Binti Syed Ahmad, 2015	Penggunaan Kaedah Fonik Dalam Pengajaran Kemahiran Bacaan Awal Kanak-Kanak Prasekolah	<p>perkataan. Menurut modul ini, pendekatan literasi yang digunakan perlulah secara bersepadu, ansur maju, didik hibur, penggabung jalinan dan pengulangan (KPM, 2010). Huruf yang diperkenalkan ialah vokal a, i, dan u serta huruf konsonan yang mempunyai tiang iaitu b, d, h, l, t, dan k. Manakala dalam Unit 2, pengguna diperkenalkan dengan huruf vokal o dan e serta konsonan m, n, c, r, dan s. konsep pengejaan huruf vokal dan suku kata akan diperkenalkan melalui aktiviti ‘sentuh dan bunyi’ dan ‘sentuh dan seret’. penjelasan konsep bunyi huruf vokal dan suku kata dalam perkataan akan dipersembahkan melalui cerita bergambar. gabungan suku kata untuk membentuk perkataan dalam bentuk KVKV, VKV dan KVKVKV digabungkan untuk kesemua huruf dan suku kata. Latihan membina perkataan</p> <p>membaca adalah gabungan beberapa kemahiran iaitu kemahiran penglihatan yang didiskriminatif (menenal dan membezakan bentuk-bentuk huruf), kemahiran mengingat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi dengan tepat dan jelas, menyebut bunyi-bunyi yang dilambangkan oleh huruf, menggabungkan penyebutan bunyi-bunyi tersebut membentuk perkataan. Aspalaila dan Maslinda (2006) menegaskan kemahiran membaca bermula daripada menenal, mengecam, menyebut huruf, membunyikan suku kata dan perkataan yang bermakna seterusnya adunan bunyi-bunyi fonem ini membentuk pelbagai perkataan.</p>

Jadual 3.2(sambungan)

Kajian terdahulu/ penulis	Jurnal/artikel	Kemahiran prabaca yang terlibat
Suraya Tarasata, Aisah Daud, 2014	Kesan Penggunaan Perisian Asas Membaca Terhadap Pencapaian Membaca Murid Peringkat Prasekolah	empat kemahiran asas membaca iaitu mengecam bunyi huruf, membezakan bunyi huruf, menggabungkan bunyi huruf dan menggabungkan bunyi suku kata terbuka. Huruf vokal yang dipilih ialah a, i, dan u manakala huruf konsonan ialah b, d, p, g, j, m, n, t, f, dan y. Huruf-huruf konsonan ini dipilih kerana huruf-huruf ini merupakan huruf-huruf yang bermasalah kepada prabacaan. Ujian ini mengandungi empat bahagian iaitu ujian mengecam bunyi, ujian membezakan bentuk huruf, ujian menggabung bunyi konsonan dan vokal (memilih suku kata terbuka) dan ujian menggabung dua bunyi suku kata terbuka (memilih perkataan).
Nor Laila Bt Kuslan, 2014	Aktiviti Pemulihan Bacaan Di Sebuah Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes	Mengajar huruf vokal , mengajar cara membatang suku kata KV, KVKV, KVK, KVKK,KVKV, cara mengeja keseluruhan perkataan atau membaca ayat-ayat pendek.
Jumiya Binti Ahmad, 2014	Masalah Pembelajaran Dan Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Murid-Murid Kensi: Satu Kajian Kes	Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu murid Kensi sangat lemah dan murid didapati sukar memahami sebutan guru dan masih tidak mengenal huruf, suku kata kv, kvkv, kvk, kvkk,kvkv, membaca frasa dan ayat mudah.
Carrolina Anak Anuar, 2012	Dadu Vokal Ajaib	kemahiran mengenal huruf vokal dan membunyikan huruf vokal. untuk membantu kanak-kanak menguasai kemahiran prabacaan sebelum menguasai suku kata dan membaca ayat.
Mohamad Lutfi Bin Mat Saad, 2011	Penggunaan Kaedah Nyanyian Dapat Menarik Minat Dan Meningkatkan kemahiran Membaca Perkataan (Vkv, Kkvv, Vkvk, Kkvkv)Murid Prasekolah	murid dapat membaca perkataan (vkv, kvkv, kvkv, kvkvk) Menggunakan kaedah nyanyian dalam pembelajaran

*Jadual 3.2(sambungan)*

Kajian terdahulu/ penulis	Jurnal/artikel	Kemahiran prabaca yang terlibat
Azizah bt Zain University Pendidikan Sultan Idris, 2010	Penggunaan Bacaan Berulang Dapat Mempertingkatkan Kelancaran Dan Kefahaman Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah	kelancaran sampel dari kumpulan rawatan meningkat selepas menggunakan kaedah bacaan berulang berdasarkan kemahiran prabacaan iaitu kv, kvkv, kvk, kvkk,kvkv, membaca frasa dan ayat mudah.

Universiti Malaya

*Jadual 3.3*

Pendapat pakar-pakar terhadap kemahiran-kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah

Pakar	Cadangan/Pendapat Pakar	Skop/Faktor
P1	kemahiran mengenalpasti abjad, menyebut dan membunyikan huruf vokal, mengenalpasti dan meyebut huruf kecil dan huruf besar, membunyikan suku kata terbuka dan tertutup, membaca perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup	
P2	semua kaedah ini tidak boleh lari daripada menguasai kemahiran asas iaitu mengenal huruf sehinggalah murid dapat membaca perkataan.	
P3	Guru boleh guna pelbagai kaedah untuk kenalkan huruf kemudian bila murid sudah menguasai kemahiran mengenal huruf tersebut, guru bolehlah perkenalkan suku kata dari mudah kepada yang lebih sukar. Perkataan akan dapat dibaca apabila murid Berjaya membatangkan suku kata tersebut menjadi perkataan. Gabungan perkataan-perkataan itu akan menghasilkan ayat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran bermula dari mengenal abjad huruf vokal dan bunyi, huruf konsonan diikuti suku kata konsonan vokal sehingga penguasaan frasa mudah dan kemahiran membaca ayat.</li> </ul>
P4	Biasa yang kita ajar di kelas Prasekolah ialah kemahiran menganal huruf vokal kemudian huruf konsonan. Kemahiran membatangkan suku kata konsonan vokal, gabungan suku kata menjadi perkataan. Perkataan yang lebih kompleks. Gabungan perkataan pula menghasilkan ayat.	
P5	kemahiran Prabacaan yang perlu dimasukkan dalam elemen tidak boleh lari jauh dengan kurikulum kebangsaan iaitu dari kemahiran mengenal abjad sehingga menguasai kemahiran membaca suku kata dan ayat mudah boleh disesuaikan dengan budaya dan latar belakang masyarakat orang asli	

Pengkaji membuat analisis literatur dalam mengenal pasti item-item yang terlibat didalam kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. rujuk jadual 3.2 Kemudian, langkah

kedua pengkaji menjalankan temubual pakar dalam mengenal pasti item-item yang sesuai dimasukkan ke dalam kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah rujuk jadual 3.3 Setelah kesemua faktor di peroleh, pengkaji membentuk satu soal selidik pakar 5 poin dan seterusnya diagihkan kepada 20 orang pakar yang mempunyai kepakaran-kepakaran yang tertentu dan dianalisis menggunakan teknik Fuzzy Delphi (FDM). Komen dan cadangan pakar juga diambilkira untuk menambah baik item. Elemen-elemen untuk membentuk soal selidik dikeluarkan hasil daripada tinjauan literatur dan temubual lima orang pakar. Antara prosedur pengumpulan data adalah seperti berikut.

#### **Sorotan literatur**

Menurut Okoli & Pawlowski (2004) pembentukan item dan elemen kandungan sesuatu kajian perlu dibuat tinjauan literatur yang sesuai dan berkaitan dengan skop kajian. Sebelum penghasilan elemen-elemen dan item-item soal selidik pakar dalam kaedah Fuzzy Delphi ini, pengkaji telah menghasilkan satu jadual dalam bentuk pemetaan hasil pembacaan sorotan literatur yang lalu. Jadi penghasilan soal selidik yang telah dibentuk ini adalah berasaskan kepada aktiviti pembelajaran Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli, aspek kemahiran Prabacaan, dan juga strategi pengajaran guru.

Apabila kita menggunakan kaedah Fuzzy Delphi dalam kajian ini, pembentukan soal selidik perlu melalui fasa-fasa seperti membaca seberapa banyak sorotan literatur berkaitan bidang kajian, temubual bersama pakar yang terlibat dan pembentukan soal selidik FDM agar kajian ini lebih bersifat empirikal. (Dali, 2016). Menerusi kajian ini, pengkaji dapat untuk meletakkan keutamaan dan kedudukan sesuatu elemen berdasarkan kesepakatan pakar, pembinaan soal selidik yang dihasilkan adalah berdasarkan sorotan

literatur yang telah disahkan oleh pakar dan data yang tepat padat diperolehi dengan hanya satu pusingan (Chang, Hsu, & Chang, 2011).

### **Temu bual**

Dalam kajian Powell (2003) kelebihan utama Delphi dilaporkan sebagai pencapaian kesepakatan dalam sesuatu bidang ketidakpastian atau kekurangan bukti empiris tertentu Delbecq et al., (1975) , Dawson & Barker 1995, Murphy et al., (1998). Robson (2002) mendefinisikan temu bual sebagai satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang penyelidik menyoal untuk mendapatkan jawapan atau respon yang diinginkan. Kekuatan teknik temubual ialah penemubual dan responden selesa meneroka pengertian terhadap soalan-soalan yang dikemukakan secara bersemuka bagi mendapatkan maklumat lengkap (Brenner, 1985).

Lima orang pakar yang dikenalpasti ditemu bual secara *in-depth interview* bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berasaskan Lagu-Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli. Hasil daripada temubual ini telah dijadikan pembinaan dan pembentukan instrumen soal selidik dengan pembahagian item secara tematik atau mengikut kategori. Antara tema yang telah dikenalpasti hasil daripada temubual dengan pakar-pakar adalah seperti berikut ;

- Kesesuaian lagu Sewang Masyarakat Orang Asli dengan aktiviti pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah
- Aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah dijadikan sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran daripada Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli



- Strategi pengajaran yang sesuai digunakan oleh guru di dalam bilik darjah untuk menjadikan Lagu Sewang masyarakat Orang Asli sebagai kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

### Soal selidik

Skala 5 poin digunakan untuk menentukan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli dalam pelaksanaan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah dengan mendapatkan persetujuan atau konsensus sekumpulan pakar.

Satu instrumen soal selidik yang telah dihasilkan daripada tinjauan literatur dan temubual sekumpulan 5 orang pakar. Soal selidik tersebut dibina dengan menggunakan format soal selidik yang dibangunkan melalui Fuzzy Delphi. Soal selidik diberikan dengan skala 5 poin dengan skala *likert*. Untuk memudahkan pakar menjawab soal selidik, pengkaji telah meletakkan nilai skala 1 hingga 5 bagi menggantikan nilai Fuzzy seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.5 bagi skala linguistik 5 poin berikut :

*Jadual 3.4*

Skala Linguistik 5 point

5 Point Skala Linguistik Fuzzy				
Sangat setuju	5	0.6	0.8	1.0
Setuju	4	0.4	0.6	0.8
Sederhana setuju	3	0.2	0.4	0.6
Tidak setuju	2	0.0	0.2	0.4
Sangat tidak setuju	1	0.0	0.0	0.2

Bagi skala *fuzzy* ini sekiranya pakar memilih satu nilai dalam skala *likert* di dalam borang soal selidik, apabila data itu diterjemahkan ke dalam skala *fuzzy*, penterjemahan bagi skala yang dipilih akan dipecahkan kepada tiga nilai iaitu nilai minimum ( $m_1$ ), nilai paling munasabah ( $m_2$ ) atau nilai maksimum ( $m_3$ ). Ini menunjukkan bahawa dengan penterjemahan data di dalam skala *fuzzy* tidaklah berada pada suatu nilai. Ini yang membezakan penggunaan skala *fuzzy* berbanding skala *likert*.

### 3.7 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen soal selidik yang digunakan terbahagi kepada dua iaitu dibangunkan berdasarkan sorotan kajian lalu dan temubual pandangan pakar bagi memberikan tema dan elemen-elemen penting berkaitan dengan tajuk berkenaan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli dalam pelaksanaan kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan untuk kanak-kanak Prasekolah. Antara instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah sorotan literatur, temubual dan soal selidik. Berdasarkan Skulmowski, Hartman & Krahn (2007) pembentukan elemen-elemen soal selidik oleh pengkaji boleh dibentuk berdasarkan sorotan literatur, kajian rintis dan pengalaman. Manakala menurut Ridhwan et al., (2014) dalam membentuk soalan bagi teknik Fuzzy Delphi berdasarkan sorotan kajian, temu bual pakar dan juga melalui teknik *focus group*. Selain itu menurut Okoli dan Pawlowski (2004) pembentukan item dan elemen kandungan sesuatu kajian perlu dibuat melalui tinjauan literatur yang berkaitan dengan skop kajian. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan sorotan literatur dan temu bual pakar dalam memperoleh item-item yang sesuai dan terlibat dalam pembentukan soal selidik. Setelah elemen dan faktor yang telah dikenal pasti melalui literatur dan temu bual pakar, satu set soalan pakar dibentuk dengan menggunakan skala 5 poin.

### **Sorotan literatur**

Instrumen bagi kajian Fuzzy Delphi dibentuk oleh pengkaji berdasarkan sorotan kajian. Berdasarkan Skulmowski, Hartman & Krahn (2007) pembentukan elemen-elemen soal selidik oleh pengkaji boleh dibentuk berdasarkan sorotan literatur, kajian rintis dan pengalaman menurut Mustapha, Hussin, & Siraj (2017) dalam membentuk soalan bagi teknik Fuzzy Delphi berdasarkan sorotan kajian, temu bual pakar dan juga melalui teknik *focus group*. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan sorotan literatur dan temu bual pakar dalam memperoleh elemen-elemen dalam kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. Setelah elemen dan tema yang telah dikenal pasti melalui sorotan literatur dan temu bual pakar, satu set soalan pakar dibentuk dengan menggunakan skala 5 poin. Bagi memudahkan pakar menjawab soal selidik, pengkaji telah meletakkan nilai skala 1 hingga 5 dalam skala likert bagi menggantikan nilai Fuzzy.

### **Temu bual**

Temu bual yang digunakan untuk kajian ini ialah temu bual *in-depth interview* Pengkaji akan menggunakan 5 orang pakar dalam instrumen temu bual ini untuk membentuk soal selidik dan menentukan tema item yang ingin di fokuskan. Menurut Idris Noraini (2013) kaedah temu bual *in-depth interview* penyelidik boleh bertanya dengan lebih terperinci tentang aspek yang di selidik, terutamanya isu berkaitan perasaan, pendapat mahupun fakta dengan lebih mendalam yang lazimnya tidak mampu diperoleh melalui tadbiran kaedah tinjauan, ujian atau lain-lain kaedah yang menggunakan pendekatan kuantitatif. (C.Powell, 2003) turut berhujah bahawa kebiasaannya pusingan pertama delphi dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sesuatu isu melalui temubual pakar.

Temubual *in-depth interview* digunakan dalam kajian *Fuzzy Delphi* terutamanya teknik delphi tradisional kerana memudahkan pengkaji menyoal secara fleksibel dan bebas bagi mendapatkan jawapan yang pelbagai serta konteks yang luas daripada pakar. Sebelum temu bual dilakukan, penyelidik menjelaskan objektif secara ringkas berkenaan kajian ini kepada pakar. Temu bual ini dilakukan untuk membentuk tema dan menentukan tema item bagi soal selidik Fuzzy.

Robson (2002) mendefinisikan temubual sebagai satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang penyelidik menyoal untuk mendapatkan jawapan – jawapan atau respon yang diinginkan daripada responden kajian. Kekuatan teknik temubual ialah penemubual (penyelidik) dan responden kajian selesa meneroka pengertian terhadap soalan-soalan yang dikemukakan secara bersemuka bagi mendapatkan maklumat yang lengkap (Brenner, 1985)

### **Soal selidik Fuzzy Delphi**

Instrumen utama bagi kajian ini adalah soal selidik Fuzzy Delphi. Pembentukan instrumen soal selidik ini hasil daripada temubual yang telah di temakan oleh penyelidik berdasarkan hasil tinjauan literatur penyelidik. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan konsensus sekumpulan pakar. Seramai 20 orang pakar yang menjawab soal selidik. Jumlah ini adalah bersesuaian dengan kajian ini dan disarankan oleh Jones dan Twiss (1978) yang mencadangkan jumlah sampel pakar antara 10 hingga 50 orang dalam Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. (2013). Pendapat yang sama juga diujahkan oleh Turoff (1970) yang menyarankan 15 hingga 50 orang sampel pakar dalam Fuzzy Delphi Method.

Peserta kajian bagi menjawab soal selidik bahagian ini adalah pakar dari bidang Pendidikan Prasekolah, bidang Bahasa Malaysia dan bidang Muzik tradisi Sewang,

pensyarah bahasa seperti Doktor Falsafah dan Professor, Pegawai Pendidikan di peringkat Kementerian Pendidikan, pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri dan pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah. Peserta lain termasuklah ibubapa Orang Asli, dan Guru Orang Asli serta pakar dalam bidang muzik tradisi orang asli.

Instrumen soal selidik ini dinamakan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah yang mengandungi 30 item dibawah 4 subitem bahagian/tema. Pembahagian konstruk bagi kajian ini adalah seperti jadual 3.6 di bawah

*Jadual 3.5*

Pembahagian konstruk

<b>Bahagian</b>	<b>Konstruk</b>	<b>Jumlah item</b>
Bahagian A	Kesesuaian Lagu Sewang dalam aktiviti pembelajaran Prabacaan	5
Bahagian B	Aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah yang berpotensi	15
Bahagian C	Strategi Pengajaran pelaksanaan pengajaran Prabacaan Kanak-kanak prasekolah berdasarkan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli	10
	Jumlah Item	30

### **3.8 Kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Instrumen-instrumen kajian yang dibina perlu melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan agar data-data yang diperolehi tepat dan jitu boleh dipercayai. Kesahan dan kebolehpercayaan digunakan bagi mengukur data kajian yang dibuat agar lebih tepat dan berkualiti. Dalam kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah ini,

pengkaji mengesahkan instrument soal selidik Fuzzy itu dengan 3 orang pakar iaitu pakar bahasa, pakar kandungan dan pakar statistik.

Menurut Nurfirdawati Muhamad Hanafi, Othman Lebar, & Eftah Mohd Abdullah (2009) dalam kajiannya Teori Pembelajaran dan perkaitannya dengan pentaksiran, kebolehpercayaan merupakan prasyarat kepada kesahan walaupun tidak menjamin kesahan sepenuhnya. Norlia & Faizah Ghani (2016) oleh yang demikian kesahan dan kebolehpercayaan merupakan elemen yang paling penting dalam menjamin mutu dan kualiti sesuatu kajian.

Menurut Mohd Majid Konting (2009) pengukuran data kajian melalui kesahan dan kebolehpercayaan dapat meningkatkan mutu penyelidikan dengan pernyataan item yang tepat dan jelas, item-item yang digunakan mestilah homogenus, arahan-arahn ujian yang jelas, ringkas dan padat, mengelakkan gangguan semasa peserta kajian menjawab ujian dan pengumpulan data secara terkawal dan sama-rata.

### **Kajian Rintis**

Satu kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dilakukan bagi mengukur kebolehpercayaan, kesesuaian struktur ayat dan istilah-istilah yang digunakan dalam soal selidik kajian. Tujuan kajian rintis bukanlah sekadar mengutip data awal semata-mata tetapi hendak mempelajari proses kajian seperti sorotan literatur, prosedur temubual, teknik pemerhatian dan diri penyelidik itu sendiri ( Glesne & Peshkin, 1992).

Kesahan bagi instrumen ini berdasarkan dari data yang telah dikutip dari kajian rintis. *Pilot-test* merupakan kaedah terbaik untuk menentukan kesempurnaan sesebuah kajian kerana ia berupaya untuk menyelesaikan sesuatu masalah sebelum kajian sebenar dijalankan. Untuk menguji kesahan dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan anggaran ketekalan dalaman *Cronbach's Alpha* dalam Cronbach (1951). *Cronbach's*

*Alpha* biasanya digunakan untuk menguji sejauh mana pembolehubah-pembolehubah boleh digunakan. Nilai yang diterima bagi *Cronbach's Alpha* adalah 0.7 atau lebih Nunnally, (1978). Dengan ini tiada item yang perlu digugurkan memandangkan konstruk tersebut mempunyai nilai tahap kebolehpercayaan yang dapat diterima.

Kajian rintis dijalankan dengan menghantar borang soal selidik kepada 30 orang responden yang terdiri daripada guru-guru Prasekolah, Guru-guru pelatih orang asli dan beberapa pakar Orang Asli. Menurut Creswell kajian kualitatif dapat memahami atau mentafsirkan fenomena dari segi makna yang diberikan oleh peserta kepada mereka dalam John W. Creswell (2009). Jadi kajian rintis ini sangat sesuai untuk mengumpulkan data dengan teliti dan terstruktur menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, kuantitatif atau campuran. Tujuan penghantaran borang soal selidik kajian rintis ini ialah untuk menguji kesahan instrumen dan kebolehpercayaan item-item yang terdapat dalam soal selidik tersebut dan mendapatkan nilai *Cronbach's Alpha* yang sesuai. Responden untuk kajian rintis ini juga diminta untuk memberikan pandangan berkenaan kesesuaian item-item dalam soal selidik dan sama ada soalan yang dikemukakan mudah difahami atau mengelirukan.

Daripada jumlah ini, kesemua 30 orang responden yang memberikan maklumbalas dan kerjasama yang baik. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan setiap item (*cronchbach alpha*) adalah tinggi dengan semua nilai melebihi 0.7. Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan menggunakan sampel kajian responden 30 orang tersebut, instrumen kajian ini mempunyai nilai kesahan *Cronbach Alpha* ialah 0.835.

### Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Proses terakhir dalam kesahan dan kebolehpercayaan ialah kebolehpercayaan instrumen kajian. Othman Lebar (2009) menyatakan kebolehpercayaan merujuk kepada keupayaan sesuatu kajian untuk menghasilkan keputusan yang sama apabila pengukuran dibuat berulang kali.

Berdasarkan temubual dan sorotan literatur, instrumen soal selidik telah dibangunkan oleh pengkaji. Pembinaan item soal selidik dianalisis mengikut kesahan konstruk item dan indeks kesahan kandungan (CVI) mengikut item oleh 3 pakar (M. N. A. Rahman et al., 2017). Item-item soal selidik melalui kajian rintis yang dijalankan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai *Cronbach Alpha* dengan dapatan indeks kesahan kandungan adalah sebanyak 0.835 (83.5%) begitu juga kebolehpercayaan item-item mengikut bahagian adalah tinggi di mana bahagian tema 1 iaitu apakah jenis Lagu Sewang yang sesuai sebagai sumber kurikulum pengajaran. Hasil analisis kebolehpercayaan adalah seperti berikut Jadual 3.4 dibawah

Jadual 3.6

Analisis kebolehpercayaan kajian rintis

Konstruk mengikut bahagian	Bilangan item	Cronbach's Alpha
Soal selidik keseluruhan		
1. Apakah jenis Lagu Sewang yang sesuai dengan aktiviti pembelajaran murid Prasekolah?	5	0.921
2. Apakah aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berpotensi dijadikan kurikulum pengajaran daripada Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli berdasarkan pandangan pakar ?	10	0.832



*Jadual 3.6 (sambungan)*

Konstruk mengikut bahagian	Bilangan item	Cronbach's Alpha
Soal selidik keseluruhan		
1. Apakah strategi pengajaran yang sesuai digunakan oleh guru di dalam bilik darjah untuk menjadikan Lagu Sewang masyarakat Orang Asli sebagai kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar.	10	0.754

Pandangan-pandangan daripada responden dalam kajian rintis ini diambilkira dan penambahan soal selidik dibuat sebelum soal selidik akhir dihantar kepada responden.

### **3.9 Prosedur Penganalisan Data**

Pada bahagian ini pengkaji membincangkan cara untuk menganalisis data berdasarkan semua instrumen pengumpulan data yang telah dipilih. Untuk melaksanakan teknik Fuzzy Delphi. Dalam kajian ini, pengkaji terlebih dahulu menentukan dan menyusun item-item yang diubahsuai dari analisis keperluan dalam bentuk yang lebih kemas dan teratur untuk diteliti oleh panel pakar. Setelah itu, pengkaji menentukan sekumpulan pakar yang bersetuju untuk memberi sumbangan kepakaran mereka dalam menyatakan idea, mengkritik dan menambah baik kandungan item yang telah ditentukan oleh pengkaji. Pengkaji mengedarkan instrumen soal selidik yang mengandungi item-item yang diperolehi dan para pakar diminta menyatakan aras persetujuan terhadap setiap item sama ada sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Setelah semua pakar menandakan aras persetujuan masing-masing, pakar juga diminta memberikan pandangan masing-masing terhadap setiap item di dalam borang soal selidik. Data dari Skala Likert yang diperolehi kemudian diterjemahkan ke dalam bentuk data

nombor Fuzzy dan dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel. Teknik analisis data ini dikenali sebagai teknik Fuzzy Delphi atau Fuzzy Delphi Method (FDM).

Objektif utama di dalam teknik Fuzzy Delphi ialah mendapat maklum balas yang mempunyai kesahan yang tinggi terhadap masalah dan soal selidik yang diberi kepada sekumpulan pakar. Selain itu, Teknik Fuzzy Delphi telah dipilih dalam melaksanakan kajian ini kerana terdapat keraguan dalam kesahihan pendekatan teknik Delphi untuk memilih pakar yang sebenar (Norlidah Alias et. al., 2014).

Hasil daripada pembacaan sorotan literatur kajian-kajian yang lepas serta temubual mengikut temubual yang telah dijalankan kepada lima orang pakar maka tema-tema dan elemen-elemen daripada temu bual tersebut telah dikeluarkan dan menghasilkan instrumen soal selidik berkenaan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli Sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran Dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. Instrumen soal selidik tersebut telah diberikan kepada 20 orang pakar dalam bidang kepakaran masing-masing. Berikut merupakan langkah-langkah teknik Fuzzy Delphi yang digunakan oleh pengkaji iaitu :

#### **Langkah 1 : Penentuan pakar atau bilangan pakar yang terlibat**

20 orang pakar telah dipilih dalam menjawab instrumen soal selidik.

#### **Langkah 2 : Pemilihan skala linguistik**

Di dalam kajian ini, pengkaji telah memilih skala linguistik lima point yang terdiri daripada sangat setuju, tidak setuju, sederhana setuju, setuju dan sangat setuju. Jadual 3.5 menunjukkan skala linguistik lima point digunakan :

Jadual 3.5

Skala linguistik lima point

Skala linguistik lima point Skala Linguistik (Linguistic variable)				
1	Sangat tidak setuju	0.00	0.10	0.20
2	Tidak setuju	0.10	0.20	0.40
3	Sederhana setuju	0.20	0.40	0.60
4	Setuju	0.40	0.60	0.80
5	Sangat setuju	0.60	0.80	1.00

### Langkah 3 : Mendapatkan nilai purata

Nilai purata telah ditentukan mengikut nilai formula yang ditetapkan. Berikut merupakan formula yang digunakan dalam mendapatkan nilai purata :

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}.$$

### Langkah 4 : Menentukan nilai 'd' (Threshold Value)

Sekiranya nilai d adalah  $d < 0.2$ , maka kesemua pakar telah mencapai kesepakatan konsensus. Sekiranya nilai D adalah  $d > 0.2$ . maka pengkaji terpaksa melakukan pusingan kedua.

### Langkah 5 : Mendapatkan Konsensus 75 %

Pada langkah ini pengkaji telah mendapatkan keputusan kesepakatan kumpulan pakar atau dikenali sebagai kumpulan konsensus. Pada langkah ini, sekiranya kesepakatan pakar yang diambil oleh pengkaji mencapai sepakat lebih 75 % maka kumpulan konsensus telah mencapai kesepakatan. Sebaliknya, sekiranya, kesepakatan pakar yang

diambil oleh pengkaji mencapai kurang daripada 75 % maka pengkaji terpaksa melakukan pusingan kedua untuk memastikan kumpulan konsensus disepakati.

#### **Langkah 6: Mendapatkan Fuzzy Evaluation**

Fuzzy Evaluation adalah salah satu kaedah untuk menentukan ranking bagi suatu item/sub item. Oleh kerana prosesnya adalah agak sukar kerana melibatkan penomboran yang kompleks maka satu kaedah alternatif menggunakan rumus matematik digunakan sebagai kaedah penentuan ranking, dan kaedah ini dipanggil *defuzzification process*.

#### **Langkah 7: Defuzzification (Proses Menentukan Skor)**

Bagi defuzzification process, terdapat 3 rumus yang boleh digunakan untuk menentukan ranking/skor bagi item. Rumusnya adalah seperti berikut:

- i.  $A_{max} = 1/3 * (a_1 + a_m + a_2)$
- ii.  $A_{max} = 1/4 * (a_1 + 2a_m + a_2)$
- iii.  $A_{max} = 1/6 * (a_1 + 4a_m + a_2)$

Oleh itu, pengkaji telah memilih rumus (i) untuk mendapatkan *defuzzification*. Pada langkah ini pengkaji akan dapat menentukan skor atau kedudukan mengikut daripada kesepakatan pakar.

Jadual 3.6 menunjukkan secara lebih ringkas penggunaan teknik Fuzzy Delphi yang telah digunakan pada setiap langkah kepada pakar.

Jadual 3.7

Penggunaan Teknik Fuzzy dalam kajian

LANGKAH	JUMLAH PAKAR	INSTRUMEN	ANALISA DATA
Langkah pertama Pemetaan indikator	Pengkaji lepas	Meta analisis Sorotan literatur	<b>Pembacaan sorotan literatur</b> Pengkaji mengumpul hasil tinjauan literatur dan membuat kesimpulan dan temakan item-item penting yang terlibat dan berkait rapat dengan kajian.
Langkah kedua Pembentukan Instrumen soal selidik	5 orang pakar	Temubual	<b>Pembentukan tema</b> Mendapatkan kesepakatan tema-tema daripada pakar bagi membentuk instrumen soal selidik
Langkah ketiga Soal selidik FDM	20 orang pakar	Instrumen soal selidik skala likert	<b>Fuzzy Scale</b> Mendapatkan min dari triangular fuzzy nombor bagi setiap variabel untuk analisis Defuzzification. Menentukan perbezaan pendapat pakar dengan nilai = threshold. Nilai $d < 0.2$ = kesemua pakar mencapai konsensus. Nilai $d > 0.2$ tidak boleh melebihi 25 % Menentukan kesepakatan dan penentuan pakar

### Huraian pengkaji

Penggunaan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai sumber Kurikulum Pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah ini berupaya meningkatkan tahap Prabacaan seperti penguasaan huruf dan suku kata bagi Kanak-kanak Prasekolah. Berdasarkan kajian rintis yang telah di buat, Lagu Sewang ini sesuai dijadikan sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan bagi kanak-kanak Prasekolah Orang Asli. Lagu sewang Orang Asli ini dapat mengekalkan nilai tradisi dalam kalangan kanak-kanak, meningkatkan jati diri, kebanggaan terhadap tradisi masyarakatnya.

### **3.10 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dalam bab 3 ini membincangkan mengenai kaedah kajian dan kaedah pengumpulan data dalam kajian. Kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik ini mempunyai beberapa aspek dalam persampelan, sampel kajian, instrumen kajian, cara pengumpulan dan dan cara menganalisis data. Analisis serta dapatan kajian akan dibincangkan seterusnya dalam bab 4, bab 5.

Universiti Malaya

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan beberapa bahagian utama antaranya prosedur analisis data terhadap ketiga-tiga proses dan dapatan kajian. Dalam prosedur analisis data, pembentukan item soal selidik tinjauan literatur telah dilaksanakan kemudian temubual telah dilakukan terhadap 5 orang pakar bagi mendapatkan item-item dan tema soal selidik *Fuzzy*. Antara tema yang telah dikenalpasti hasil daripada temubual dengan pakar-pakar terbabit ialah seperti berikut ;

- Kesesuaian jenis Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Prabacaan
- Aspek Kemahiran-kemahiran Prabacaan di dalam Standard Pembelajaran
- Strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Prabacaan berasaskan Lagu Sewang

Seterusnya, pendekatan Fuzzy Delphi digunakan bagi kesemua data dalam soal selidik Fuzzy yang diperoleh dan di analisis menggunakan *Triangular Fuzzy Number* serta *defuzzification process*.

Kemudian, analisis data dan dapatan kajian adalah berdasarkan soalan kajian berikut;

1. Apakah Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli yang sesuai dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar?

2. Apakah aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah yang sesuai dijadikan sumber kurikulum pengajaran berasaskan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli berdasarkan pandangan pakar ?
3. Apakah strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai digunakan oleh guru di dalam bilik darjah untuk menjadikan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai sumber kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar?

Selain itu, perbincangan berkenaan analisis data dan dapatan kajian dilakukan dengan berpandukan soalan kajian dengan beberapa tema berikut ;

1. Kesesuaian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah
2. Aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah sesuai dijadikan sumber kurikulum pengajaran berasaskan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli.
3. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai digunakan oleh guru di dalam bilik darjah untuk menjadikan Lagu Sewang masyarakat Orang Asli sebagai kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

#### **Kategori Kandungan Aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah**

Tema-tema yang disusun dan pilih telah ditentukan oleh pakar-pakar melalui kaedah sorotan literatur yang lalu serta kaedah temubual dan hasil kesepakatan pakar-pakar dalam kajian ini. Kesepakatan pakar terhadap keseluruhan kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli Sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran Dan Pembelajaran Prabacaan Bagi Kanak-kanak Prasekolah bagi item kemahiran Prabacaan telah menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu pengkaji telah menyusun elemen-elemen



dan indikator bagi kategori kandungan Prabacaan daripada tinjauan literatur daripada bab 2, dan juga tokoh-tokoh membaca.

Kemahiran membaca pada peringkat prasekolah ini mengagaskan bahawa objektif KSPK (bilangan ke-14) adalah untuk melengkapkan kanak-kanak dengan kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dan bahasa pengantar dalam kehidupan harian KSPK (2017) dalam kajian Mahzan Bin Arshad (2017).

Peringkat prasekolah merupakan satu platform untuk melonjakkan tahap penguasaan dan kemahiran literasi seseorang murid. Penguasaan kemahiran berbahasa kanak-kanak diperoleh melalui empat kemahiran literasi asas, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis Mahzan Arshad (2012); Pelet (2020). Kemahiran asas literasi yang difokuskan dalam kajian ini ialah Kemahiran Prabacaan merujuk kepada pendedahan kepada aktiviti untuk meningkatkan ketajaman dan pendengaran kebolehan seseorang kanak-kanak melahirkan bunyi Fadzillah & Hashim (2019). Perkembangan Prabacaan Kanak-kanak boleh ditingkatkan menerusi aktiviti nyanyian. Nyanyian yang melibatkan bahasa akan merangsang minda kanak-kanak menguasai dan membantu mereka dalam perbendaharaan kata. (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2018). Justeru dalam konsteks kajian ini menggunakan Lagu Sewang sebagai sumber kurikulum bagi pengajaran Prabacaan adalah amat bertepatan sekali.

Pemetaan indikator bagi persoalan kajian yang kedua ini ditunjukkan dengan lebih jelas terperinci di dalam jadual 4.1 di bawah.

*Jadual 4.1*

Pemetaan indikator bagi persoalan kajian yang kedua iaitu aspek Kemahiran Prabacaan

<b>Sumber Elemen /indikator ini diperoleh</b>	<b>Aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak</b>	<b>Item-item dalam soal selidik</b>
Dokumen Standard Kebangsaan (DKSPK, 2017) -Kebolehan menyebutkan bunyi huruf (Fadzillah & Hashim, 2019)	Kemahiran Prabacaan mengenal huruf vokal	1.1 Kemahiran menyebut huruf vokal 1.2 Kemahiran membunyikan huruf vokal 1.3 Menyanyi sambil menyebut huruf vokal 1.4 Menyanyi dan membuat pergerakan huruf vokal 1.5 Kemahiran Pratulisan huruf vokal dalam Lagu Sewang
Dokumen Standard Kebangsaan (DKSPK,2017) -Kebolehan menyebut bunyi huruf mudah (Fadzillah & Hashim, 2019) -dalam Prabacaan, murid mengenal dan mengecam huruf (IPGM, 2018) - aspek fonologi, Membunyikan huruf yang dilabelkan pada bahan permainan (Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2016)	Kemahiran Prabacaan mengenal huruf abjad	2.1 Kemahiran mengenalpasti dan menyebut huruf abjad 2.2 Kemahiran menyebut huruf abjad 2.3 Menyanyi sambil menyebut huruf abjad 2.4 Menyanyi dan membuat pergerakan huruf abjad 2.5 Lagu Babola babo dalam mengenal huruf abjad 2.6 Kemahiran Pratulisan huruf abjad dalam Lagu Sewang
Dokumen Standard Kebangsaan (DKSPK,2017) -Kebolehan menyebutkan suku kata dan perkataan mudah (Fadzillah & Hashim, 2019) -mematangkan perkataan yang mengandungi suku kata terbuka dan tertutup pada peringkat membaca mekanis (IPGM, 2018)	Kemahiran Prabacaan membaca suku kata terbuka	3.1 Kemahiran membunyikan suku kata terbuka guna lagu Panas Siang 3.2 Membaca suku kata terbuka dengan nyanyian dan pergerakan sewang 3.3 Menyanyi suku kata mengikut melodi lagu panas siang 3.4 Kemahiran membaca suku kata terbuka dalam lirik lagu

*Jadual 4.1 (sambungan)*

<b>Sumber /indikator ini diperoleh</b>	<b>Elemen</b>	<b>Aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak</b>	<b>Item-item dalam soal selidik</b>
-Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (DKSPK,2017) -Kebolehan menyebut suku kata dan perkataan mudah. Tahap bacaan mekanis, iaitu mengajar kanak-kanak untuk Membunyikan huruf, suku kata dan perkataan. (Fadzillah & Hashim, 2019) - semua kanak-kanak lebih tertarik akan pembelajaran yang melibatkan aktiviti menyanyi dan bergerak.(Mahzan Bin Arshad1, 2017)		Kemahiran Prabacaan membaca suku kata tertutup	4.1 Kemahiran membunyikan suku kata tertutup guna lagu Bungak Alam Ye 4.2 Membaca suku kata tertutup dengan nyanyian dan pergerakan sewang 4.3 Menyanyi suku kata mengikut melodi lagu panas siang 4.4 Kemahiran membaca suku kata terbuka dalam lirik lagu 4.5 Kemahiran membaca perkataan suku kata tertutup

#### **4.2 Analisis Temubual Pakar**

Dalam kajian ini, 20 orang pakar di pilih untuk menjawab soal selidik Fuzzy berdasarkan Jones dan Twiss (1978) iaitu antara 10-50 orang pakar. Maklumat pakar telah dipaparkan dalam bentuk jadual dan laporan yang mempunyai kategori seperti berikut ;

- a) Pakar bidang bahasa Malaysia
- b) Pakar dalam bidang Pendidikan Awal kanak-kanak atau Prasekolah
- c) Pakar dalam bidang Pendidikan Orang Asli

#### **Demografi temubual pakar**

Demografi temubual bagi kajian ini adalah pakar yang mempunyai pengalaman yang lebih daripada 10 tahun. Kesemua pakar mempunyai latar belakang akademik diperingkat Ijazah Sarjana Muda hinggalah ke peringkat kedoktoran. Mereka berumur 30-50 tahun.

Pakar yang dipilih kebanyakan tinggal di Lembah Kelang dan juga Pahang. Kesemua pakar yang dipilih juga telah dihubungi melalui perjumpaan bersemuka, melalui pesanan whatsapp dan melalui mel elektronik. Seramai 5 orang Guru Prasekolah dipilih untuk temubual atas kriteria berpengalaman dalam mengajar Pendidikan Prasekolah lebih dari 10 tahun dan pensyarah Pendidikan Awal Kanak-kanak yang mengajar subjek berkenaan lebih dari 10 tahun.

Berdasarkan temubual terhadap 5 orang pakar, dapatan kajian menunjukkan bahawa Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sesuai dijadikan kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. Perbincangan dapatan kajian ini meliputi isi kandungan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah meliputi dua aspek. Aspek pertama ialah Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli yang sesuai untuk dijadikan kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. Aspek keduanya ialah dan elemen-elemen yang harus dikaji dalam pelaksanaan Lagu Sewang Masyarakat orang asli sebagai kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah menurut pandangan pakar.

### **Isi kandungan Lagu Sewang sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran**

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu “Apakah jenis Lagu Sewang yang sesuai untuk dijadikan sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar” dalam satu sesi temubual yang telah dijalankan terhadap 5 orang pakar.

Dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian yang pertama. Isi kandungan sumber kurikulum pengajaran ini meliputi elemen-elemen yang dikenalpasti oleh pakar-pakar. Dapatan hasil temubual yang dijalankan mendapati bahawa kelima-lima pakar mencadangkan bentuk isi kandungan kurikulum pengajaran Prabacaan meliputi jenis Lagu Sewang yang sesuai dengan aktiviti pembelajaran, kemahiran-kemahiran

Prabacaan, strategi pengajaran dan pembelajaran Prabacaan dan bentuk penilaian yang digunakan.

Pada pandangan mereka, jenis Lagu Sewang yang sesuai dengan kanak-kanak prasekolah ini mampu menarik minat terhadap pembelajaran Prabacaan khususnya dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Hal ini telah di luahkan oleh R2 yang bersetuju bahawa Lagu Sewang “Babola Babo” wajar digunakan dalam pembelajaran prabacaan untuk kanak-kanak prasekolah.

*“ Bagi saya, lagu-lagu sewang yang paling sesuai untuk tahap umur enam tahun ialah lagu yang melodinya rancak, lagu yang berulang-ulang, lagu yang mudah di nyanyikan adalah digemari oleh kanak-kanak amat sesuai dijadikan sebagai kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah”* ( halaman 2, para 3, baris 4)

Pendapat ini disokong oleh R5:

*“ Jika dilihat dan diperhatikan dari pengamatan saya, antara senarai lagu-lagu yang diperoleh oleh pengkaji, Lagu yang mudah ialah Lagu Babola Babo, Panas siang, Bunga Alam Ye, Badak berenjak dan Geradong”* (Halaman 3, para , baris 5) R5 ini juga berpendapat bahawa elemen-elemen yang perlu di ambil berat dalam sesebuah sumber pembelajaran adalah seperti berikut :

*“ Dalam sumber pembelajaran Prabacaan perlu masukkan apakah jenis lagu yang sesuai, kemudian masukkan kemahiran-kemahiran Prabacaan yang sesuai, kemudian masukkan strategi dan teknik yang akan digunakan oleh guru Prasekolah dan akhir sekali masukkan penilaian dan pentaksiran yang sesuai dengan Prabacaan”* . (Halaman 3, para 2, baris 5)

Manakala R3 pula berpendapat :

*“Lagu-lagu sewang yang sesuai haruslah yang lebih senang dihafal oleh kanak-kanak dan menyeronokkan supaya mereka gembira belajar membaca...”* (Halaman 4, para 3 baris 3)

Selain itu, R4 bersetuju bahawa :

*“Jika elemen-elemen yang hendak dimasukkan mestika kena sesuai dengan murid prasekolah. Wajar di masukkan elemen strategi pengajaran, aktiviti pembelajaran, dan juga kemahiran-kemahiran Prabacaan yang sesuai terhadap pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah”* (Halaman 6, para 2 , baris 4)

Keduanya, temubual pakar ini juga dijalankan untuk menentukan Lagu sewang yang sesuai digunakan dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan ini. Hasil temubual dalam kajian ini didapati bahawa kesemua pakar bersetuju beberapa Lagu Sewang digunakan bersama isi kandungan dan bahan sebagai kurikulum pengajaran. Daripada jumlah keseluruhan Lagu Sewang yang telah diperolehi oleh pengkaji, terdapat beberapa Lagu Sewang sahaja yang sesuai dimasukkan dalam kurikulum pengajaran prabacaan ini. Dapatan menunjukkan lagu isi kandungan yang wajar diterapkan adalah aspek melodi lagu. R1 berpendapat :

*“Lagu Bungak Alam Ye ini melodi lagunya rancak dan menggembirakan. Bagi saya lagu ini sesuai dengan kanak-kanak yang berumur 6 tahun untuk mereka menyanyi dan seterusnya belajar membaca”* (Halaman 1, para 7, baris 6).

Pendapat ini pula disokong oleh R2 :

*“ Banyak sangat lagu yang pengkaji dapat, tetapi tidak semua sesuai untuk kanak-kanak, tapi kita pilih lagu yang melodinya rancak dan menarik minat murid Prasekolah untuk belajar.... macam lagu Bunga Alam, Panas Siang, Babola Babo saya dengar lagu-lagu ini paling sesuai untuk mereka”* (Halaman 2, para 8, baris 5)

### **Aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah Yang Sesuai Dijadikan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran**

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua “ Apakah aspek kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah yang sesuai dijadikan sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabacaan berdasarkan pandangan pakar” dalam sesi temubual yang telah dijalankan terhadap 5 orang pakar yang sama.

Kemahiran prabacaan ini meliputi elemen-elemen yang dikenalpasti oleh pakar-pakar. Dapatan hasil temubual yang dijalankan telah menjawab persoalan kajian yang kedua dan mendapati bahawa kelima-lima pakar bersetuju dan mencadangkan bentuk kemahiran Prabacaan dalam kurikulum pengajaran Prabacaan meliputi kemahiran mengenalpasti abjad, menyebut dan membunyikan huruf vokal, mengenalpasti dan menyebut huruf kecil dan huruf besar, membunyikan suku kata terbuka dan tertutup, membaca perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup.

Pada pandangan mereka, kemahiran Prabacaan yang sesuai dengan kanak-kanak prasekolah ini seiring dengan pembelajaran arus perdana dan mungkin boleh direndahkan sedikit aras kesukarang untuk kanak-kanak orang asli dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Hal ini telah di luahkan oleh R3 yang bersetuju bahawa kemahiran –

kemahiran Prabacaan mengikut KSPK wajar digunakan dalam pembelajaran prabacaan untuk kanak-kanak prasekolah orang asli.

Dapatan menunjukkan kemahiran prabacaan yang wajar diterapkan adalah mengikut aras yang lebih mudah berbanding arus perdana. R3 berpendapat :

*“ Mungkin cadangan saya di prasekolah orang asli ini dapat melakukan perkara yang sama supaya mereka dapat bersaing dengan kanak-kanak lain. Mungkin kita dapat rendahkan sikit level dia dan akhirnya nanti murid orang asli dapat perkara yang sama mcm sekolah cina dan tamil buat. Supaya masyarakat lebih sedar masyarakat pribumi di prasekolah dan arus perdana. Itu antara harapan-harapan saya.”* (Halaman 2, para 7, baris 6)

Pendapat ini pula disokong oleh R5 :

*“Kemahiran-kemahiran Prabacaan yang perlu dimasukkan dalam elemen tidak boleh lari jauh dengan kurikulum kebangsaan yang asasnya. Namun kita boleh sesuaikan dengan budaya dan latar belakang masyarakat orang asli itu sendiri kerana kita faham mereka ini tidak dilahirkan dengan aksara. Diorg takde aksara, kena ingat tu. dan dari segi Bahasa mereka dikatakan bahasa melayu menjadi Bahasa kedua selain dialek dia. Jadi kita kena pandai sesuaikan dengan persekitaran mereka. Lagu sewang yang awak buat ni bagus, namun aspek kemahiran dalam kemahiran membaca harus dikekalkan”* (Halaman 3, para 8, baris 5)



## **Strategi Pengajaran Guru Yang Sesuai Digunakan Dalam Bilik Darjah Dalam Lagu Sewang Sebagai Kurikulum Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah**

Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga pula iaitu “ Apakah strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk dijadikan kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar” dalam satu sesi temubual yang telah dijalankan terhadap 5 orang pakar yang sama.

Hasil dapatan ini telah menjawab persoalan kajian yang ketiga. Strategi pengajaran dan pembelajaran ini meliputi elemen-elemen yang dikenalpasti oleh pakar-pakar. Dapatan hasil temubual yang dijalankan mendapati bahawa kelima-lima pakar mencadangkan strategi pengajaran dan pembelajaran pengajaran Prabacaan meliputi kaedah pengajaran, strategi amalan peka budaya, pendekatan pembelajaran budaya masyarakat setempat, konsep belajar melalui bermain, didik hibur.

Pada pandangan mereka, strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kanak-kanak prasekolah ini mampu menarik minat terhadap pembelajaran Prabacaan khususnya dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Hal ini telah di luahkan oleh R5 yang bersetuju bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran yang wajar digunakan dalam pembelajaran Prabacaan untuk kanak-kanak prasekolah orang asli.

*“Menarik minat tu maksudnya mestilah berada dalam pengetahuan dia dan Jadi kita gunakan sewang sebagai elemen pembelajaran dan pengalaman mereka. Soalan bagaimana kita oleh sumber alam itu dalam pengajaran dan pembelajaran kita. Jadi guru prasekolah orang asli berperanan penting dalam menggunakan elemen-elemen alam ini untuk menarik minat kanak-kanak orang asli belajar membaca”*(Halaman 5, para 4, baris 7)

Pendapat ini pula disokong oleh R1 :

*“Apa yang penting orang asli ni perlu ada kontekstual seperti didik hibur dan santai. kerana dia xsama dengan kita. Kita perlu ingt kurikulum yang kita buat tu atas pandangan*

*kita tetapi kita perlu fikir kurikulum atas pandangan mereka. Jadi masukkan sekali strategi amalan peka budaya masyarakat pribumi”*

(halaman 4, para 2, baris 3)

Jadi pendapat-pendapat pakar sebulat suara bersetuju bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak prasekolah orang asli ini perlu selari dengan amalan budaya mereka namun tidak boleh lari jauh dengan kurikulum sedia ada, KSPK.

### **4.3 Analisis data : Fuzzy Delphi**

Bahagian kajian ini akan menghuraikan analisis data maklumat latar belakang pakar. Tujuannya adalah untuk mempersembahkan tentang status, pengalaman mengajar, taraf pendidikan, bidang kepakaran sama ada dalam bidang Pendidikan Awala Kanak-kanak, Prasekolah dan Pendidikan Muzik atau pengalaman dalam mengajar Bahasa Melayu. Akhir sekali anugerah atau pengiktirafan yang telah diterima oleh pakar.

#### **Deskriptif Demografi Pakar**

Dapatan ini telah dijalankan terhadap 20 orang pakar yang terpilih daripada bidang yang berkaitan dengan Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Prasekolah. Proses pengedaran soal selidik ini dijalankan secara bersemuka. Kesemua 20 borang soal selidik yang lengkap diterima untuk dianalisis. Dapatan analisis demografi pakar-pakar ditunjukkan dalam jadual di bawah.

*Jadual 4.2*

Maklumat Demografi Pakar : Status

<b>Status</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Pensyarah	10	50.0
Guru	10	50.0

Berdasarkan jadual 4.1 di atas menunjukkan bahawa pakar dalam kajian ini terdiri daripada guru yang mengajar Prasekolah iaitu seramai 10 orang (50%). Manakala Pensyarah pula ialah seramai 10 orang (50%).

*Jadual 4.3*

Maklumat Demografi Pakar : Kaum

<b>Kaum</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Melayu	10	50.0
Cina	0	0
India	1	5.0
Orang asli	9	45.0

Berdasarkan jadual 4.2 menunjukkan seramai 10 orang (50%) merupakan pakar dalam kalangan kaum Melayu, manakala 0 orang bagi kaum Cina, seterusnya 1 orang dari kalangan kaum India (5%) dan seramai 9 orang terdiri daripada kaum Orang Asli (45.0%)

*Jadual 4.4*

Maklumat Demografi Pakar : Taraf Pendidikan

<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ijazah Sarjana Muda	8	40.0
Ijazah Sarjana	6	30.0
Sarjana Kedoktoran	6	30.0
Lain-lain	0	0

Jadual 4.3 menunjukkan seramai 8 orang pakar (40%) yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda, manakala seramai 6 orang pakar (30%) mempunyai taraf pendidikan Ijazah Sarjana. Taraf pendidikan Sarjana Kedoktoran adalah seramai 6 orang pakar (30%) . Sebaliknya tidak terdapat pakar pada lain-lain taraf pendidikan

Jadual 4.5  
Maklumat Demografi Pakar : Bidang kepakaran

Bidang kepakaran	Frekuensi	Peratus (%)
Pendidikan Prasekolah	10	50.0
Bahasa Melayu	4	20.0
Pendidikan Pribumi/Orang Asli	4	20.0
Lain-lain	2	10.0

Berdasarkan jadual 4.4 menunjukkan maklumat demografi pakar dalam bidang kepakaran. Seramai 10 orang pakar (50%) dalam bidang Pendidikan Prasekolah/Awal Kanak-kanak manakala 4 orang pakar (20%) dalam bidang Bahasa Melayu. Seterusnya seramai 4 orang pakar (20%) dalam bidang Pendidikan Pribumi/Orang Asli manakala seramai 2 orang (10%) dalam bidang lain-lain iaitu bidang *Fuzzy Delphi Method*.

Jadual 4.6  
Maklumat Demografi Pakar : Pengalaman bekerja

Pengalaman bekerja	Frekuensi	Peratus (%)
5-10 tahun	0	50.0
10 – 15 tahun	2	20.0
15 – 20 tahun	10	50.0
20 tahun ke atas	8	40.0

Jadual 4.5 menunjukkan demografi pengalaman bekerja setiap pakar. Seramai 2 orang pakar (20%) mempunyai pengalaman bekerja selama 10-15 tahun manakala seramai 10 orang pakar (50%) mempunyai pengalaman bekerja selama 15-20 tahun. Manakala seramai 8 orang pakar (40%) yang mempunyai pengalaman bekerja selama 20 tahun.

*Jadual 4.7*

Maklumat Demografi Pakar : Penggunaan bahan bantu dalam pengajaran dan pembelajaran

<b>BBM</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lagu-lagu dan nyanyian	12	60.0
Buku kerja	2	10.0
Carta	1	5.0
Papan tulis	7	35.0

Berdasarkan jadual 4.6 menunjukkan bahawa maklumat demografi pakar dalam penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pakar yang menggunakan lagu-lagu dan nyanyian dalam pengajaran adalah seramai 12 orang (60%) manakala pakar yang menggunakan buku kerja seramai 2 orang (10%) dan pakar yang menggunakan carta seramai 1 orang (5%). Pakar yang menggunakan papan tulis seramai 7 orang (35%) sahaja.

*Jadual 4.7*

Maklumat Demografi Pakar : Kekerapan penggunaan lagu dalam pengajaran Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia

<b>Kekerapan penggunaan lagu dalam pengajaran</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
3 jam seminggu	15	75.0
Satu jam seminggu	5	25.0
Sekali sebulan atau lebih	0	0
Tidak pernah	0	0

Jadual 4.7 menunjukkan kekerapan pakar dalam penggunaan lagu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia. Seramai 15 orang pakar (75%)

yang menggunakan lagu selama 3 jam dalam seminggu, manakala seramai 5 orang pakar (25%) orang yang menggunakan lagu dalam pengajaran mereka selama satu jam dalam seminggu. Tiada pakar yang sekali sebulan atau lebih atau tidak pernah menggunakan lagu langsung dalam pengajaran mereka.

*Jadual 4.8*

Maklumat Demografi Pakar : Kekerapan penggunaan Lagu Sewang/muzik tradisi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia

<b>Kekerapan penggunaan Lagu Sewang/muzik tradisi</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
3 jam seminggu	10	50.0
Satu jam seminggu	5	25.0
Sekali sebulan atau lebih	5	25.0
Tidak pernah	0	0

Berdasarkan jadual 4.8 menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan muzik tradisi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia. Seramai 10 orang (50%) kerap menggunakan muzik dalam pengajarannya 3 jam seminggu , manakala seramai 5 orang (25%) kerap menggunakan muzik dalam pengajarannya satu jam seminggu dan seramai 5 orang (25%) juga yang kerap sekali sebulan menggunakan muzik tradisi dalam pengajarannya.

**Lagu Sewang Sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran Dan Pembelajaran**

**Prabacaan**

Bagi menjawab soalan kajian “ Kemahiran-kemahiran Prabacaan yang sesuai dengan pembelajaran Prabacaan berasaskan Lagu Sewang bagi kanak-kanak Prasekolah mengikut pandangan pakar “ yang dicadangkan oleh pakar bagi kajian ini, maka kaedah

Fuzzy Delphi digunakan bertujuan untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap setiap sub-item dalam perbincangan di atas.

Kajian dimulakan dengan langkah-langkah dalam Arnold Kaufmann (1991) sebagaimana berikut :

1. Menentukan jumlah pakar yang terlibat iaitu antara 10-15 orang pakar Alder & Ziglio (1996) dan 10-50 orang pakar Jones H. & Twiss (1978). Kajian ini memilih untuk mendapatkan konsensus pakar seramai 20 orang.
2. Menentukan *Linguistic Scale*, berdasarkan kepada *triangular fuzzy number*.

Dalam kajian, penyelidik telah memilih skala likert point 5 seperti jadual 4.9.

Jadual 4.9  
Skala linguistik 5 point

5 point skala linguistik			
Sangat tidak setuju	0.60	0.80	1.00
Tidak Setuju	0.40	0.60	0.80
Tidak pasti	0.20	0.40	0.60
setuju	0.10	0.20	0.40
Sangat setuju	0.00	0.10	0.20

3. Semua data dijadualkan untuk mendapatkan nilai purata ( $m_1, m_2, m_3$ ) iaitu Nilai minimum, Nilai Munasabah dan Nilai Maksimum.
4. Menentukan jarak antara nombor bagi menentukan nilai threshold dengan menggunakan rumus berikut :

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Rajah 4.1 Rumus mengira nilai *threshold*

Jadual 4.10

Nilai Threshold, 'd' untuk item soal selidik Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah

PAKAR	ITEM														
	A1.1	A1.2	A1.3	A1.4	A1.5	A1.6	A2.1	A2.2	A2.3	A2.4	A3.1	A3.2	A3.3	A3.4	A3.5
1	0.153	0.122	0.046	0.214	0.168	0.107	0.397	0.183	0.092	0.076	0.076	0.336	0.367	0.382	0.183
2	0.153	0.122	0.046	0.092	0.168	0.199	0.092	0.183	0.092	0.076	0.229	0.336	0.367	0.229	0.183
3	0.153	0.183	0.351	0.092	0.168	0.107	0.214	0.183	0.092	0.076	0.076	0.336	0.061	0.076	0.183
4	0.153	0.183	0.260	0.214	0.137	0.199	0.092	0.122	0.214	0.382	0.382	0.336	0.244	0.076	0.122
5	0.153	0.183	0.046	0.397	0.168	0.199	0.214	0.122	0.214	0.229	0.076	0.031	0.061	0.229	0.122
6	0.153	0.122	0.260	0.092	0.137	0.107	0.214	0.122	0.214	0.229	0.076	0.031	0.061	0.076	0.183
7	0.153	0.122	0.046	0.214	0.137	0.412	0.092	0.183	0.214	0.229	0.076	0.031	0.367	0.076	0.183
8	0.153	0.122	0.260	0.092	0.137	0.107	0.092	0.183	0.092	0.076	0.229	0.275	0.244	0.382	0.122
9	0.153	0.183	0.046	0.397	0.137	0.199	0.092	0.122	0.092	0.076	0.229	0.275	0.244	0.382	0.428
10	0.153	0.183	0.351	0.214	0.168	0.199	0.214	0.122	0.092	0.229	0.229	0.275	0.244	0.076	0.122
11	0.153	0.122	0.260	0.092	0.137	0.199	0.214	0.122	0.092	0.229	0.382	0.275	0.244	0.076	0.122
12	0.153	0.122	0.351	0.092	0.137	0.107	0.214	0.183	0.214	0.382	0.382	0.031	0.061	0.229	0.183
13	0.153	0.183	0.046	0.092	0.168	0.107	0.092	0.428	0.214	0.382	0.076	0.031	0.244	0.229	0.183
14	0.153	0.122	0.260	0.214	0.168	0.199	0.092	0.183	0.092	0.229	0.229	0.031	0.061	0.229	0.122
15	0.153	0.122	0.046	0.092	0.168	0.107	0.092	0.183	0.092	0.076	0.229	0.031	0.244	0.229	0.428
16	0.153	0.183	0.351	0.214	0.168	0.412	0.214	0.122	0.092	0.076	0.229	0.031	0.061	0.076	0.122
17	0.153	0.183	0.260	0.092	0.137	0.199	0.092	0.183	0.092	0.229	0.229	0.275	0.061	0.076	0.122
18	0.153	0.122	0.046	0.214	0.137	0.199	0.092	0.122	0.214	0.076	0.076	0.275	0.061	0.229	0.183
19	0.153	0.122	0.260	0.092	0.137	0.107	0.092	0.122	0.397	0.229	0.076	0.275	0.367	0.076	0.183
20	0.153	0.122	0.046	0.214	0.137	0.107	0.092	0.122	0.092	0.076	0.076	0.336	0.244	0.229	0.183



Jadual 4.11

Nilai Threshold, 'd' untuk item soal selidik Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah

PAKAR	ITEM BAHAGIAN B																			
	B1.1	B1.2	B1.3	B1.4	B1.5	B2.1	B2.2	B2.3	B2.4	B2.5	B2.6	B3.1	B3.2	B3.3	B3.4	B4.1	B4.2	B4.3	B4.4	B4.5
1	0.076	0.153	0.12 2	0.16 8	0.15 3	0.16 8	0.27 5	0.06 1	0.12 2	0.15 3	0.16 8	0.16 8	0.27 5	0.42 8	0.19 9	0.07 6	0.09 2	0.06 1	0.12 2	0.15 3
2	0.229	0.153	0.18 3	0.13 7	0.15 3	0.13 7	0.33 6	0.24 4	0.18 3	0.15 3	0.13 7	0.13 7	0.03 1	0.12 2	0.10 7	0.22 9	0.39 7	0.06 1	0.12 2	0.15 3
3	0.382	0.153	0.12 2	0.16 8	0.15 3	0.13 7	0.03 1	0.06 1	0.12 2	0.15 3	0.13 7	0.13 7	0.33 6	0.18 3	0.19 9	0.07 6	0.39 7	0.06 1	0.12 2	0.15 3
4	0.229	0.153	0.18 3	0.13 7	0.15 3	0.16 8	0.33 6	0.06 1	0.18 3	0.15 3	0.13 7	0.13 7	0.27 5	0.12 2	0.10 7	0.07 6	0.21 4	0.24 4	0.18 3	0.15 3
5	0.076	0.153	0.12 2	0.13 7	0.15 3	0.13 7	0.27 5	0.06 1	0.12 2	0.15 3	0.13 7	0.16 8	0.03 1	0.12 2	0.19 9	0.22 9	0.21 4	0.24 4	0.18 3	0.15 3
6	0.076	0.153	0.12 2	0.13 7	0.15 3	0.13 7	0.03 1	0.24 4	0.12 2	0.15 3	0.13 7	0.16 8	0.27 5	0.12 2	0.10 7	0.07 6	0.09 2	0.06 1	0.12 2	0.15 3
7	0.076	0.153	0.18 3	0.13 7	0.15 3	0.16 8	0.03 1	0.24 4	0.12 2	0.15 3	0.16 8	0.16 8	0.03 1	0.18 3	0.10 7	0.07 6	0.09 2	0.06 1	0.18 3	0.15 3
8	0.229	0.153	0.12 2	0.16 8	0.15 3	0.13 7	0.03 1	0.24 4	0.18 3	0.15 3	0.16 8	0.13 7	0.33 6	0.18 3	0.19 9	0.22 9	0.09 2	0.06 1	0.12 2	0.15 3
9	0.229	0.153	0.12 2	0.16 8	0.15 3	0.16 8	0.33 6	0.06 1	0.18 3	0.15 3	0.16 8	0.13 7	0.27 5	0.18 3	0.10 7	0.38 2	0.21 4	0.24 4	0.12 2	0.15 3
10	0.076	0.153	0.18 3	0.16 8	0.15 3	0.13 7	0.27 5	0.06 1	0.18 3	0.15 3	0.16 8	0.13 7	0.03 1	0.12 2	0.10 7	0.07 6	0.21 4	0.24 4	0.18 3	0.15 3
11	0.382	0.153	0.18 3	0.13 7	0.15 3	0.16 8	0.03 1	0.06 1	0.18 3	0.15 3	0.16 8	0.16 8	0.64 2	0.18 3	0.19 9	0.07 6	0.21 4	0.06 1	0.18 3	0.15 3
12	0.382	0.153	0.12 2	0.13 7	0.15 3	0.13 7	0.27 5	0.24 4	0.12 2	0.15 3	0.13 7	0.16 8	0.03 1	0.12 2	0.10 7	0.38 2	0.09 2	0.36 7	0.12 2	0.15 3
13	0.076	0.153	0.12 2	0.13 7	0.15 3	0.13 7	0.33 6	0.06 1	0.12 2	0.15 3	0.13 7	0.13 7	0.27 5	0.18 3	0.19 9	0.22 9	0.09 2	0.06 1	0.12 2	0.15 3
14	0.229	0.153	0.18 3	0.16 8	0.15 3	0.16 8	0.03 1	0.24 4	0.12 2	0.15 3	0.13 7	0.13 7	0.03 1	0.12 2	0.10 7	0.07 6	0.09 2	0.36 7	0.12 2	0.15 3
15	0.229	0.153	0.18 3	0.47 4	0.15 3	0.16 8	0.27 5	0.06 1	0.12 2	0.15 3	0.13 7	0.13 7	0.27 5	0.18 3	0.10 7	0.07 6	0.21 4	0.36 7	0.12 2	0.15 3
16	0.076	0.153	0.12 2	0.16 8	0.15 3	0.16 8	0.33 6	0.36 7	0.18 3	0.15 3	0.16 8	0.16 8	0.03 1	0.12 2	0.19 9	0.38 2	0.21 4	0.06 1	0.18 3	0.15 3

Jadual 4.11 (sambungan)

PAKAR	ITEM BAHAGIAN B																			
	B1.1	B1.2	B1.3	B1.4	B1.5	B2.1	B2.2	B2.3	B2.4	B2.5	B2.6	B3.1	B3.2	B3.3	B3.4	B4.1	B4.2	B4.3	B4.4	B4.5
17	0.229	0.153	0.12 2	0.13 7	0.15 3	0.16 8	0.03 1	0.06 1	0.18 3	0.15 3	0.16 8	0.16 8	0.33 6	0.18 3	0.10 7	0.22 9	0.21 4	0.24 4	0.18 3	0.15 3
18	0.076	0.153	0.12 2	0.13 7	0.15 3	0.13 7	0.27 5	0.06 1	0.12 2	0.15 3	0.16 8	0.16 8	0.03 1	0.12 2	0.10 7	0.22 9	0.09 2	0.24 4	0.18 3	0.15 3
19	0.076	0.153	0.12 2	0.13 7	0.15 3	0.13 7	0.27 5	0.06 1	0.12 2	0.15 3	0.13 7	0.13 7	0.03 1	0.18 3	0.10 7	0.22 9	0.09 2	0.06 1	0.12 2	0.15 3
20	0.229	0.153	0.18 3	0.13 7	0.15 3	0.13 7	0.03 1	0.36 7	0.12 2	0.15 3	0.13 7	0.13 7	0.27 5	0.12 2	0.10 7	0.22 9	0.09 2	0.24 4	0.12 2	0.15 3

Jadual 4.12

Nilai Threshold, 'd' untuk item soal selidik Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah

PAKAR	ITEM															
	C 1.1	C 1.2	C1.3	C1.4	C1.5	C1.6	C1.7	C2.1	C2.2	C2.3	C2.4	C3.1	C3.3	C3.3	C4.1	C4.2
1	0.168	0.09 2	0.15 3	0.12 2	0.18 3	0.07 6	0.15 3	0.01 5	0.10 7	0.01 5	0.10 7	0.09 2	0.07 6	0.42 8	0.10 7	0.15 3
2	0.137	0.09 2	0.15 3	0.12 2	0.18 3	0.38 2	0.15 3	0.01 5	0.19 9	0.29 0	0.10 7	0.21 4	0.38 2	0.18 3	0.19 9	0.15 3
3	0.168	0.39 7	0.15 3	0.12 2	0.18 3	0.22 9	0.15 3	0.32 1	0.19 9	0.32 1	0.19 9	0.09 2	0.07 6	0.18 3	0.10 7	0.15 3
4	0.168	0.21 4	0.45 8	0.12 2	0.12 2	0.22 9	0.15 3	0.01 5	0.19 9	0.29 0	0.41 2	0.09 2	0.07 6	0.12 2	0.10 7	0.15 3
5	0.168	0.21 4	0.15 3	0.18 3	0.12 2	0.07 6	0.15 3	0.29 0	0.10 7	0.01 5	0.10 7	0.21 4	0.22 9	0.12 2	0.10 7	0.15 3
6	0.168	0.39 7	0.15 3	0.18 3	0.12 2	0.38 2	0.15 3	0.01 5	0.10 7	0.29 0	0.10 7	0.21 4	0.07 6	0.18 3	0.10 7	0.15 3
7	0.137	0.09 2	0.15 3	0.18 3	0.12 2	0.22 9	0.15 3	0.32 1	0.10 7	0.01 5	0.10 7	0.09 2	0.38 2	0.18 3	0.19 9	0.15 3
8	0.137	0.09 2	0.15 3	0.18 3	0.18 3	0.07 6	0.15 3	0.29 0	0.19 9	0.01 5	0.19 9	0.39 7	0.07 6	0.18 3	0.19 9	0.15 3
9	0.137	0.09 2	0.15 3	0.18 3	0.18 3	0.07 6	0.15 3	0.29 0	0.19 9	0.32 1	0.19 9	0.21 4	0.07 6	0.12 2	0.19 9	0.15 3
10	0.137	0.09 2	0.15 3	0.12 2	0.18 3	0.22 9	0.15 3	0.01 5	0.19 9	0.29 0	0.10 7	0.09 2	0.22 9	0.12 2	0.10 7	0.15 3
11	0.137	0.21 4	0.15 3	0.12 2	0.18 3	0.07 6	0.15 3	0.01 5	0.41 2	0.01 5	0.19 9	0.09 2	0.22 9	0.18 3	0.10 7	0.15 3
12	0.137	0.21 4	0.15 3	0.12 2	0.12 2	0.07 6	0.15 3	0.01 5	0.41 2	0.32 1	0.19 9	0.21 4	0.22 9	0.12 2	0.19 9	0.15 3
13	0.137	0.21 4	0.15 3	0.12 2	0.12 2	0.22 9	0.15 3	0.29 0	0.41 2	0.32 1	0.10 7	0.21 4	0.07 6	0.18 3	0.19 9	0.15 3

Jadual 4.12 (sambungan)

PAKAR	ITEM															
	C 1.1	C 1.2	C1.3	C1.4	C1.5	C1.6	C1.7	C2.1	C2.2	C2.3	C2.4	C3.1	C3.3	C3.3	C4.1	C4.2
14	0.168	0.09 2	0.15 3	0.12 2	0.12 2	0.22 9	0.15 3	0.29 0	0.19 9	0.29 0	0.10 7	0.09 2	0.07 6	0.12 2	0.19 9	0.15 3
15	0.168	0.09 2	0.15 3	0.12 2	0.12 2	0.07 6	0.15 3	0.32 1	0.10 7	0.01 5	0.19 9	0.21 4	0.07 6	0.12 2	0.10 7	0.15 3
16	0.168	0.21 4	0.15 3	0.18 3	0.12 2	0.07 6	0.15 3	0.29 0	0.19 9	0.29 0	0.10 7	0.21 4	0.22 9	0.18 3	0.10 7	0.15 3
17	0.168	0.21 4	0.15 3	0.18 3	0.18 3	0.22 9	0.15 3	0.32 1	0.10 7	0.32 1	0.19 9	0.09 2	0.22 9	0.12 2	0.41 2	0.15 3
18	0.137	0.21 4	0.15 3	0.18 3	0.18 3	0.07 6	0.15 3	0.01 5	0.10 7	0.01 5	0.10 7	0.09 2	0.22 9	0.18 3	0.10 7	0.15 3
19	0.137	0.09 2	0.15 3	0.12 2	0.42 8	0.22 9	0.15 3	0.01 5	0.19 9	0.32 1	0.10 7	0.09 2	0.07 6	0.12 2	0.10 7	0.15 3
20	0.137	0.09 2	0.15 3	0.12 2	0.12 2	0.38 2	0.15 3	0.32 1	0.19 9	0.29 0	0.19 9	0.39 7	0.07 6	0.12 2	0.19 9	0.15 3
<b>Nilai d setiap item</b>	<b>0.151</b>	<b>0.17 1</b>	<b>0.16 8</b>	<b>0.14 7</b>	<b>0.16 5</b>	<b>0.18 3</b>	<b>0.15 3</b>	<b>0.17 4</b>	<b>0.19 9</b>	<b>0.20 3</b>	<b>0.15 9</b>	<b>0.17 1</b>	<b>0.16 0</b>	<b>0.16 5</b>	<b>0.15 9</b>	<b>0.15 3</b>

Dengan merujuk jadual 4.12, nilai *threshold* keseluruhan ('d') bagi item dalam soal selidik ini dapat dihitung seperti berikut :

$$[560 (\text{jawapan jumlah pakar}) - 80 (\text{jumlah jawapan lebih dari 0.2}) / 560 ] \times 100 = 85.71 \%$$

Ini bermakna dalam kajian ini nilai *threshold* ('d') adalah melebihi 75% yang menunjukkan bahawa pakar telah mencapai kata sepakat yang diperlukan dalam pandangan mereka untuk semua item dalam soal selidik Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah. Namun, jika hasil nilai *threshold* ('d') kurang daripada 75%, maka proses Fuzzy Delphi akan dijalankan untuk pusingan yang kedua. Ini bermaksud, pakar-pakar perlu menjawab sekali lagi soal selidik dan proses ini mungkin berlaku dalam beberapa pusingan sehingga kesepakatan pakar di capai.

5. Menentukan kesepakatan kumpulan. Peratusan kumpulan mestilah melebihi 75%.
6. Menentukan aggregate *Fuzzy evaluation* dengan cara menambah semua nombor fuzzy.
7. Proses *Defuzzification*. Proses ini bertujuan untuk menentukan kedudukan (ranking) bagi setiap pembolehubah/sub-pembolehubah. Terdapat rumus yang diaplikasikan :

$$A_{\max} = 1/3 * (a_1 + a_m + a_2)$$

Wei-Ming, dan Chu-Chiao Chen (2012) menyatakan bahawa setiap kajian mempunyai kumpulan yang tertentu. Kajian menetapkan untuk memilih item hanya dalam lingkungan skala linguistik iaitu setuju dan sangat setuju dari skala likert point 5. Analisis dapatan dilapor berdasarkan kedudukan tertinggi item bagi setiap konstruk seperti berikut.

**Kesesuaian Aktiviti Pembelajaran berasaskan sumber Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran dan pembelajaran.**

Dapatan ini telah dijalankan terhadap 20 orang pakar yang terpilih daripada bidang yang berkaitan dengan Pendidikan Prasekolah dan Orang Asli. Kesemua 20 orang pakar telah menjawab soal selidik yang lengkap diterima dan dianalisis. Dapatan analisis terhadap kesesuaian penggunaan Lagu Sewang dalam aktiviti pembelajaran didalam bilik darjah di tunjukkan dalam jadual 4.10.

*Jadual 4.13*

Kesepakatan pakar terhadap Aktiviti Pembelajaran yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada kreativiti nyanyian.

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification	Skor
Kesesuaian aktiviti pembelajaran Prabacaan	1.1 Pengalaman konkrit kepada murid	10	14	18	0.700	3
	1.2 Kreativiti nyanyian sewang melalui pengalaman sebenar	10.4	14.4	18.4	0.720	1
	1.3 Murid terlibat secara aktif	8.6	12.6	16.6	0.630	6
	1.4 Kreativiti nyanyian sewang berkait dengan membaca	9.2	13.2	17.2	0.660	5
	1.5 Nyanyian sewang berlatarbelakangkan orang asli	10.2	14.2	18.2	0.710	2
	1.6 Meningkatkan pengalaman daripada budaya	9.4	13.4	17.4	0.670	4

Berdasarkan jadual 4.13 menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran yang berasaskan Lagu Sewang dapat membantu penglibatan murid secara aktif dalam pembelajaran berada di kedudukan pertama dalam senarai keutamaan pakar berdasarkan kesepakatan persetujuan dengan nilai *defuzzification* 0.72 manakala sub item yang paling rendah iaitu

murid menjadi pendengar dan pemerhati yang reflektif berada di kedudukan yang paling rendah dalam tahap kesepakatan persetujuan pakar dengan nilai *defuzzification* 0.630.

Kedudukan bagi setiap sub-item ini ditunjukkan dalam jadual 4.14.

*Jadual 4.14*

Kesepakatan pakar terhadap Aktiviti Pembelajaran yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek persekitaran.

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			<i>Defuzzification</i>	Skor
Kesesuaian aktiviti pembelajaran Prabacaan	2.1 Menjadi pemerhati yang reflektif	9.2	13.2	17.2	0.660	2
	2.2 Mendengar nyanyian dalam pdp	9.6	13.6	17.6	0.68	1
	2.3 Pembelajaran berasaskan persekitaran	9.2	13.2	17.2	0.660	2
	2.4 Mendengar lagu berasaskan budaya asal	9.0	13.0	17.0	0.650	3

Berdasarkan jadual 4.14 menunjukkan sub-item mendengar nyanyian dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah berada di kedudukan pertama dalam senarai keutamaan pakar berdasarkan kesepakatan persetujuan dengan nilai *defuzzification* 0.68 manakala sub item yang paling rendah iaitu mendengar lagu berasaskan budaya asal berada di kedudukan paling rendah dengan nilai *defuzzification* 0.65.

Jadual 4.15

Kesepakatan pakar terhadap Aktiviti Pembelajaran yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek penglibatan murid.

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy	Defuzzification	Skor
Kesesuaian aktiviti pembelajaran Prabaca	3.1 Belajar membaca secara sistematik	9 13 17	0.650	2
	3.2 Kemahiran Prabacaan secara logik	8.4 12.4 16.4	0.620	4
	3.3 Eksperimentasi aktif berlaku melalui kreativiti sewang	8.8 12.8 16.8	0.640	3
	3.4 Penglibatan secara langsung murid	7.8 11.8 15.8	0.650	2
	3.5 Belajar Prabacaan dalam penglibatan aktiviti Lagu sewang	9.6 13.6 17.6	0.680	1

Berdasarkan jadual 4.15 di atas menunjukkan sub-item belajar prabacaan dalam penglibatan aktiviti Lagu Sewang berada pada kedudukan yang tertinggi dengan nilai *defuzzification* 0.68 manakala sub-item kemahiran Prabacaan secara logik berada pada kedudukan paling rendah dengan nilai *defuzzification* 0.62. Ini menunjukkan kesemua pakar sangat bersetuju terhadap item tertinggi tersebut.

Secara keseluruhannya, Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah diringkaskan melalui jadual di bawah. Nilai *defuzzification* dan kedudukan (ranking) untuk kesemua item soal selidik bahagian A yang terlibat. Kedudukan item menunjukkan bagaimana tahap kesepakatan persetujuan pakar berkaitan dengan item tersebut.



Jadual 4.16

Kesepakatan pakar terhadap keseluruhan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Prabacaan bagi kanak-kanak Prasekolah bagi item Aktiviti Pembelajaran.

Item	Defuzzification	Skor
Kreativiti Lagu Sewang dalam pengalaman konkrit murid	0.681	1
Pembelajaran berasaskan persekitaran budaya setempat	0.662	2
Lagu Sewang dalam kemahiran prabacaan secara sistematik dan logik	0.648	3

Dapatan analisis kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa item Kreativiti Lagu Sewang dalam pengalaman konkrit murid berada pada kedudukan yang pertama dengan nilai *defuzzification* 0.681 diikuti dengan pembelajaran berasaskan budaya setempat dengan nilai *defuzzification* 0.662. Bagi item Lagu Sewang dalam kemahiran Prabacaan secara sistematik dan logik berada pada kedudukan yang ketiga dengan nilai *defuzzification* 0.648. Ini bermakna kesemua pakar mencapai kesepakatan persetujuan untuk sangat bersetuju dengan item-item dalam bahagian Aktiviti Pembelajaran dengan nilai  $\alpha$ -cut melebihi 0.5.

### **Kemahiran-Kemahiran Prabacaan Berasaskan Lagu Sewang Yang Sesuai**

#### **Dijadikan Sumber Kurikulum Pengajaran**

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian Fuzzy Delphi yang menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi bagi mendapatkan konsensus pakar. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan persetujuan pakar bagi item bahagian kedua iaitu Kemahiran-kemahiran Prabacaan berasaskan Lagu Sewang. Dapatan analisis akan dibincangkan mengikut sub-item yang berikut :

Jadual 4.17

Kesepakatan pakar terhadap Kemahiran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek mengenal huruf vokal.

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification	Skor
Kemahiran Prabacaan mengenal huruf vokal	1.1 Kemahiran menyebut huruf vokal	9.0	13.0	17.0	0.65	4
	1.2 Kemahiran membunyikan huruf vokal	10.0	14.0	18.0	0.70	3
	1.3 Menyanyi sambil menyebut huruf vokal	10.4	14.4	18.4	0.72	1
	1.4 Menyanyi dan membuat pergerakan huruf vokal	10.2	14.2	18.2	0.71	2
	1.5 Kemahiran Pratulisan huruf vokal dalam Lagu Sewang	10.0	14.0	18.0	0.70	3

Jadual 4.17 menunjukkan bahawa sub-item menyanyi Lagu Sewang sambil menyebut huruf vokal berada pada kedudukan tertinggi dengan nilai *defuzzification* 0.72 manakala bagi sub-item kemahiran menyebut huruf vokal berada pada tahap kedudukan yang paling rendah dengan nilai *defuzzification* 0.65.

Jadual 4.18

Kesepakatan pakar terhadap Kemahiran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek mengenal huruf abjad.

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification	Skor
Kemahiran Prabacaan mengenal huruf abjad	2.1 Kemahiran mengenalpasti dan menyebut huruf abjad	9.8	13.8	17.8	0.690	2
	2.2 Kemahiran menyebut huruf abjad	8.4	12.4	16.4	0.62	5
	2.3 Menyanyi sambil menyebut huruf abjad	8.8	12.8	16.8	0.64	4
	2.4 Menyanyi dan membuat pergerakan huruf abjad	9.6	13.6	17.6	0.68	3
	2.5 Lagu Babola babo dalam mengenal huruf abjad	10.0	14.0	18.0	0.70	1
	2.6 Kemahiran Pratulisan huruf abjad dalam Lagu Sewang	9.8	13.8	17.6	0.690	2

Berdasarkan jadual 4.18 menunjukkan bahawa sub-item penggunaan Lagu Sewang Babola Babo dalam kemahiran mengenal huruf abjad berada pada tahap kedudukan paling tinggi dengan nilai *defuzzification* 0.70 dan melebihi 0.6 iaitu telah mencapai konsensus pakar manakala sub-item kemahiran menyebut huruf abjad berada pada kedudukan paling rendah dengan nilai *defuzzification* 0.62.

Jadual 4.19

Kesepakatan pakar terhadap Kemahiran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek membaca perkataan dengan suku kata terbuka.

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification	Skor
Kemahiran Prabacaan membaca suku kata terbuka	3.1 Kemahiran membunyikan suku kata terbuka guna lagu Panas Siang	9.8	13.8	17.8	0.690	1
	3.2 Membaca suku kata terbuka dengan nyanyian dan pergerakan sewang	8.4	12.4	16.4	0.620	4
	3.3 Menyanyi suku kata mengikut melodi lagu panas siang	9.6	13.6	17.6	0.680	2
	3.4 Kemahiran membaca suku kata terbuka dalam lirik lagu	9.4	13.4	17.4	0.670	3

Jadual 4.19 menunjukkan bahawa sub-item kemahiran membunyikan suku kata terbuka guna lagu Panas Siang berada pada kedudukan paling tinggi dengan nilai *defuzzification* 0.69 manakala sub-item membaca suku kata terbuka dengan nyanyian dan pergerakan sewang berada pada kedudukan paling rendah dengan nilai *defuzzification* 0.620.

Jadual 4.20

Kesepakatan pakar terhadap Kemahiran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek membaca perkataan dengan suku kata tertutup.

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification	Skor
Kemahiran Prabacaan membaca suku kata tertutup	4.1 Kemahiran membunyikan suku kata tertutup guna lagu Bungak Alam Ye	9	13	17	0.650	4
	4.2 Membaca suku kata tertutup dengan nyanyian dan pergerakan sewang	9.2	13.2	17.2	0.660	3
	4.3 Menyanyi suku kata mengikut melodi lagu panas siang	8.8	12.8	16.8	0.640	5
	4.4 Kemahiran membaca suku kata terbuka dalam lirik lagu	10.4	14.4	18.4	0.72	1
	4.5 Kemahiran membaca perkataan suku kata tertutup	10.0	14.0	18.0	0.70	2

Jadual 4.20 menunjukkan bahawa sub-item kemahiran membaca suku kata terbuka dalam lirik Lagu Sewang berada pada tahap kedudukan yang tertinggi dengan nilai *defuzzification* 0.72 manakala kemahiran menyanyi suku kata mengikut melodi lagu panas siang berada pada tahap kedudukan rendah dengan nilai *defuzzification* 0.640.

Jadual 4.21

Kesepakatan pakar terhadap keseluruhan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Prabacaan bagi kanak-kanak Prasekolah bagi item kemahiran Prabacaan

<b>Item</b>	<b>Defuzzification</b>	<b>Skor</b>
Mengenal huruf vokal	0.696	3
Mengenal huruf abjad	0.670	2
Membaca perkataan dengan suku kata terbuka	0.665	4
Membaca perkataan dengan suku kata tertutup	0.674	1

Jadual 4.21 menunjukkan secara keseluruhan kesemua item-item bagi konstruk Kemahiran Prabacaan berasaskan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli memperoleh nilai defuzzification yang melebihi nilai minimum iaitu 0.60. Item yang berada pada kedudukan tertinggi ialah membaca perkataan dengan suku kata tertutup dengan nilai *defuzzification* 0.674, item mengenal huruf abjad dengan nilai defuzzification 0.670, diikuti oleh mengenal huruf vokal dengan nilai defuzzification 0.696, dan bagi item membaca perkataan dengan suku kata terbuka dengan nilai defuzzification 0.665. Secara keseluruhannya pakar mencapai kesepakatan persetujuan dengan sangat setuju terhadap semua item dalam konstruk aspek Kemahiran Prabacaan berasaskan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli.

## Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Pada bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian Fuzzy Delphi yang menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi bagi mendapatkan konsensus pakar. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan persetujuan daripada pakar bagi setiap sub-item dalam konstruk ini.

*Jadual 4.22*

Kesepakatan pakar terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek Budaya Masyarakat Setempat.

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification	Skor
Strategi Pembelajaran dalam Aspek Budaya Masyarakat Setempat	1.1 Proses pembelajaran melalui <i>Trans-generasi</i>	10.2	14.2	18.2	0.719	1
	1.2 Melalui pengalaman sedia ada murid	9.2	13.2	17.2	0.660	4
	1.3 Proses penyerapan kemahiran Prabacaan	10	14	18	0.700	2
	1.4 Amalan perkongsian budaya pribumi	9.6	13.6	17.6	0.680	3
	1.5 Strategi pembelajaran berpusatkan murid	9.6	13.6	17.6	0.680	3
	1.6 Strategi belajar melalui bermain	9.0	13.0	17.0	0.650	5
	1.7 Lagu tradisi yang bermakna	10.0	14.0	18.0	0.700	2

Jadual 4.22 menunjukkan 7 sub-item kedudukan tinggi dengan nilai *defuzzification* 0.719 iaitu dari sub-item proses pembelajaran melalui *Trans-generasi*. Bagi kedudukan tahap rendah mendapati dengan nilai *defuzzification* 0.650 dari sub-item strategi belajar melalui bermain.

Jadual 4.23

Kesepakatan pakar terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek pembelajaran berpusatkan murid, kontekstual, dan kecerdasan pelbagai.

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification	Skor	
Strategi Pembelajaran dalam Aspek pembelajaran bermusikan murid	2.1	Kepelbagaian ransangan untuk kecerdasan bahasa	8.2	12.2	16.2	0.610	2
	2.2	Persekitaran pembelajaran sosio-budaya orang asli	9.4	13.4	17.4	0.670	1
	2.3	Proses penggabungjalinkan pengalaman sedia ada dengan kemahiran Prabacaan	8.2	12.2	16.2	0.610	2

Jadual 4.23 menunjukkan item dalam konstruk Strategi pengajaran dan pembelajaran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang. Sub-item strategi pembelajaran berdasarkan Persekitaran pembelajaran sosio-budaya orang asli menunjukkan kedudukan nilai *defuzzification* yang paling tinggi iaitu 0.670 manakala sub-item kepelbagaian ransangan untuk kecerdasan bahasa dan proses penggabungjalinkan pengalaman sedia ada dengan kemahiran Prabacaan masing-masing pada kedudukan kedua dengan nilai *defuzzification* 0.610.



Jadual 4.24

Kesepakatan pakar terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada aspek integrasi antara disiplin

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification	Skor
Strategi Pembelajaran dalam Aspek integrasi antara disiplin	3.1 Keterangkuman pembelajaran abad ke-21	9.4	13.4	17.4	0.670	1
	3.2 Pendekatan bertema menerusi budaya orang asli	9.2	13.2	17.2	0.660	2
	3.3 Proses pemerolehan ilmu baharu melalui nyanyian sewang	9.0	13.0	17.0	0.650	3

Berdasarkan jadual 4.24 telah menunjukkan sb-item keterangkuman pembelajaran Prabacaan menerusi Lagu Sewang telah mencapai konsensus pakar dengan nilai *defuzzification* 0.67 manakala sub-item proses pemerolehan ilmu baharu melalui nyanyian sewang pada kedudukan yang rendah iaitu nilai *defuzzification* 0.650.

Jadual 4.25

Kesepakatan pakar terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan yang sesuai dengan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran memberi fokus kepada pengajaran *multigrade*

Aspek	Item	Penilaian Fuzzy			Defuzzification	Skor
Strategi Pembelajaran – pengajaran <i>multigrade</i>	4.1 Pembelajaran berasaskan projek berorientasikan dunia sebenar orang asli	9.6	13.6	17.6	0.680	2
	4.2 Pendekatan Didik Hibur melalui nyanyian sewang	9.4	13.4	17.4	0.670	3
	4.3 Proses pembelajaran melalui <i>learning-by-doing</i>	10.0	14.0	18.0	0.700	1

Jadual 4.25 menunjukkan bahawa sub-item bagi Proses pembelajaran melalui *learning-by-doing* berada pada tahap kedudukan tinggi dengan nilai *defuzzification* 0.700 manakala bagi sub-item pendekatan Didik Hibur melalui nyanyian sewang berada pada tahap kedudukan rendah iaitu nilai *defuzzification* 0.670.

Secara keseluruhannya Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah diringkaskan melalui jadual di bawah. Nilai *defuzzification* dan kedudukan (*ranking*) untuk semua item soal selidik yang terlibat. Kedudukan keutamaan item menunjukkan bagaimana tahap kesepakatan persetujuan pakar berkaitan dengan item tersebut.

*Jadual 4.26*

Kesepakatan pakar terhadap keseluruhan Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Prabacaan bagi Kanka-kanak Prasekolah bagi item Strategi pengajaran dan pembelajaran

<b>Item</b>	<b><i>Defuzzification</i></b>	<b>Skor</b>
Pengajaran berasaskan budaya masyarakat setempat	0.682	2
Pengajaran berpusatkan murid, konstekstual	0.630	4
Integrasi antara disiplin	0.660	3
Pengajaran <i>Multigrade</i>	0.683	1

Dapatan analisis kajian dalam jadual 4.26 secara keseluruhannya menunjukkan bahawa item pengajaran secara *multigrade* berada pada tahap yang pertama dengan nilai *defuzzification* 0.683 diikuti dengan pengajaran berasaskan budaya masyarakat setempat dengan nilai *defuzzification* 0.682. Seterusnya item integrasi antara disiplin pada kedudukan yang ketiga dengan nilai *defuzzification* 0.660 dan terakhir sekali Pengajaran berpusatkan murid, konstekstual berada pada kedudukan paling rendah iaitu 0.630. Ini bermakna, pakar mencapai kesepakatan persetujuan untuk sangat setuju terhadap

kesemua item dalam konstruk Strategi pengajaran dan pembelajaran berasaskan Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah.

Hasil dapatan analisis data ini menunjukkan bahawa elemen-elemen dalam kajian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai sumber Kurikulum Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah telah dapat diterima oleh kesemua pakar. Pakar-pakar bersetuju dan mencapai kesepakatan terhadap elemen-elemen tersebut.

#### **4.4 Kesimpulan**

Dalam bab ini telah menghuraikan dapatan kajian hasil daripada kajian yang telah dijalankan iaitu sorotan literatur, temubual dan *Fuzzy Delphi*. Hasil temubual merumuskan bahawa Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli yang terpilih adalah sesuai untuk dijadikan sebagai sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran kemahiran Prabacaan untuk kanak-kanak Prasekolah. Dapatan dan analisis kajian Fuzzy Delphi mendapati bahawa kesemua pakar telah mencapai konsensus dalam pandangan mereka terhadap kesemua item soal selidik.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Dalam bab ini akan membincangkan ringkasan kajian, dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan. Ringkasan kajian ini akan meliputi pernyataan masalah, tujuan kajian, kaedah kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data.

#### **5.2 Ringkasan Kajian**

Secara amnya Pendidikan Prasekolah menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum masuk ke Tahun Satu di sekolah formal tidak terkecuali golongan orang asli Pembangunan et al., (2017). Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan 2017 (DKSPK) menyatakan Pendidikan Prasekolah merupakan merupakan pengalaman awal yang paling penting di dunia pendidikan. Kurikulum berasaskan standard yang diterjemahkan dalam KSPK 2017 mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran. DSKP yang dihasilkan dengan mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 termasuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Dalam Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia, kemahiran bahasa membaca dalam Standard Kandungannya termasuklah :-

- i. BM 2.1 Menguasai kemahiran Prabacaan

- ii. BM 2.2 Mengenal huruf abjad termasuklah menyebut dan membunyikan huruf vokal dan mengenalpasti dan menyebut huruf kecil dan huruf besar
- iii. BM 2.3 Membina dan membaca suku kata dan perkataan termasuklah suku kata terbuka dan tertutup.
- iv. BM 2.4 Membaca dan memahami frasa ayat

Dalam DKSPK ini Tunjang Komunikasi menekankan kepada kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi yang mengandungi disiplin ilmu bahasa yang wajib dipelajari oleh semua murid prasekolah iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dalam KSPK (2017) juga menekankan spek seni bahasa yang ditekankan merujuk kepada keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur melalui pelbagai aktiviti dan permainan bahasa seperti nyanyian, bercerita, berlakon dan berpuisi.

Masalah pendidikan masyarakat orang asli sering menjadi isu dan punca mereka tidak dapat menguasai pembelajaran seiring dengan kanak-kanak lain. Pelbagai inisiatif daripada pelbagai pihak untuk menyelesaikan kemelut ini. Kementerian Pendidikan Malaysia menyelitikan pengetahuan kemahiran hidup yang sesuai dengan keperluan seharian Orang Asli bagi murid lemah dan tidak menguasai kemahiran asas 3M serta berkemungkinan tidak akan menamatkan pelajaran. Dalam mencapai hasrat kerajaan yang selari dengan matlamat KSPK yang bertujuan memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk

menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya adalah amat bertepatan sekali dengan kajian ini.

Justeru, selaras dengan keperluan ini kajian ini mendapati bahawa Kemahiran Prabaca amat penting untuk dikuasai oleh setiap kanak-kanak Prasekolah golongan masyarakat orang asli sebagai persediaan sebelum masuk ke tahun 1. Maka tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan isi kandungan sumber Kurikulum pengajaran dan pembelajaran Prabaca Kanak-kanak Prasekolah masyarakat orang asli berasaskan Lagu Sewang. Pada peringkat pertama kajian ini dijalankan dengan mengumpulkan sorotan literatur lalu kemudian mengadakan temubual. Responden bagi temubual kajian ini terdiri daripada guru-guru Prasekolah, Pensyarah Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Pegawai orang asli dari Jakoa. Soalan temubual berstruktur di ajukan kepada responden melalui perjumpaan bersemuka di tempat kerja mereka. Data temubual dan sorotan literatur lalu yang di kutip digunakan untuk membangunkan dan membina soal selidik mengenai Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabaca Kanak-kanak Prasekolah.

Pada bahagian ke dua pula, seramai 20 orang pakar-pakar yang terdiri daripada pelbagai bidang yang berkaitan dengan kajian telah dipilih termasuklah guru-guru Prasekolah orang asli, pensyarah Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pensyarah Bahasa Malaysia, pegawai Jakoa, tokoh sewang, dan para pensyarah di Pusat Pedagogi Pribumi Kebangsaan untuk melontarkan pandangan dan pendapat serta menjawab soal selidik mengenai Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli sebagai Sumber Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabaca Kanak-kanak Prasekolah. Pakar-pakar berbincang dan menyatakan pandangan masing-masing seterusnya satu kesepakatan berkenaan kajian ini telah diperoleh. Pada peringkat seterusnya, data yang telah dikutip dan dikumpulkan itu

telah dianalisis menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi dan menghasilkan satu bentuk sumber kurikulum pengajaran baru dengan mencapai kesepakatan konsensus pakar.

### **5.3 Dapatan Kajian**

Perbincangan bahagian ini akan membincangkan rumusan hasil dapatan kajian temubual dan Fuzzy Delphi berdasarkan persoalan kajian yang berikut :

1. Apakah kesesuaian Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli dalam aktiviti pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar?
2. Adakah aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berpotensi dijadikan kurikulum pengajaran daripada Lagu Sewang Masyarakat Orang Asli berdasarkan pandangan pakar ?
3. Apakah strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai digunakan oleh guru di dalam bilik darjah untuk menjadikan Lagu Sewang masyarakat Orang Asli sebagai Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berdasarkan pandangan pakar?

#### **Kesesuaian Lagu Sewang dengan Aktiviti Pembelajaran Prabacaan**

Berdasarkan hasil temubual yang telah dijalankan terhadap lima orang pakar, antara sumber kurikulum pengajaran yang boleh didapati daripada nilai-nilai seni dan nilai budaya dan tradisi bagi kanak-kanak orang asli belajar adalah Lagu Sewang. Ini kerana seiring dengan lumrah dan kehidupan kanak-kanak yang gemarkan nyanyian dan pergerakan jadi amat bertepatan sekali untuk menggunakan lagu sewang dalam proses pembelajaran mereka. Selain itu, pakar juga bersetuju bahawa nyanyian daripada lagu-lagu tradisi sesebuah masyarakat orang asli itu sendiri dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan Prabacaan Kanak-kanak melalui kepelbagaian aktiviti pembelajaran

dan strategi pengajaran guru dalam kesesuaian Lagu Sewang sebagai kurikulum pengajaran Prabacaan. Tambahan pula dalam lagu sewang yang asal menggunakan bahasa ibunda kanak-kanak orang asli itu sendiri dan ini lebih dekat dengan suasana persekitaran mereka.

Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa lagu-lagu sewang yang sesuai ini mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk kanak-kanak prasekolah kerana mudah dinyanyikan, melodi yang rancak, lagu yang berulang-ulang, lagu yang menggemirakan, lagu yang senang dihafal, menyeronokkan serta dapat menarik minat kanak-kanak prasekolah untuk belajar membaca. Lagu sewang ini amat sesuai digunakan bagi tujuan kurikulum pengajaran bagi pengajaran kemahiran Prabacaan Kanak-kanak prasekolah orang asli. Pandangan ini adalah bertepatan dengan Rini Lestari (2011); Albaree Abdul (2019), aktiviti nyanyian perlu dilakukan dengan gaya bahasa yang mampu dihafal melalui lirik yang pendek dan sesuai kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik wajar digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membantu kanak-kanak mencapai perkembangan emosi yang memuaskan.

Dapatan menunjukkan bahawa bahan kurikulum pengajaran dan pembelajaran berasaskan Lagu Sewang yang telah dikaji memudahkan lagi kanak-kanak prasekolah orang asli dalam proses pembelajaran. Lagu memudahkan proses pembelajaran bahasa atas sebab strukturnya yang mudah dan berulang. Lagu membekalkan input bahasa di mana ia merupakan elemen penting dalam perolehan bahasa menurut Tiong Leh Ling & Zaidatun (2010); Vivi Anggraini, Yulsofriend (2019) menyatakan lagu dapat meningkatkan perkembangan bahasa kanak-kanak melalui menikmati lagu, rasa gembira ketika menyanyi dan menambahkan perbendaharaan kata kanak-kanak. Daripada hasil temubual didapati bahawa lagu sewang yang telah dipilih mempunyai unsur-unsur lagu yang mudah, berulang-ulang dan melodinya yang rancak sesuai untuk kanak-kanak



prasekolah. Menurut kajian Huey, Alias, Boon, Teng, & Mei (2016), nilai tradisi masyarakat Orang Asli adalah membudayakan kehidupan tradisional bersumberkan alam sekitar seperti pemeliharaan kehidupan selari dengan kehendak alam semula jadi dan nilai komersialisasi fizikal dalam memelihara nilai kehidupan tradisi.

Menurut Norhasyimah Hamzah, Roziyati Omar, Arihasnida Ariffin (2018) penggunaan kaedah nyanyian sesuai dipraktikkan dikalangan pelajar sekolah rendah kerana ianya bukan sahaja mampu menarik minat malahan dapat menambah daya ingatan pelajar menguasai sesuatu pembelajaran. Nyanyian dan pergerakan dapat mewujudkan suasana yang menyeronokkan dan menarik minat murid untuk belajar. Kanak-kanak berasa sangat teruja bersungguh- sungguh belajar untuk mengingat lirik dan melodi yang menggunakan kaedah nyanyian Ramlah bt Jantan et al., (2016) dalam kajian Saad (2011) menyatakan bahawa kanak-kanak berasa gembira dan seronok apabila menyanyi kerana nyanyian boleh merangsang minat kanak-kanak bagi mengikuti pengajaran guru, membantu menenangkan fikiran mereka dan memberi peluang mereka melakukan pergerakan.

#### **Aspek Kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berasaskan Lagu Sewang**

Daripada hasil kajian ini, kesemua aspek-aspek kemahiran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah dijadikan sebagai sumber kurikulum pengajaran di prasekolah telah mencapai kesepakatan pakar. Aspek kemahiran prabacaan mencapai kesepakatan pakar berpotensi dan amat sesuai untuk dibangunkan di dalam sumber kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berasaskan Lagu Sewang. Aspek kemahiran Prabacaan ini memberi fokus kepada kemahiran mengenal huruf abjad termasuk huruf vokal dan konsonan, membina dan membaca suku kata dan perkataan dan frasa.

Dapatan ini disokong oleh pengkaji Saad (2011);Reny Pantun (2016) menunjukkan bahawa kefahaman murid meningkat apabila menggunakan teknik nyanyian selain wujudnya sikap yang positif dalam kalangan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknik nyanyian. Penggunaan kaedah nyanyian ini dapat meningkatkan kemahiran membaca (vkv, kvkv, vkvk, kvkvk) murid prasekolah. Bagi unsur bunyi, meliputi unsur aliterasi, asonansi, skema rima dan irama atau rentak. (Juli Edo, 2006); (S. Nor, Harun, Nazri, & Rahman, 2017).

Justeru, konsensus pakar bersetuju bahawa aspek kemahiran Prabacaan termasuklah membunyikan dan membaca suku kata terbuka iaitu kv+kv, kv+kv+kv, kemahiran membaca perkataan dengan suku kata yang tertutup iaitu kvk, v+kvk, kv+kvk, kvk+kvk dimasukkan dalam kurikulum pengajaran Prabacaan berasaskan Lagu Sewang. Dapatan ini disokong oleh Saad (2011);Vivi Anggraini(2019) menggunakan kaedah nyanyian di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat menyelesaikan masalah murid prasekolah ini untuk membaca ialah perkataan yang bersuku kata terbuka dan tertutup (vkv, kvkv, vkvk, kvkvk) selain meningkatkan kosa kata dalam kalangan kanak-kanak melalui lagu.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran prabacaan menyebut dan membunyikan huruf vokal sesuai di jadikan kurikulum pengajaran dan pembelajaran menerusi penggunaan Lagu Sewang. Dalam kajian S. Ahmad (2015) menyatakan bahawa penguasaan kemahiran bacaan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah antara kaedah yang boleh digunakan adalah kaedah keseluruhan perkataan, Kaedah Abjad, Kaedah Fonik, kaedah gabungan bunyi kata dan lain-lain lagi.

Konsensus pakar menunjukkan bahawa Lee, W.C. Yew, A.M., Kong Sia, & K. L. Chan (2018) apabila anak-anak orang asli telah dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dengan baik sekaligus dapat meningkatkan taraf pendidikan dan

telah membuka minda masyarakat orang Asli terhadap pentingnya pendidikan pada masa kini. Kebanyakan anak-anak orang Asli telah ke sekolah dan mereka juga dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis seterusnya mencatat keputusan yang cemerlang seperti anak-anak masyarakat lain.

Antara kepentingan pendidikan dan penguasaan kemahiran Prabacaan yang lain juga di tulis oleh (Syazwani et al., 2015) menegaskan bahawa kebolehan seseorang dalam membaca dan menulis dan tahap literasi yang lebih tinggi seiring dengan perkembangan teknologi yang menjadi satu keperluan dalam kehidupan seharian untuk masyarakat arus perdana sahaja malah sangat penting bagi masyarakat peribumi dan orang asli di pedalaman dan perkampungan Teo et al., 2008; James & Margaret (2014). Ini dapat mengubah cara hidup manusia berkomunikasi, bekerja serta menjalankan perniagaan. Kaedah didik hibur juga adalah selari dengan fitrah murid prasekolah yang suka bermain, meneroka dan berlatih bahasa Mahzan, (2012) dan Ramlah (2013). Penggunaan boneka Loy Chee Luen (2011); Ramlah (2016) dalam pengajaran dan pembelajaran dapat melatih murid prasekolah dalam berbahasa dan menyemai kreativiti (Ramlah bt Jantan et al., 2016).

Dapatan kajian oleh Nor et al., (2018) menyatakan pendidikan bukan sahaja boleh menyediakan mereka dengan kebolehan menulis, membaca dan mengira, malah dapat mendedahkan kepada mereka tentang pengetahuan dan nilai-nilai baru yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan memajukan diri dalam masyarakat. Kenyataan ini juga adalah selari dengan kajian Afizi et al., (2014) pelajar Orang Asli telah mulai sedar bahawa melalui pendidikan mereka bukan sahaja mampu membawa kepada perubahan dan kemajuan diri sendiri, malah dapat membantu mengubah nasib keluarga dan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya Nor et al., (2018). Guru perlu menunjukkan kesungguhan untuk belajar amalan baharu dalam pengajaran dan bersedia menerima

perubahan dalam kurikulum yang digubal menurut Abdul Rasid Jamian (2011); berpandangan sebagai pelaksana kurikulum, guru perlu mengambil berat tentang objektif kurikulum yang digubal bagi membolehkan hasrat kerajaan tercapai. Kemampuan pelajar membaca bergantung kepada kemampuan guru belum efektif dalam memilih dan menerapkan strategi yang tepat (Murti, 2019).

### **Strategi pengajaran guru dalam Kurikulum Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah**

Kajian ini juga mendapati bahawa pakar mencapai kesepakatan mengenai strategi pengajaran guru yang sesuai di gunakan dalam kurikulum pengajaran Prabacaan Kanak-kanak prasekolah berasaskan Lagu Sewang masyarakat orang asli ini. Kesemua strategi pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan dalam kajian ini adalah sesuai bagi pembinaan sumber kurikulum pengajaran dan pembelajaran prabacaan bagi kanak-kanak prasekolah orang asli.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat strategi pengajaran yang utama sesuai dibangunkan untuk kanak-kanak prasekolah orang asli termasuklah strategi pengajaran berasaskan masyarakat setempat, pembelajaran berpusatkan murid, integrasi disiplin dan pengajaran *multigrade*. Konsensus pakar menunjukkan elemen-elemen strategi pengajaran berasaskan budaya masyarakat setempat sesuai dibangunkan dalam sumber kurikulum Prabacaan Kanak-kanak Prasekolah berasaskan Lagu sewang masyarakat orang asli. Alias Abd Gahni (2015) strategi ini meliputi pembelajaran melalui pengalaman sedia ada murid melalui penyerapan, amalan perkongsian budaya pribumi, strategi belajar melalui bermain dan menggunakan lagu tradisi yang bermakna orang asli. Anuar (2012); W.Nurzuliana (2019) menegaskan strategi belajar sambil bermain berkesan dalam meningkatkan kemahiran kanak-kanak dalam mengenal huruf vokal

malah guru perlu bijak memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang dapat memberi kefahaman kepada murid.

Menurut S. A. B. S. Ahmad, (2015) pula kaedah mengajar yang sesuai perlu dilaksanakan oleh guru agar kemahiran bacaan yang bakal dikuasai oleh kanak-kanak berlaku dengan mudah dan berkesan. Yahya Othman et al., (2012); Ayob (2017) bahan interaktif meningkatkan keupayaan membaca kanak-kanak untuk mencapai matlamat meningkatkan kemahiran bacaan kanak-kanak, kaedah mengajar yang sesuai perlu diamalkan oleh guru agar proses penguasaan kemahiran tersebut dapat berlaku dengan mudah dan berkesan.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan elemen strategi pengajaran berpusatkan murid yang dipersetujui dan mendapat konsensus daripada pakar meliputi kepelbagaian ransangan kecerdasan bahasa, strategi berasaskan pembelajaran sosio-budaya orang asli dan menggabungkan pengalaman sedia ada dengan kemahiran Prabacaan. Dapatan ini disokong oleh Mamat, Rami, Abdullah, Simin, & Azizah (2020) bahawa strategi pengajaran strategi pengajaran berpusatkan guru dan pengajaran berpusatkan bahan serta berpusatkan pelajar memberi kesan yang besar kepada para pelajar, terutama dari segi penguasaan Bahasa Melayu. Manakala M. N. bin A. Rahman, (2018) menyatakan pembelajaran secara kontekstual sesuai digunakan oleh guru dalam kelas. Ini membolehkan kanak-kanak Orang Asli mengaitkan apa yang dipelajari dalam kelas dengan kehidupan seharian.

Justeru, konsensus pakar bersetuju bahawa elemen strategi pengajaran integrasi disiplin ini meliputi keterangkuman pembelajaran abad ke-21, pendekatan bertema menerusi budaya masyarakat orang asli dan proses pemerolehan ilmu baru melalui nyanyian Lagu Sewang. Strategi pengajaran dan pembelajaran membaca kanak-kanak

